

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 69

Rabu

21 November 2007

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2008

Jawatankuasa:

Jadual

Maksud B.26

(Halaman 27)

Maksud B.27

(Halaman 84)

USUL:

Anggaran Pembangunan 2008

Jawatankuasa:

Maksud P.26

(Halaman 27)

Maksud P.27

(Halaman 84)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI-MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato Sri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. ” Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO

16. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Chan Kong Choy, P.N.B.S., S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - Senator
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. ” Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, **Dato’ Seri** Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasar Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Azalina binti Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato’ Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) – MIC

5. Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. " Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. " Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. " Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. " Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. " Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. " Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. " Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. " Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. " Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. " Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. " Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. " Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC
23. " Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. " Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO

26. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. ” Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji **Abdul Raman** bin Suliman - Senator

SETIAUSAHA-SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, **Dato' Ahmad Shabery Cheek** (Kemaman) – UMNO

7. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato’ Dr. S. **Vijayaratnam** - Senator
16. ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato’ Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato’ Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato’ Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato’ Abu Bakar bin Taib (Langkawi) – UMNO

11. Yang Berhormat Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. " Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. " Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. " Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. " Datuk Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. " **Datuk** Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
17. " Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. " Datuk Bung Mokhtar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. " Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. " Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. " Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. " Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. " Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. " Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. " Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. " Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. " Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. " **Datuk** Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. " Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. " Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. " Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. " Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. " Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. " Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. " Dato' Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. " Dato' Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. " Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. " Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. " Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. " Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. " Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. " Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) – UMNO

46. Yang Berhormat Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Yang Berhormat Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Datuk Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Dato Sri Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah (Mukah) - PBB
64. “ Dato’ Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur) - DAP
67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Dato’ Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Dato’ Dr. Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
79. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) – PAS

80. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd Isa bin Dato' Haji Abdul Samad (Jempol) - UMNO
81. " Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. " Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. " Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) – UMNO
84. " Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
85. " Dato' Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
86. " Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
87. " Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
88. " Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
89. " Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
90. " Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
91. " Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
92. " Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
93. " Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
94. " Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
95. " Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
96. " Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
97. " Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
98. " Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
99. " Dato' Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
100. " Dato' Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
101. " Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
102. " Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
103. " Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
104. " Dato' Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
105. " Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
106. " Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
107. " Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
108. " Dato' Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
109. " Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
110. " Dato' Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
111. " Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
112. " Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA

113. Yang Berhormat Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
114. “ Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
115. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
116. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
117. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
118. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) – SUPP
119. “ Yang Berhormat Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
120. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
121. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
122. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
123. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
124. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
125. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
126. “ Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
127. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
128. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
129. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen

Datuk Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mahmood bin Adam

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Roosme binti Hamzah

Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)

Muhd. Sujairi bin Abdullah

UNIT PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Haji Amran

Ab. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Ahmad Kamil bin Safian

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Ainul Wahidah binti Ismail @ Fakhri

Nur Hidayah binti Janudin

Nurul Shahida binti Haji Ahmad

Siti Khadijah binti Md Nor

Nooruanizam binti Nasir

Hafizah binti Abu Samah

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 21 November 2007

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan justifikasi melaksanakan "*International Organization for Standardization (ISO)*" terhadap tugas akademik di Institusi Pengajian Tinggi Awam di negara ini.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MS ISO 9000 sebenarnya adalah satu standard bertulis yang menetap dan menyenaraikan elemen-elemen asas yang perlu ada dalam sistem kualiti sesebuah organisasi bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan dapat memenuhi kehendak pelanggan. Pelaksanaan Standard MS ISO 9000 dalam perkhidmatan awam bertujuan untuk memastikan semua agensi kerajaan termasuk badan berkanun seperti IPTA dapat mengamalkan satu sistem pengurusan kualiti yang universal dengan izin, dan berlandaskan kepada standard yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Perkhidmatan awam Malaysia digalakkan mencapai taraf MS ISO 9000 bagi memantapkan lagi bagi sistem pengurusan kualiti yang sedia ada. Dalam hubungan ini pelaksanaan standard MS ISO 9000 di IPTA tidak akan menyekat kreativiti dan kebebasan ahli akademik dalam menjalankan tugas mereka bahkan dapat berfungsi sebagai *blue print* dengan izin untuk menambah baik dan meningkatkan sistem kualiti dan kecekapan serta keberkesanan tugas para pensyarah. Pelaksanaan standard MS ISO 9000 di IPTA telah dapat membantu meningkatkan lagi keupayaan pihak pengurusan IPTA membuat keputusan dengan lebih tepat, mewujudkan cara bekerja yang konsisten dan menepati prinsip betul pertama kali dan setiap kali yang secara langsung dapat mengawal kos kualiti bagi kerja-kerja yang berulang dan mengelakkan pembaziran serta meningkatkan produktiviti.

Standard MS ISO 9000 telah diguna pakai oleh 157 buah negara. Kementerian memberi jaminan bahawa pelaksanaan Standard MS ISO 9000 sama sekali tidak akan menjejaskan kreativiti dan kebebasan ahli akademik IPTA, sebaliknya mampu meningkatkan lagi kualiti urus tadbir IPT tempatan agar setanding dengan IPT lain di persada antarabangsa.

Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita sedar keperluan penarafan MS ISO 9000 yang dinyatakan begitu banyak kebaikannya. Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian sudah memberi persiapan yang cukup kepada para *academician* bagi mematuhi beberapa standard serta prosedur yang mereka patuhi.

Soalan kedua yang juga agak ringkas ialah dalam kaedah mengukur keberkesanan atau kecekapan atau proses ulangan yang dilaksanakan oleh para pengajar atau para pensyarah ini adalah sukar untuk mengukur secara ringkas atau secara tepat kerana terlalu banyak faktor lain dan mengambil kira bidang profesionalisme mereka juga kerana sebagai pendidik mereka mempunyai bidang-bidang yang berbeza. Kayu ukur yang sama tidak boleh digunakan kepada pengajar kejuruteraan dengan pengajar-pengajar di bidang ekonomi dan sebagainya. Bagaimanakah kementerian melihat kaedah ini supaya dapat diseragamkan, dengan adanya perkataan *standardization* yang boleh diguna pakai dalam mengukur kecekapan mereka. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ong Tee Keat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Hulu Langat di atas keprihatinan beliau terhadap kualiti IPT kita. Sukacita saya memaklumkan Yang Berhormat bahawa sesungguhnya pelaksanaan piawaian ISO ini bukanlah secara paksa dan bukanlah diseragamkan oleh kementerian saya. Sebaliknya ia adalah terserah kepada IPTA masing-masing. Ini kerana ia mengenai IPTA yang dibangkitkan tadi jadi saya jawab mengenai IPTA. Ia tidak merangkumi sebarang sukatan ataupun kaedah penyukatan terhadap urusan akademik tetapi sebaliknya ia lebih menjurus ke arah piawaian khas untuk urusan kewangan, urus tadbir kewangan, pendaftaran dan juga sumber manusia. Ia bukannya secara khusus seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat *diimposed*, dengan izin ataupun ia bukanlah dikhususkan untuk menyekat ataupun mengawal selia kualiti sesuatu program pengajian, khasnya dalam sesuatu jurusan pengajian yang khusus.

■1010

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apakah guna piawaian ISO 9000 apabila mutu universiti-universiti - IPTA semakin merosot yang dilihat daripada ranking terkini, *Times Higher Education Supplement* di mana semua universiti terkeluar daripada senarai 200 hingga sekarang kita tengok, kita tidak tahu apa universiti yang boleh kata *the premier university*. *Who is the best* universiti yang ada di Malaysia.

Adakah Universiti Malaya, tidak tahu? Sudah jatuh dan kalah kepada UKM tahun lalu dan tidak diiktiraf sebagai *five stars university* di dalam satu petunjuk yang dibuat oleh kerajaan sendiri. Adakah UKM sudah jatuh dalam tahun ini? Adakah Universiti Sains Malaysia di tangga ke-307 dan kenapa ini semua berlaku. Bukankah apa yang lebih mustahak ialah mengadakan *emphasis* mengenai bagaimana boleh memulihkan keunggulan, *excellent* meritokrasi universiti-

universiti kita. Bukan semacam apa yang berlaku ISO 9000, UUCA semacam Universiti Putra Malaysia sekarang di mana mahasiswa *Lee Sung Young* dianiayai.

Apabila Universiti Putra Malaysia sudah jatuh 52 tangga tahun lalu, 292 kepada tahun ini 364, bukankah *emphasis* semua sudah silap. Menteri Pengajian Tinggi pergi ke China menjadi *salesmen* untuk mendapatkan lebih pelajar-pelajar China datang ke Malaysia. Yang mustahak sekarang ialah bagaimana boleh memastikan adakah universiti-universiti Malaysia boleh dilihat dan diiktiraf sebagai antara 200 universiti yang terbaik di dunia.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh terperanjat dengan apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timor khasnya beliau merupakan seorang Ahli Parlimen yang begitu berpengalaman luas dan lama. Kita sedia maklum bahawa piawaian ISO itu seperti mana yang telah saya sebutkan tadi ia adalah lebih tertumpu kepada piawaian urus tadbir dan bukannya untuk menyukat prestasi ataupun keberkesanan sesuatu program akademik sepertimana Yang Berhormat sendiri hubung kaitkan.

Saya rasa terperanjat kerana Yang Berhormat sama ada beliau selama ini yang menguar-uarkan tentang keprihatinan beliau terhadap *international ranking* dengan izin yang rupa-rupanya saya kira beliau sampai sekarang pun belum lagi faham apa sebenarnya kaedah yang terkandung dalam sistem *international ranking times higher education supplement* yang dibangkitkan. Itu pun bukan satu kayu pengukur yang tunggal tetapi pihak kementerian tetap ambil maklum dan tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang masih lagi terkandung dalam sistem kita.

Itu tiada hubung kaitnya dengan soalan asal sebab soalan asal itu adalah atas ISO, piawaian yang telah saya sebutkan tadi. Yang Berhormat cuba hendak hubung kaitkan ini

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Menyampuk*]...adakah ini sikap...

Datuk Ong Tee Keat: Yang saya hendak jawab ini, saya kena jawab secara lantang untuk menangkis apa yang diputarbelitkan oleh Yang Berhormat. Yang dicakapkan itu walau pun benar ranking itu jatuh merosot, itu benar. Kita tidak nafi. Tidak ada *denial syndrome* dengan izin tetapi jangan cuba mengaburi mata masyarakat.

Yang Berhormat Menteri saya, beliau bertugas di negara China bukanlah bersiar-siar, bukanlah hendak bertugas sebagai *salesmen* sebagaimana yang didakwa. Itu adalah satu penghinaan yang amat sangat... [*Disorak*]

Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat kalaulah beliau bertugas untuk negara, bukan untuk menarik pelajar tetapi untuk menjaringkan kemuafakatan dengan negara China khasnya universiti-universiti yang tersohor di negara China, apa salahnya... [*Disorak*]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, sedikit pembetulan soalan menyatakan apakah mekanisme pemantauan – *monitoring mechanism*.

2. Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah mekanisme pemantauan yang digunakan bagi pembinaan

bangunan kedai dan pejabat yang tidak menguntungkan sedangkan terdapat bangunan-bangunan sedia ada yang kosong dan tidak diduduki serta masih ada yang terbengkalai.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dalam menjalankan sesuatu pemajuan pihak pemaju ataupun individu pada kebiasaannya akan membuat kajian kemungkinan ataupun *feasibility study* dalam menentukan sama ada pemajuan yang dilaksanakan kelak akan mendapat sambutan atau sebaliknya.

Bagi kes di mana pembinaan bangunan kedai dan pejabat yang tidak menguntungkan adalah di bawah kebijaksanaan serta tanggungjawab pemaju berkenaan dalam membuat pemasaran hartanah masing-masing dari aspek-aspek kebolehlaksanaan dan juga operasi selepas pembinaan. Pihak berkuasa tempatan (PBT) juga ada disarankan agar membuat penelitian dalam meluluskan jenis pemajuan yang sesuai mengikut permintaan pasaran semasa dan unjuran akan datang.

Oleh yang demikian, PBT seharusnya meluluskan permohonan pemajuan hartanah yang mempunyai permintaan yang tinggi dan bukannya yang telah menjangkau lebih pasaran. Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kadang-kadang bangunan terbengkalai ini akan mengundang masalah sosial seperti penagihan dadah dan sebagainya. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian jika boleh kalau kita meletakkan satu lagi *one-stop centre* (pusat sehenti), ketika di awal perancangan pembinaan bangunan di PBT seluruh negara dengan meletakkan satu peraturan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu yang prihatin tentang masalah berlakunya banyak rumah-rumah kedai yang tidak dapat digunakan ataupun tidak dapat dijual oleh pemaju.

Saya mengucapkan terima kasih di atas cadangan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Tangga Batu yang tentunya mempunyai pengalaman tentang masalah ini kerana beliau pernah Yang di-Pertua pihak berkuasa tempatan (PBT). Mungkin sudah tiba masanya pihak berkuasa tempatan di seluruh negara kita mengambil tindakan hutun memastikan melakukan suatu mekanisme pemantauan yang sesuai bagi menangani masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ini.

Cadangan untuk *one-stop centre* itu pun bolehlah dipertimbangkan. Kita akan membawa dalam mesyuarat-mesyuarat kita dengan kerajaan negeri supaya perkara ini dapat diambil tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju sangat pandangan-pandangan daripada kementerian tadi cuma saya juga fikir kita juga harus cemburu dengan banyak pembinaan rumah-rumah kedai.

Pertamanya menjadi rumah burung layang-layang yang bermaharajalela sekarang ini di beberapa tempat, pekan dan bandar di dalam negara kita khasnya di kawasan saya.

Keduanya juga menjadi rumah atau asrama kediaman sementara pekerja-pekerja asing yang menggambarkan suatu pandangan yang amat tidak selesa dalam negara kita. Apakah tindakan kementerian untuk mengatasi masalah ini, pemandangan yang pada saya tidak selesa termasuklah rumah-rumah burung yang sangat berbahaya sekiranya berlaku penyebaran penyakit. Sekian, terima kasih.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Berkenaan dengan bangunan-bangunan yang dijadikan rumah untuk burung layang-layang dan burung-burung lain yang menghasilkan pendapatan kepada peniaga-peniaga tertentu memang sudah ada kaedah pun.

Pihak berkuasa tempatan mengetahui tentang perkara ini di mana mereka yang ingin mengusahakan bangunan-bangunan tersebut dijadikan perniagaan untuk tempat datangnya burung layang-layang ini ada lesen-lesen tertentu yang dikeluarkan dan pengawalan yang tertentu. Kalau Yang Berhormat ada maklumat tentang perkara seperti ini yang menyatakan kacau ganggu dan menyebabkan penyakit dan masalah yang kotor bolehlah membuat laporan kepada pihak yang berkenaan pihak berkuasa tempatan.

Berkenaan dijadikan rumah-rumah untuk tempat tinggal buruh-buruh asing dan sebagainya jika dia bukan untuk kediaman, cuma untuk pejabat dan kedai dan sebagainya ini kita kena tengok semulalah Yang Berhormat kerana kalau bukan kediaman dia sebenarnya tidak boleh dijadikan tempat kediaman pula.

■1020

Jika menyebabkan kacau ganggu juga, masalah kepada jiran-jiran berdekatan di situ dan sebagainya. Pihak berkuasa tempatan juga mempunyai kuasa di bawah Akta Kerajaan Tempatan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pemilik bangunan tersebut jika berlaku kacau ganggu seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

3. Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Said [Kota Belud] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan apakah langkah yang diambil untuk mengatasi masalah kesesakan di penjara seluruh negara yang kebanyakannya dihuni warga asing. Mengikut perangkaan bahawa hampir separuh atau kira-kira 24,000 daripada 49,000 penghuni penjara seluruh negara ini terdiri daripada warga asing.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, statistik sehingga 16 Oktober 2007, jumlah penghuni di institusi penjara tidak termasuk depot tahanan PATI adalah 40,821 orang berbanding dengan kapasiti sebenar iaitu 31,280

orang. Lebih sebanyak 9,541 orang atau 30.5% ini jelas menunjukkan lebih muatan dan berbanding dengan kapasiti sebenar institusi penjara. Daripada jumlah itu terdapat 15,117 orang atau 37.8% adalah warganegara asing. Untuk 11 depot tahanan pendatang asing tanpa izin yang kini berada di bawah pengurusan Jabatan Penjara, kapasiti adalah 7,550 orang manakala jumlah PATI yang ditahan adalah 5,669 orang.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah kesesakan di institusi penjara ini. Di antaranya ialah:

- (i) melaksanakan pemindahan penghuni penjara dari penjara yang sesak ke penjara yang kurang sesak;
- (ii) memohon peruntukan tambahan bagi kerja-kerja pembaikan, menaik taraf dan pembinaan semula blok penempatan yang rosak dan pengubahsuaian bangunan penjara untuk dijadikan blok penginapan penghuni dan seterusnya meningkatkan kapasiti sesebuah penjara;
- (iii) pembukaan semula penjara Johor Bahru yang dijangka akan beroperasi pada 1 Januari 2008 bagi menempatkan banduan reman dengan kapasiti 1,000 orang. Kerajaan Negeri Johor bersetuju dengan pembukaan semula penjara tersebut bagi tempoh dua hingga tiga tahun;
 - (a) Melaksanakan cadangan pembinaan 16 buah penjara baru di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Sekiranya pelaksanaan pembinaan penjara baru ini dan pengubahsuaian penjara berjalan mengikut jadual pada tahun 2010 kapasiti di institusi penjara dijangka akan dapat ditambah sebanyak 15,400 orang bagi banduan;
 - (b) Meminta Jabatan Peguam Negara dan mahkamah bagi mempercepatkan proses percikaraan kes-kes reman yang berjumlah kira-kira 13,880 orang atau 34.2% daripada jumlah penghuni penjara; dan
 - (c) Memperkenalkan konsep pemenjaraan tanpa tembok melalui pelaksanaan sistem parol di bawah kendalian Jabatan Penjara Malaysia serta pelaksanaan arahan khidmat masyarakat CSO di bawah kendalian Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Sekian, terima kasih.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan apa yang dilaporkan tadi terdapat kesesakan di penjara-penjara dalam negara kita. Tidakkah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan apa yang dikatakan konsep *house arrest* bagi kesalahan-kesalahan yang dikategorikan tidak begitu berbahaya seperti sebagai contoh hukuman-hukuman yang dikatakan denda kurang daripada RM2,000 dan seumpamanya untuk kita mengatasi masalah ini. Jadi ada negara lain di dunia ini yang telah menggunakan

house arrest dan didapati ia sangat berkesan dan tidak menyesakkan penjara-penjara dalam negara mereka. Apa cadangan kementerian?

Datuk Fu Ah Kiow: Setakat ini kerajaan belum memikirkan pelaksanaan konsep tersebut tetapi apa yang telah diluluskan oleh Parlimen ialah sistem CSO di mana kalau mereka yang terbabit dalam kesalahan kecil-kecilan, mereka boleh diperintah oleh mahkamah untuk menjalankan kerja khidmat masyarakat untuk mereka yang di bawah umur 21 tahun. Itu adalah dalam pelaksanaan dan persiapan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, selain daripada kita sekarang ini menanggung kos yang begitu tinggi untuk menjaga banduan-banduan ini, terutama sekali kes-kes yang tertunggak. Banduan dari negara asing ini barangkali boleh kita cadangkan kita hantar balik ke negara mereka untuk mengurangkan beban yang terpaksa kita hadapi. Kalau tidak mereka akan memberi tanggapan negatif ke atas negara kita seolah-olah kita berlaku tidak adil. Tadi Yang Berhormat sebut kes-kes yang tertunggak seolah-olah tanggapan negatif ini dapat kita elakkan ataupun kita asingkan mereka ini dengan banduan-banduan lain yang tempatan.

Jadi saya ingat elok kita hantar balik mereka ini untuk mengurangkan bebanan yang ditanggung oleh kerajaan ke atas banduan-banduan dari negara asing ini, pulang ke negara mereka. Biar mereka selesaikan di negara mereka. Apa pandangan Yang Berhormat terhadap perkara ini?

Datuk Fu Ah Kiow: Kita pernah mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak negara asal yang di mana warga negara mereka terbabit dalam kesalahan undang-undang di negara ini tetapi mereka tidak mahu terima banduan sini dan jalankan hukuman di negara asal, mereka memang tidak setuju. Ia mungkin akan memberi satu tanggapan yang kurang sihat juga kepada warganegara asing bila disabitkan salah oleh mahkamah, terus dihantar balik tanpa menjalankan hukuman, ia akan memberi satu gambaran seolah-olah mereka boleh melakukan kesalahan dan boleh lari daripada hukuman keadilan dalam negara kita.

Itu pun bukan sesuatu yang sihat dan apa yang kita lakukan sekarang ialah kita pastikan dia jalankan hukuman dulu dan baru kita hantar balik. Saya percaya kalau kita mempercepatkan proses perbicaraan di mahkamah dan penuduhan, maka kita dapat mengurangkan masalah kesesakan di penjara di mana reman adalah hampir 30%. Sekian terima kasih.

[Soalan No. 4 - Y.B. Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong] tidak hadir]

[Soalan No. 5 - Y.B. Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang] tidak hadir]

6. Datuk Ronald Kiandee [Beluran] minta Menteri Kewangan menyatakan kemampuan Lembaga Hasil Dalam Negeri mengutip cukai yang dianggarkan sebanyak RM69 bilion tahun ini. Adakah kementerian maklum tentang aktiviti perniagaan tidak berdaftar di ladang-ladang kelapa sawit yang dilakukan di kalangan pekerja asing. Apakah tindakan terhadap kumpulan peniaga ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:

Terima kasih Yang Berhormat Beluran, saya minta maaf ada di luar tadi, tak sangka soalan cepat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dengan keupayaan anggota yang pada masa ini terdiri daripada 4,165 pegawai teknikal dan 4,837 pegawai sokongan, Lembaga Hasil Dalam Negeri yakin ia berkemampuan untuk mengutip jumlah cukai yang dianggarkan sebanyak RM69 bilion pada tahun 2007. Berhubung dengan aktiviti perniagaan tidak berdaftar yang dilakukan oleh pekerja asing di ladang-ladang kelapa sawit, Lembaga Hasil Dalam Negeri juga sedar akan aktiviti tersebut. Justeru tindakan mengesan peniaga-peniaga tersebut sentiasa dilakukan melalui operasi banci *business* dan pengesanan.

Satu kaedah yang digunakan untuk menjalankan operasi ini adalah sama bagi semua jenis aktiviti perniagaan iaitu dengan mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan sama ada melalui:

- (i) notis atau surat di bawah peruntukan Seksyen 81 Akta Cukai Pendapatan 1967 kepada perniagaan atau orang perseorangan untuk membekalkan maklumat contohnya syarikat perladangan;
- (ii) lawatan banci *business* ke premis atau tempat perniagaan dijalankan berdasarkan kepada lokasi perniagaan baru kawasan perniagaan untuk berpotensi tinggi dan kawasan yang dikenal pasti daripada makluman balas pemetaan zon ekonomi di setiap cawangan Lembaga Hasil; dan
- (iii) maklumat yang diperolehi daripada pelbagai sumber seperti agensi kerajaan atau aduan orang awam melalui bahan-bahan bacaan serta media termasuk penggunaan internet.

■ 1030

Bagi peniaga yang di kesan terlibat dalam aktiviti tersebut fail cukai pendapatan akan tidak didaftarkan dan tidak akan menaksir pendapatan akan dibuat terhadap mereka. Sekiranya didapati tidak berkelayakan mereka yang terlibat ini seterusnya akan dikenakan cukai pendapatan.

Bagi pekerja asing pula, secara umumnya pendapatan atau bayaran upah yang diterima oleh mereka adalah kecil dan tidak layak dikenakan cukai. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat kes di mana pekerja asing menggunakan lesen atau permit perniagaan warga tempatan dalam kontrak kecil pekerja-pekerja ladang tidak sewajarnya akan diambil bagi memastikan cukai akan ditaksir sekiranya bayaran yang diterima layak dikenakan cukai, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasihlah kepada kementerian kerana sedarkan perkara yang kedua dalam soalan saya.

Saya ingin maklumkan bahawa perkara ini *rampant*, banyak berlaku kerana kontraktor pekerja asing ini lebih murah daripada pekerja di kalangan kontraktor tempatan dan pengusaha ladang lagi suka untuk memberikan kerja kepada kontraktor pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengamalkan taksiran *Self Assessment* dalam pungutan cukai. Saya yakin pekerja bergaji seperti pekerja kerajaan dan pekerja bergaji di pihak swasta mengemukakan *assessment* yang tidak boleh lari daripada gaji pendapatan mereka setiap tahun.

Dalam pelaksanaan ini adakah Kementerian mengesan peniaga besar yang tidak memberi *assessment* sebenarnya terhadap pendapatan mereka? Adakah tindakan telah diambil dan adakah *random checking* yang dibuat Lembaga Hasil Dalam Negeri mengesan akan peniaga besar yang bersifat sedemikian tidak memberi *assessment* terhadap keuntungan mereka secara tepat kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ini memang rumusan yang sentiasa dijalankan oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Saya hendak bagi angka-angka yang terdapat dalam rekod Tuan Yang di-Pertua. Ini kerja-kerja yang dijalankan dan berterusan. Dalam hal Lembaga Hasil Dalam Negeri membuat lawatan ke premis-premis secara berterusan. Saya nak sebut di sini sejumlah 110,000 premis perniagaan telah dilawat semasa lawatan banci *business*. Bermakna *business* yang baru yang belum ada rekod, pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri pergi lawatan dan kalau didapati memang kena bayar hasil dia akan didaftar segera.

Daripada jumlah tersebut 8,000 daripada pendapatan baru telah dibuat pembersihan asas cukai. Sebanyak 6,100 telah dicadangkan untuk tindakan audit luar dan sebanyak 2,400 kes telah dijalankan untuk tindakan audit potongan cukai berjadual PCB. Bermakna semua tidak dapat lari Tuan Yang di-Pertua, syarikat kecil ataupun besar kalau didapati memang kena cukai ia akan dikenakan cukai.

Kes-kes mahkamah telah pun diambil dalam. Contohnya kes sehingga Jun 2007, 5,777 telah pun dibawa ke mahkamah dan 73% sudah selesai. Bermakna sentiasa diteruskan Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Orang Malaysia yang menjalankan perniagaan dalam negara kita memang tidak boleh lari, tetapi pada hari ini kalau kita lihat subkontraktor-subkontraktor kerja kontrak pekerja asing, Pasar Chow Kit, Pasar Selayang yang berniaga sekeliling orang asing.

Jadi apakah usaha Lembaga Hasil Dalam Negeri kerana mereka ini datang sebagai orang asing tetapi mengaut kekayaan negara, rakyat Malaysia tidak terlepas. Kebanyakannya pekerja asing ini kita tidak buat apa-apa akhirnya negara akan rugi.

Apakah tindakan lembaga sama ada nak mewujudkan satu unit khas untuk mencari mereka-mereka ini yang pada hari ini mengaut keuntungan negara? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ada dua kategori pekerja asing. Satu yang bawa masuk sebagai buruh biasa ini, yang itu pendapatannya kecil dan memang tidak kena cukailah. Kedua adalah *expatriate* yang memang dikenakan cukai dan mereka dikenakan cukai berjadual, dibayar ikut bulanan tetapi jikalau mereka nak keluar negara dan tidak balik dah maka ada *holding tax*. Maknanya ditahan sebulan gaji mereka, nak pastikan cukai dibayar dan selepas yang selebih itu akan dipulangkan balik.

Kepada yang lain-lain itu yang berniaga seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jasin. Yang itu mereka tertakluk kepada kes-kes di mana lawatan-lawatan dibuat di premis-premis dan kalau memang didapati kena cukai maka fail akan dibuka, Tuan Yang di-Pertua.

7. Tuan Teng Boon Soon [Tebräu] minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah air minuman botol jenis "Reverse Osmosis" dan "Distillation" di dalam pasaran kita menjejaskan kesihatan pengguna. Apakah mekanisme untuk memastikan air minuman botol di dalam pasaran adalah selamat digunakan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, proses osmosis songsang atau "*reverse osmosis*" dengan izin dan juga penyulingan atau "*distillation*" dengan izin, merupakan salah satu kaedah rawatan air yang digunakan secara komersial ketika ini.

Air yang terhasil daripada proses ini adalah air yang bersih, selamat diminum dan tidak menjejaskan kesihatan pengguna tetapi ia kurang dari sudut kandungan mineralnya.

Peraturan di bawah Peraturan Makanan 1985 menetapkan bahawa pengeluaran air minuman berbungkus iaitu air osmosis songsang" mahupun air suling untuk tujuan komersial memerlukan kelulusan lesen daripada Kementerian Kesihatan bagi memastikan air tersebut memenuhi dan mematuhi standard yang ditetapkan. Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]: Tuan Yang di-Pertua, saya baca laporan perubahan dari pakar perubahan di Barat bahawa ada kolerasi antara penggunaan air *purify water* ataupun *distilled water* dengan insiden *cardiovascular diseases*. Sebabnya dia kata lebih lama kita minum *distilled water* jadi mungkin berlaku dengan izin *development of mineral deficiencies in acid state*. Jadi orang yang menggunakan hanya *purify water* bagi satu masa yang lama akhirnya akan

develop multiple mineral deficiency. Bolehkah kita minta penjelasan dari kementerian demi kesihatan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Yang Berhormat bagi Tebrau adalah amat tepat dan betul macam seorang pakar jantung.

Seperti katakan dari awal tadi, ia adalah selamat diminum tetapi pengguna kena sedar bahawa kandungan mineralnya adalah macam air suling *almost* dengan izin 0% mineralnya, macam air bateri kereta Tuan Yang di-Pertua. Sementara "*reverse osmosis*" ia berkurangan tetapi perlu memenuhi piawaian-piawaian yang ditetapkan mengikut standard yang kita tetapkan.

Jadi memang betul kalau kita minum air suling ini secara berterusan tanpa meminum air-air lain memanglah kandungan mineral kita akan kurang. Kita perlu ingat kita asal dari...

Tuan Yang di-Pertua: Kurang ke tidak ada langsung?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tidak ada langsung kalau diminum sahaja air suling sahaja tetapi kita kena ingat Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Kurang ke tidak ada langsung?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tidak ada langsung, tetapi kita kena ingat....

Tuan Yang di-Pertua: Adakah mineral itu disedut melalui wap sekali? Tidak boleh? Tidak ada *trace* langsung?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Air suling diwapkan pada suhu yang tinggi kemudian ia betul-betul air suling. Jadi kita...

Tuan Yang di-Pertua: Ia tidak ada mineral langsung? Boleh disedut?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Boleh, tetapi biasanya kita tidak minum air sahaja kita makan juga dan apa-apa yang kita makan adalah daripada tanah, sebab kita asal daripada tanah. Apa yang ada dalam tanah ada dalam diri kita.

■1040

Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, kita perlu ingatkan kepada pengguna, mereka perlu mengambil makanan-makanan sampingan yang lain dan minuman-minuman yang lain daripada minuman yang tersebut. Terima kasih.

Datuk Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu juga air dalam botol ini pada pasaran kita juga terdapat sekarang ini air yang mengandungi dikatakan lebih oksigen dalam itu. Ini juga sesuatu yang masyarakat tertanya-tanya, apakah selamat juga air ini diminum atau apakah sahaja untuk gimik penjualan atau sebagainya. Saya hendak minta pendapat daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri ini.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, oksigen dalam udara kita ini 21%. Yang lain itu nitrogen. Kita masih rasa selamat lagi dengan kadar peratusan oksigen 21% dalam udara. Jadi tidak perlulah ada dalam air pula. Itu hanyalah gimik semata-mata. Terima kasih.

8. Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading] minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah warganegara Malaysia yang melepaskan kerakyatan mengikut pecahan kaum serta negara mana tempat mereka memohon kerakyatan sejak tahun 2000 hingga Disember 2006.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2000 sehingga Disember 2006, seramai 16,474 warganegara Malaysia telah menolak kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 23, Perlembagaan Malaysia. Berdasarkan jumlah tersebut, jumlah pecahan mengikut kaum dari tahun 2000 hingga Disember 2006 adalah seperti berikut:

KAUM	JUMLAH ORANG
Cina	14,316
Melayu	1,098
India	822
Lain-lain	238

Negara-negara tempat mereka memohon kerakyatan ialah India, Sri Lanka, Singapura, Jepun, Britain, Australia, Denmark, Pakistan, Kanada, Indonesia, Arab, Hong Kong, Amerika Syarikat, Taiwan, Thailand, Jerman, New Zealand, Perancis, Sweden, Austria, Ireland, Belgium, Norway, Brunei, Switzerland, Itali, Mesir, Fiji, Filipina, Kenya, Korea, Finland, Cyprus, Netherlands, Luxembourg, Venezuela dan Jordan. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian. 16,474 itu dia melucutkan secara sukarela. Soalan tambahan saya, apa kesalahan-kesalahan yang boleh menyebabkan taraf kewarganegaraan boleh dilucutkan dan ada tidak – kalau Yang Berhormat ada – kalau boleh jawab, jawab, kalau tidak, secara bertulis, berapa ramai yang telah dilucutkan atas kesalahan yang menyebabkan taraf kewarganegaraannya dilucutkan. Kalau ada sedikit maklumat daripada Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Pelucutan taraf warganegara diperuntukkan di bawah Perkara 24 Perlembagaan Malaysia iaitu:

- (i) jika Kerajaan Persekutuan berpuas hati bahawa seseorang warganegara telah mengambil kewarganegaraan mana-mana negara luar Persekutuan;

- (ii) di samping itu Kerajaan Persekutuan juga boleh melucutkan taraf warganegara seseorang yang mengambil hak negara asing serta mengundi di dalam pilihan raya negara itu;
- (iii) warganegara tersebut memiliki pasport negara asing.

Peruntukan ini disebut di bawah Perkara 24(2) dan Perkara (3A). Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, boleh tidak saya sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Rembau ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Begini, Tuan Yang di-Pertua, ada orang minta kewarganegaraan kita, dia dapat warganegara kita dia buat kesalahan. Orang macam itu boleh tidak kita ambil tindakan. Saya tengok tidak ada undang-undang yang boleh kita lucutkan semula.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Rembau ya. Itu boleh ditanya kemudian.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana ramai yang melepaskan kerakyatan mereka, cuma saya tertarik hati, ada tidak kerajaan buat kajian sebab-sebab selain daripada yang dinyatakan tadi, mereka ini melepaskan kerakyatan mereka termasuk orang Melayu tadi yang ada jumlahnya 1,098 orang. Adakah kerana mereka tidak dapat peluang pekerjaan di negara lain ke ataupun sebab-sebab lain? Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Rembau. Jawapan yang saya beri tadi ialah mengenai pelucutan. Yang Berhormat sekarang bertanya tentang yang menolak atau *surrender*.

Suka saya nyatakan bahawa sejak tahun 1957 selepas merdeka sehingga sekarang, terdapat 106,000 orang yang telah menolak kerakyatan. Sebab-sebabnya adalah antaranya seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, mereka ingin tinggal di negara tersebut kerana suka tinggal di situ.

Yang kedua, mungkin tawaran-tawaran pekerjaan yang lumayan.

Yang ketiga, barangkali memikirkan peluang persekolahan anak mereka yang lebih baik dan memikirkan cara itu sahaja yang membolehkan anak-anaknya bersekolah ataupun lain-lain keadaan yang mendorong mereka berbuat demikian mengikut pilihan dan dibuat secara sukarela. Terima kasih.

9. Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah perancangan yang sedang dan akan dilaksanakan oleh kementerian untuk meningkatkan lagi mutu pelajaran dan pembelajaran bagi menambahkan modal insan serta *soft skill* bagi para pelajar.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Proses pendidikan yang diguna pakai pada masa ini adalah berlandaskan kepada falsafah pendidikan kebangsaan yang menekankan perkembangan individu yang menyeluruh dan bersepadu ke arah melahirkan modal insan yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara.

Justeru itu, kurikulum KBSR dan KBSM menekankan kepelbagaian dalam pendekatan pengajaran dan pembelajaran seperti pembelajaran kontekstual, *constructivism*, pembelajaran *mastery* dan pembelajaran akses sendiri yang berupaya memupuk pelbagai kemahiran generik atau *soft skill* dalam kalangan pelajar.

Selain itu dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, penekanan yang diberikan adalah untuk melengkapkan diri pelajar dengan kemahiran berkomunikasi, merentas kurikulum dan kokurikulum di samping memperbanyakkan kursus-kursus baru aliran vokasional serta program-program kemahiran asas ICT bagi memastikan para pelajar memilih *soft skill* yang dapat memenuhi kehendak pasaran. Terima kasih.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih timbalan menteri yang telah menjelaskan dengan begitu terperinci. Sekarang kita dapat tahu RM30 bilion adalah diperuntukkan untuk pendidikan, khususnya memperkasakan modal insan. Jadi sekarang kita dapat tahu peperiksaan penilaian umpamanya, begitu *stress* sekali di kalangan pelajar, ibu bapa juga sekolah-sekolah yang menekankan untuk mendapat 5A, dengan izin, *exam-oriented* ini. Kesan daripada itu kita dapati ada yang membunuh diri, umpamanya, sebelum ini daripada Nibong Tebal dan juga tiga tahun lepas di Kelantan daripada luar bandar.

Soalan saya, oleh kerana 90% daripada akademik, hanya 10% sahaja kurikulum dan ini adalah merupakan modal insan. Di sekolah menengah ataupun khususnya di universiti, satu mata pelajaran yang baru iaitu *creative thinking* telah pun diperkenalkan. Untuk memperkayakan modal insan ini, adakah pihak kementerian bercadang untuk mengadakan satu mata pelajaran khusus di sekolah rendah lagi kerana kalau kita hendak melentur buluh, tentunya di waktu rebung.

Sebagai mencapai matlamat mentaliti kelas pertama, saya kira adalah cukup elok dengan peruntukan yang begitu banyak, memperkayakan modal insan ini supaya dapat diperkenalkan di sekolah rendah lagi, umpamanya *public speaking* dan *creative thinking* ini. Satu mata pelajaran iaitu *creative thinking* di sekolah rendah, bagaimana cadangan daripada kementerian? Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Krai yang memberikan cadangan dan juga pandangan untuk memperkayakan modal insan yang tidak hanya bergantung kepada kelulusan peperiksaan sahaja.

■1050

Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa Kementerian Pelajaran memang sedang mengkaji untuk merombak secara keseluruhan sistem dan juga sukatan pendidikan pelajaran. Ini diramalkan selepas 2010, akan kita lihat perubahan-perubahan ini. Pada masa sekarang ini kita terus memberikan penekanan kepada pelajar-pelajar bukan hanya untuk mencapai kejayaan cemerlang dalam akademik, tetapi juga dalam bidang ko-kurikulum. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, mulai tahun ini sudah dua tahun berturut-turut, kita telah memperkenalkan anugerah-anugerah kecemerlangan ko-kurikulum di semua peringkat untuk kita melahirkan pelajar-pelajar yang seimbang.

Mengenai cadangan Yang Berhormat, memang kita telah pun masukkan di dalam kurikulum kita beberapa kemahiran seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran menggunakan teknologi, merancang dan mengelola aktiviti, kemahiran bekerja dengan orang lain dalam kumpulan, kemahiran menggunakan idea dan teknik matematik, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran mengurus, memilih dan menganalisis maklumat. Juga seperti yang dinyatakan Yang Berhormat tadi mengenai mata pelajaran kreatif dan juga inovasi ini, kita telah pun memperkenalkan di Tingkatan 4 dan juga Tingkatan 5. Di samping itu kita juga menyediakan 22 mata pelajaran vokasional di sekolah harian, untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang kurang cemerlang dalam bidang akademik melibatkan diri dalam bidang kemahiran. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Saya ingin menyebut di sini bahawa agenda Pembangunan Modal Insan merupakan agenda utama sekarang ini. Saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan meletakkan agenda Pembangunan Modal Insan ini di bawah *National Impact Task Force* (NITF). Saya melihat bahawa kita hanya meletakkan agenda-agenda pembangunan infrastruktur sahaja. Pembangunan fizikal sahaja di bawah agenda NITF, sedangkan ini jauh lebih penting membangun manusia itu terutamanya membangun dari segi *soft skill* tadi seperti yang disebutkan oleh Kuala Krai pembangunan, pemikiran kreatif, pembangunan integrasi dan perpaduan. Saya mengesyorkan supaya agenda ini juga dimasukkan di bawah Program NITF, *National Impact Task Force*.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai penekanan modal insan sejajar dengan perancangan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan juga harapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, supaya di bawah Pelan Induk Pembangunan Pendidikan kita meletakkan modal insan ini dalam teras yang kedua. Teras kita yang pertama ialah membina negara bangsa. Itu adalah lebih penting untuk perpaduan dan sebagainya.

Keduanya ialah modal insan sebagai teras yang kedua. Mengenai cadangan Yang Berhormat untuk meletakkan modal insan di bawah NITF, ini saya boleh kemukakan kepada pihak kementerian kerana kita sedia maklum yang menjadi pengerusi NITF ini ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Namun demikian di peringkat Kementerian Pelajaran, kita memang ada membuat report kad kajian dalam setahun, dua kali. Pertengahan tahun dan juga hujung tahun kita akan melihat segala pelaksanaan, termasuklah juga modal insan. Bagaimana keberkesanannya pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang dirancang untuk kita melahirkan modal insan yang seimbang. Jadi insya-Allah di peringkat Kementerian Pelajaran memang kita pantau dan cadangan Yang Berhormat saya akan bawa kepada Kementerian Pelajaran. Terima kasih.

10. Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan langkah pendidikan yang diambil bagi mengekang masalah penderaan, pembuangan dan pembunuhan bayi di kalangan masyarakat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Lembaga Pembangunan Penduduk Keluarga dan Negara sentiasa komited, prihatin dan bertanggungjawab dalam usaha menangani masalah-masalah tersebut. Antara langkah-langkah yang telah diambil bagi mengekang masalah ini adalah:

- (i) sebanyak 131 Pasukan Perlindungan Kanak-kanak telah ditubuhkan di peringkat komuniti bagi mengerakkan penyertaan masyarakat setempat dalam menangani isu-isu berkaitan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dengan menjalankan Program Invokasi dan Intervensi seperti seminar, bengkal, ceramah, kursus motivasi, bimbingan dan kaunseling;
- (ii) kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan diwujudkan untuk menyediakan pusat perlindungan bagi wanita 18 tahun ke atas yang hamil luar nikah supaya kebajikan kedua-dua ibu dan anak lebih terjamin;
- (iii) kementerian memberi penekanan kepada Program Keibubapaan seperti *Smart Start*, *Modul Kasih* dan terkini program *Parenting at Work* bagi membantu ibu bapa mengimbangi tanggungjawab antara keluarga dan kerja;
- (iv) menyediakan khidmat bimbingan dan kaunseling kepada kanak-kanak dan keluar yang memerlukan;
- (v) menyediakan perkhidmatan talian bebas tol atau Tele Dera yang berfungsi 24 jam yang diperkenalkan sejak tahun 1992; dan

- (vi) melalui Kementerian Pelajaran Malaysia, kerajaan telah memperkenalkan pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial di sekolah-sekolah secara rintis yang akan diterapkan melalui mata pelajaran sedia ada seperti Bahasa, Pendidikan Kesihatan, Sains, Biologi, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Setiausaha Parlimen kerana jawapan yang begitu jelas. Soalan tambahan. Sebelum itu, saya hendak nyatakan bahawa manusia ada dua sikap iaitu *logical mind* dan *emotional mind*. *Logical mind* ialah jiwa *mutma'inah*, *roodiah*, *mar'diah*, kamil. Apabila *emotional mind* ialah amarah, lawah, *mulhamah* ertinya jiwa jahat. Apakah ada kementerian menyediakan satu modul keibubapaan keluarga untuk mendidik supaya menjadi jiwa-jiwa *mutma'innah*, *roodiah*, *mar'diah*, kamil itu. Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [Menyampuk]

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya semalam menonton TV3. Saya melihat seekor burung unta mengejar orang putih kerana mencuri telur, dan ia dibelasah dengan teruk. Telur pun dia sayang ada sepuluh biji, apa salahnya beri sebiji. Minta jawapan.

Datin Padukan Chew Mei Fun: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh, sebenarnya seperti apa yang saya telah maklumkan tadi kementerian telah pun mewujudkan kursus-kursus keibubapaan dan masalah yang dihadapi oleh kementerian ialah yang ada masalah mereka sentiasanya mereka tidak hadir ke kursus-kursus sebegini. Oleh itu untuk mengatasi masalah ini kerajaan telah pun melaksanakan satu program iaitu *parenting at work* yang mana kami wujudkan kursus keibubapaan ini di tempat-tempat kerja. Supaya semua kakitangan atau pekerja-pekerja dapat menyertai atau mengambil bahagian dalam kursus-kursus sebegini semasa bekerja, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Maran.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang Dipertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Masalah penderaan, pembunuhan, pembuangan pada kanak-kanak ini bukan sahaja melibatkan orang-orang ataupun penjenayah di luar daripada keluarga, tetapi sebahagiannya melibatkan keluarga sendiri. Seperti yang berlaku dalam negara kita seperti yang kita dengar baru-baru ini, saya ingin tahu daripada pihak kementerian berapakah kes pembunuhan dan juga penderaan yang melibatkan keluarga yang terdekat, yang paling dekat, maknanya ibu bapa dan mungkin datuk, nenek dan sebagainya dalam tempoh tahun 2007 ini. Dari segi kajian yang dibuat, apakah terdapat peningkatan ataupun pendorongan jenayah ini ataupun penderaan-penderaan ini yang melibatkan kanak-kanak ini sejak lima tahun kebelakangan ini? Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih Yang Berhormat Maran. Mengikut statistik yang saya ada di sini, dari punca-punca kes penderaan kanak-kanak mengikut jenis penderaan itu, kita dapat tahu kebanyakannya adalah melibatkan ahli-ahli keluarga. Jenis penderaan yang terbanyak ialah seksual. Kedua adalah diabaikan, ketiga fizikal, keempat emosi dan psikologi dan kelima terdampar atau buang bayi. Ini menunjukkan kebanyakan kes ini adalah melibatkan ahli keluarga. Sekian terima kasih.

■1100

11. Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian] minta Menteri Kesihatan menyatakan, langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah kekurangan doktor di hospital-hospital kerajaan di Sarawak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, masalah kekurangan doktor bukan sahaja berlaku di negeri Sarawak tetapi juga di Semenanjung dan Sabah. Oleh itu beberapa langkah telah pun diambil oleh pihak kementerian bagi mengatasi masalah kekurangan seperti berikut:

- (i) menggunakan khidmat pegawai perubatan swasta untuk bertugas di hospital-hospital kerajaan secara *seasonal*;
- (ii) mengambil pegawai perubatan bukan warga negara secara kontrak; dan
- (iii) menetapkan supaya pegawai-pegawai perubatan yang berasal dari Sarawak diwajibkan berkhidmat di negeri asal sekurang-kurangnya dua tahun dan sebagainya.

Bagi mengatasi kekurangan pegawai perubatan di tempat-tempat yang terpencil, kementerian akan sentiasa menambahkan bilangan pasukan doktor udara atau *flying squad service*, daripada semasa ke semasa mengikut keperluan supaya rakyat di kawasan pedalaman turut menikmati perkhidmatan kesihatan yang berkualiti. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Serian.

Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Ini masalah kekurangan doktor di Hospital Daerah Serian khususnya. Tuan Yang di-Pertua, Hospital Daerah Serian hanya mempunyai lima orang doktor sedangkan jawatan yang ada di situ adalah 19 orang. Ini bermakna kekurangan 14 orang doktor. Jadi Tuan Yang di-Pertua, mendengar kepada jawapan yang telah diberikan daripada Setiausaha Parlimen, saya ragu masalah yang sedang berlaku di Hospital Daerah Serian ini boleh dapat diatasi dalam masa terdekat. Jadi soalan saya, khususnya untuk Hospital Daerah Serian, apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian agar pengisian jawatan 14 orang ini dapat diatasi sekurang-kurangnya separuh daripadanya? Sekian, terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan Hospital Daerah Serian, saya akan bincangkan dengan *human resources* ataupun bahagian sumber manusia kita dan kita tengok bagaimana kita boleh atasi cabaran yang kita hadapi. Tetapi

keseluruhannya seperti yang kita sentiasa maklum bahawa bilangan doktor di negara ini memang satu cabaran kepada kita semua dan keadaan bukan sahaja di Sabah dan Sarawak dan di pedalaman tetapi di Semenanjung juga kita menghadapi cabaran ini iaitu cabaran kekurangan doktor sebab kita memang mempunyai masalah untuk menghasilkan doktor yang secukupnya. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di Sri Aman pun cerita yang sama juga, tidak ada doktor yang mencukupi. Tetapi memandangkan jawapan yang tadi, kita kekurangan, tidak mencukupi di Sri Aman. Memandangkan jawapan yang telah diberi tadi Tuan Yang di-Pertua, kita kekurangan doktor di seluruh negara.

Pertanyaan saya adalah apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh kementerian untuk menentukan universiti kita mengeluarkan jumlah doktor yang mencukupi dan juga langkah-langkah yang diambil untuk menentukan graduan-graduan kita nanti, orang yang betul-betul bertaraf dunia oleh sebab saya diberitahu di Hospital Sri Aman, doktor dahulu sebahagian besar tidak berani menjalankan pembedahan yang *simple* seperti *caesarean operation* pun tidak mahu, tidak berani, apabila orang mahu beranak, mereka bersembahyang. Apabila lebih teruk sakit, sembahyang lagi. Jadi itu kah doktor yang dikeluarkan oleh universiti-universiti kita?

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat dari Sri Aman. Berkaitan dengan jumlah doktor ini, kita bekerjasama dengan dua kementerian iaitu Kementerian Pengajian Tinggi dengan kita sentiasa mengkaji bagaimana kita dapat menambahkan bilangan budak-budak kita atau anak-anak kita supaya dapat mengikuti kursus kedoktoran.

Yang kedua, kita juga bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia iaitu mencari kaedah bagaimana menggalakkan warganegara Malaysia yang mengamalkan bidang kedoktoran ini di luar negara untuk balik ke Malaysia. Ini adalah dua langkah yang sentiasa kita jalankan.

Berkaitan dengan kanak-kanak kita yang mengikuti perubatan di universiti untuk mengatasi masalah yang dikatakan oleh Yang Berhormat ini, sekarang kita telah mengadakan satu kursus atau kursus pengenalan sebelum mereka diambil sebagai pelajar kedoktoran di universiti iaitu kita akan membawa pelajar-pelajar ini ke hospital-hospital supaya mereka dapat ditunjukkan kerja-kerja seseorang doktor itu supaya mereka lebih memahami perubatan ini sebelum mereka diambil sebagai pelajar di universiti untuk mengikuti kursus perubatan. Sekian.

12. Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan] minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah pihak kementerian bersedia untuk mensyaratkan bahawa semua pesawat dipasang dengan alat pengesan (*automated vehicle location*) satelit bagi memudahkan urusan mencari dan menyelamatkan; dan
- (b) kenapakah kotak hitam pesawat tidak dilengkapi dengan alat pengesan lokasi satelit.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Putatan yang telah mengemukakan soalan ini.

Soalan ini terbahagi kepada dua bahagian. Tuan Yang di-Pertua, yang pertama adalah dimaklumkan bahawa kesemua pesawat penumpang yang berdaftar di dalam negara ini disyaratkan untuk memasang dengan izin *Emergency Locater Transmitter* (ELT) dan ELT tersebut boleh memancarkan dua frekuensi iaitu 121.5 MHz dan 243 MHz apabila berlakunya kemalangan untuk memudahkan urusan mencari dan menyelamatkan.

Yang kedua, kotak hitam pesawat ataupun *cockpit voice reader* ataupun *flight data reader* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, pula hanya dilengkapi dengan *underwater beacon detector*. Kotak hitam pesawat tidak dilengkapi dengan alat pengesan satelit kerana ia belum lagi diperlukan oleh piawaian antarabangsa. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi jawapan yang pendek dan tepat.

Apa yang saya cadangkan ini Tuan Yang di-Pertua, ini untuk kepentingan bagi negara kita. Apabila kita melihat kes-kes yang terdahulu walaupun adanya dipasang pengesan ini, kalau kita lihat negara lain pun berpengalaman begitu juga. Kita lihat kes di Sarawak, helikopter kita. Beberapa hari, terdapat satu minggu lebih, baru dapat dikesan dengan bantuan *expert* dari luar negeri. Kes yang baru-baru ini, helikopter kepunyaan tentera kita pun sukar juga dikesan.

Ini mungkin Tuan Yang di-Pertua, dia punya tertakluk kepada keadaan cuaca juga kerana kabus, hujan dan sebagainya. Ini menyukarkan, tetapi apa yang saya cadangkan di sini Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Alat pengesan kah?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: ..Kementerian membuat satu kajian melalui kerjasama dengan Kementerian Sains dan Teknologi, Kementerian Pertahanan kita dan juga JUPEM melalui Kementerian Alam Sekitar membuat satu *Doppler, ground satellite* DAT/EM untuk di negara kita sahaja. Ini mungkin satu kebanggaan kita sebab teknologi ini sudah ada. Jadi saya cadangkan kalau kita membuat satu *Doppler* ataupun *satellite reader* yang dipasangkan di seluruh negara kita.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Memanglah kementerian memandang serius tentang kejadian yang berlaku di Sarawak dan juga di sebelah Semenanjung ini dan kita sentiasa mengikuti perkembangan dari segi alat-alat canggih yang dikeluarkan oleh pihak-pihak tertentu ataupun dari luar negara.

■ 1110

Tetapi kita kadangkala terpaksa mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh badan antarabangsa iaitu IKO dan mereka yang sentiasa mengikuti perkembangan apakah alat-alat yang boleh dipertingkatkan untuk kegunaan pesawat-pesawat kita. Cadangan Yang Berhormat itu amat baik dan memang kita di peringkat kementerian telah mengambil secara serius tentang perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada masa sekarang, ASEAN masih merancang prasarana dan landasan untuk melaksanakan tali perhubungan di kalangan ASEAN susulan daripada pembangunan *ASEAN Community* dan saya berpendapat berlakunya perkara kemalangan yang payah dicari ini dalam laut ataupun dalam hutan, banyak berlaku di *Third World countries*. Adakah salah bagi pihak ASEAN untuk mempelopori dan memberi saranan kepada badan antarabangsa supaya memperkenalkan mekanisme ini supaya kita tidak mendatangi masalah kerana di Amerika, dia punya *sophisticated method* untuk mencari kehilangan tapi kita belum mempunyai perkara yang sama. Jadi dalam keadaan sedemikian, sepatutnya kita membuat inisiatif. Jangan menunggu mereka membuat inisiatif sedemikian. Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa sukar untuk saya nak menjawab soalan itu kerana ini adalah perbincangan yang berlaku di antara menteri-menteri di ASEAN, menteri-menteri pengangkutan di ASEAN tetapi pandangan Yang Berhormat itu akan kita maklumkanlah kepada Menteri Pengangkutan bahawasanya kita mesti ada satu *standardization* dalam kita memastikan kita punya pesawat-pesawat yang digunakan atau penerbangan yang digunakan di rantau ini mengikut orang kata *world* punya standard, dengan izin Tuan Yang di-Pertua dan saya memang tidak dapat menjawabnya pada hari ini tapi kalau diperlukan, insya-Allah saya akan menjawab apa yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat dengan secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada juga peristiwa Yang Berhormat, di mana kehilangan kapal terbang tak dapat dikesan di negara barat, umpamanya seorang *billionaire* di Amerika, saya rasa masih belum dapat dikesan lagi. Baik, Langkawi.

13. Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan:-

- (a) adakah kementerian sedar manfaat besar yang diperolehi oleh nelayan-nelayan pantai dengan adanya tukun tiruan dan berapakah peruntukan melalui Jabatan Perikanan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia untuk mengadakan tukun tiruan sejak 5 tahun kebelakangan ini; dan

- (b) adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan tukun tiruan di sepanjang pantai Langkawi ke Tumpat dan dari Bandar Kuching ke Tawau.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedar akan manfaat besar yang diperolehi oleh nelayan-nelayan pantai dengan adanya tukun tiruan atau unjam-unjam. Bagi tujuan ini, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, peruntukkan berjumlah RM2 juta telah disediakan untuk Jabatan Perikanan mengadakan tukun tiruan manakala peruntukkan berjumlah RM29 juta telah juga disediakan bagi LKIM mengadakan unjam-unjam. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan pula, peruntukkan Jabatan Perikanan adalah berjumlah RM10 juta dan untuk LKIM adalah RM6.5 juta. Bagi menjawab soalan (b), Kementerian ini belum bercadang untuk mengadakan tukun tiruan di sepanjang pantai Langkawi ke Tumpat dan dari Bandar Kuching ke Tawau. Namun, pelaksanaan projek tukun tiruan di sepanjang pantai-pantai tersebut akan dapat dilaksanakan berperingkat-peringkat tertakluk kepada peruntukkan yang mencukupi bagi mengurus dan meningkatkan sumber perikanan negara pada masa hadapan. Terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Jadi, kerajaan telah sedar tapi peruntukkan yang diberi ialah RM2 juta bagi Jabatan Perikanan dan LKIM RM29 juta. Ini adalah satu angka kecil. Saya percaya dengan adanya peruntukkan yang lebih besar, mungkin kita dapat memberi pertolongan kepada nelayan pantai ataupun nelayan kecil-kecil ini supaya diadakan ikan-ikan yang kita perlukan. Biasanya udang karah sekalipun memerlukan rumah-rumah kerana inilah caranya kita memperbanyakkan lagi ikan dan saya ingat kalau tak berbuat demikian, sudah tentulah ikan akan pupus di negara kita dan udang karah misalnya akan pupus di negara kita. Saya mintalah pihak Kementerian supaya meminta kepada Kementerian Kewangan supaya diberi RM100 juta setahun untuk memperbanyakkan lagi tukun tiruan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Itu memang adalah satu cadangan yang begitu baik sekali untuk kita menambahkan dari segi perbelanjaan untuk kita membuatkan lagi tukun tiruan dan unjam-unjam. Jadi sekali gus saya ingin memaklumkan bahawa sebenarnya faedah tukun tiruan dan unjam-unjam adalah satu, untuk kita memulihkan semula habitat ikan-ikan kita yang sekarang ini banyak lari Tuan Yang di-Pertua, sebab apa digeledah dek pukut tunda dan sebagainya. Jadi oleh yang demikian, kita juga ingin hendak meningkatkan populasi dan juga kepelbagaian ikan-ikan seperti dikatakan oleh Yang Berhormat daripada Langkawi yang begitu arif sekali mengenai ikan dan pada masa yang sama, kita juga hendak meningkatkan kuantiti tangkapan dan seterusnya menambah pendapatan kepada nelayan-nelayan dan juga menggalakkan *sport fishing* untuk yang hobi menangkap ikan dan juga untuk mewujudkan sebenarnya ladang ikan di laut. Kementerian Pertanian Tuan Yang

di-Pertua, bukan saja mewujudkan ladang di darat, tapi juga hendak mewujudkan ladang di laut. Terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cadangan kerajaan untuk meningkatkan lagi tukun tiruan ini bagus tetapi dalam proses meningkat tangkapan dan hasil perikanan, yang dikhuatiri oleh *environmentalist* dan orang-orang berkaitan adalah satu situasi telah datang di negara ini di mana *over fishing* yang sedang dilakukan di mana kerap kali tangkapan hasil yang diperolehi oleh nelayan-nelayan negara ini sangat kurang oleh kerana tidak ada dasar yang tertentu untuk mengelak *over fishing*. Macam semalam di CNN menunjukkan bahawa di negara Norway dan sebagainya ada had *limit* yang tertentu. Jangan terlampau *over fishing* yang menyebabkan kesusahan bukan saja kepada nelayan dan juga kerap kali harga pasaran ikan turun naik yang terlampau.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, yang itu juga memang ada di dalam Akta Perikanan. Jadi, sebab itulah satu daripada program yang kita adakan, satu pendidikan. Pendidikan itu adalah penting ke sekolah-sekolah dan keduanya iaitu untuk kita mengadakan *stringent measures* untuk pukut-pukat tunda ini, tapi Yang Berhormat sana juga marah kalau kita bersikap keras kepada mereka sebab ini adalah sesuatu yang boleh terjadi Yang Berhormat. Memang betul Yang Berhormat, ada masa nanti ikan kita akan pupus. Jadi sebab itulah kita ada juga satu program mengadakan akuakultur. Jadi kita juga hendak mewujudkan supaya kita menyediakan sumber protein di darat dengan melalui kolam dan sebagainya dan untuk makluman Yang Berhormat, bukan sahaja *over fishing*. Ada kalanya ikan itu sampai ke tua tak ditangkap pun ada Yang Berhormat sebab masalahnya sekarang ini kita hendak menggalakkan supaya ramai mendapatkan lesen untuk menangkap ikan tuna tapi saya takut yang tuna itu dah tua menunggu kita menangkap sebab tak ramai. Saya rasa seluruh Malaysia hanya dalam tiga lesen saja untuk menangkap ikan tuna. Itu pun ada *the extreme* lah. Jadi yang ini Yang Berhormat, pengetahuan yang akan sentiasa kita beri untuk kita menyeimbangkan keadaan di laut dan di darat.

14. Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan apakah status perkembangan projek pemindahan bekalan air mentah dari Pahang ke Selangor.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek penyaluran air mentah dari Pahang ke Selangor adalah mengikut perancangan yang telah ditetapkan. Pada 16 April 2007, kementerian telah melantik juru perunding projek yang akan bertanggungjawab untuk menyediakan reka bentuk kejuruteraan terperinci dan menjalankan kerja-kerja pengawasan bagi komponen-komponen projek seperti empangan, muka sauk, sistem pam, saluran paip berkembar dan terowong. Kementerian telah

menyasarkan bahawa kerja-kerja pembinaan fizikal projek ini akan dapat dimulakan seawal tahun 2008.

■1120

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan komponen terowong sepanjang 44 kilometer memerlukan masa yang lebih panjang untuk disiapkan berbanding dengan komponen-komponen yang lain, kerja-kerja pembinaan bagi komponen-komponen tersebut telah dijadualkan untuk dimulakan pada suku kedua pada tahun 2008. Oleh yang demikian, pra-kelayakan bagi komponen tersebut telah dikeluarkan pada 26 Julai 2007 dan ditutup pada 19 September 2007 yang baru lalu. Kontraktor-kontraktor yang layak akan dipelawa untuk menyertai tawaran bagi komponen terowong ini pada bulan Disember 2007 yang akan datang.

Sementara itu pra-kelayakan bagi komponen-komponen lain seperti empangan, muka sauk, rumah pam dan saluran paip berkembar dijangka akan dikeluarkan secara berperingkat-peringkat mulai awal tahun 2008. Dengan ini kementerian yakin projek ini akan dapat disiapkan sepenuhnya seperti yang dijadualkan pada pertengahan tahun 2013. Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Pada 22 November ini akan diadakan majlis menandatangani perjanjian penjualan air mentah daripada Pahang ke Selangor dan saya percaya negeri Pahang rakyatnya akan gembira kerana ada pendapatan tambahan bagi negeri. Soalan saya berapakah anggaran pendapatan apabila perjanjian air mentah ini dapat dilaksanakan dan langkah-langkah apabila ada keuntungan, langkah-langkah daripada kementerian ini sendiri bagi memastikan bekalan air di negeri Pahang dan juga tidak diabaikan bahkan dinaikkan taraf? Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krau. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang begitu prihatin dengan projek yang berlaku di kawasan yang berhampiran dengan kawasan Yang Berhormat. Yang mengetahui bahawa satu program menandatangani harga air antara Kerajaan Negeri Pahang dan Kerajaan Negeri Selangor akan dilangsungkan esok di Kuantan. Suka saya nyatakan dari segi harga air yang akan dikenakan oleh Kerajaan Negeri Pahang kepada Selangor adalah sekitar RM0.10 semeter padu. Dari segi pendapatan ianya merupakan pendapatan tambahan cuma saya tidak mempunyai satu angka yang spesifik berapakah jumlah pendapatan tambahan yang akan diterima oleh Kerajaan Negeri Pahang.

Cuma saya ingin maklumkan, selain daripada mendapat pendapatan tambahan ini, sebenarnya tujuan sebenar projek ini adalah untuk membantu Kerajaan Negeri Selangor untuk menangani masalah kekurangan air yang bakal mereka hadapi dalam masa empat, lima tahun daripada sekarang ini. Sebab itu kementerian ini telah membuat perancangan yang begitu teliti untuk membawa air daripada negeri Pahang.

Walaupun kementerian ini meminta Selangor mengambil air dari negeri Pahang, kementerian ini dan Kerajaan Negeri Pahang juga yakin bahawa negeri Pahang tidak akan mengalami kesulitan dari segi bekalan air mentah ke negeri Selangor dan juga ke negeri itu. Di samping itu Kerajaan Negeri Pahang juga telah berjanji dan akan terus memastikan bahawa mutu bekalan air mentah yang akan dibekalkan kepada negeri Selangor nanti berada dalam keadaan yang baik dan memuaskan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya, ke manakah saluran air dari Pahang itu akan dikeluarkan daripada Pahang ke Selangor? Adakah terus ke Selangor ataupun akan pergi ke Negeri Sembilan yang terdekat. Itu pertama. Yang keduanya mengenai RM0.10 semeter padu, apakah perbezaannya dengan penjualan kita di Singapura?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Suka saya nyatakan bahawa air yang dibekalkan nanti akan terus dibawa ke Loji Rawatan Air Hulu Langat. Yang mana terowong ini nanti akan dibuat satu, ditebuk melalui Banjaran Titiwangsa yang mana panjangnya lebih kurang 40 kilometer panjangnya dan dari segi harganya ini adalah harga yang telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri Selangor dan negeri Pahang. Manakala ianya adalah berlainan sekali dengan harga bekalan air Kerajaan Malaysia dengan Singapura kerana ini adalah perjanjian yang telah dimeterai oleh dua negara yang berlaku pada masa yang agak lampau dahulu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

15. Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta Menteri Kerja Raya menyatakan langkah-langkah keselamatan semasa projek dijalankan misalnya pembinaan 'flyover' di Jalan Pontian Lama Kawasan Gelang Patah yang telah berlaku kemalangan jalan raya akibat kekurangan peraturan keselamatan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Gelang Patah. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa peka dan prihatin terhadap keselamatan pengguna-pengguna jalan raya. Untuk tujuan ini kerajaan telah mensyaratkan agar semua projek-projek pembinaan jalan yang akan dilaksanakan hendaklah melalui proses audit keselamatan jalan raya. Dari peringkat perancangan sehingga ke peringkat operasi bagi menjamin setiap jalan yang dibina itu berada pada tahap keselamatan yang paling tinggi. Kerajaan juga telah mensyaratkan agar audit keselamatan jalan raya ini hendaklah dijalankan oleh seorang juru audit keselamatan jalan raya yang bertauliah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, di samping audit keselamatan jalan raya yang dijalankan mengikut peringkat-peringkat pelaksanaan, kerajaan juga telah menetapkan agar audit dilakukan ke atas pengurusan trafik semasa peringkat pembinaan bagi memberikan keselesaan dan menjamin keselamatan pengguna-pengguna jalan raya yang melalui kawasan tersebut. Audit ini melibatkan penyediaan pelan pengurusan trafik di dalam dan di sekitar

kawasan pembinaan oleh pihak kontraktor terbabit untuk kelulusan pegawai penguasa ataupun pengarah projek sebelum sesuatu pembinaan dimulakan. Kekekapan audit pengurusan trafik ini dijalankan mengikut keperluan ditapak bina ataupun sekurang-kurangnya tiga bulan sekali bagi mengambil kira perubahan-perubahan pengurusan trafik semasa kerja-kerja pembinaan itu dijalankan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk mengelakkan kemalangan di kawasan pembinaan. Tindakan-tindakan tegas akan diambil terhadap kegagalan atau kecuaiian pihak kontraktor dalam pelaksanaan tanggungjawab ini berdasarkan peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam kontrak. Kerajaan juga berharap semua pengguna-pengguna jalan raya dapat memberikan kerjasama dengan mematuhi setiap arahan dan papan-papan tanda amaran yang diletakkan di kawasan pembinaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kemalangan yang berlaku di kawasan pembinaan persimpangan bertingkat di Jalan Pontian Lama Kawasan Gelang Patah bukanlah disebabkan daripada kekurangan peraturan keselamatan. Menurut laporan kemalangan di tapak binaan oleh perunding yang bertauliah, kemalangan yang berlaku di kawasan pembinaan tersebut adalah disebabkan oleh kecuaiian pengguna jalan raya itu sendiri seperti menunggang dalam keadaan mabuk, membawa lebih muatan dan memandu dalam keadaan yang laju dan merbahaya. Sekian, terima kasih.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun kementerian telah mengambil langkah-langkah untuk mengelakkan kemalangan berlaku tetapi kemalangan jalan raya akibat kekurangan peraturan keselamatan sering berlaku dan salah satu sebabnya ialah kecuaiian kontraktor. Ini kita tidak boleh menafikan.

■1130

Kemalangan ini telah menyebabkan kerugian harta benda dan nyawa rakyat. Ramai mangsa tidak mampu mengambil peguam untuk mendakwa pihak berkenaan ke mahkamah. Walaupun mereka berjaya membawa kes ini ke mahkamah tetapi kita semua tahu untuk menyelesaikan kes-kes ini makan masa sangat panjang sekurang-kurangnya saya ingat dua atau tiga tahun dan ia telah menyulitkan kehidupan mereka.

Soalan tambahan saya ialah adakah kementerian bercadang menyediakan satu peruntukan khas sebagai pampasan kepada mangsa atau keluarganya yang dari golongan miskin. Minta penjelasan. Sekian, terima kasih.

Dato' Yong Khoo Seng: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah jawab ada peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Bagi kita membina jalan, sentiasa kita pun menetapkan pihak kontraktor mengurus trafik dengan baik seperti membuat satu jalan *bypass* sebelum jalan ini disiapkan dan lain-lain langkah telah diambil. Kepada kemalangan kita pun tak tahu siapa

yang salah. Kalau kata kontraktor salah saya pun tak tahu. Pihak mangsa itu pun kita tak tahu siapa salah.

Bagi ini saya tak dapat jawab, tetapi bagi membuatkan satu dana untuk memberi pampasan ini adalah melalui kriteria yang lain, langkah yang lain. Saya fikir ini bukan dalam kontrak. Mereka boleh *sue* pihak kontraktor dan kita jaga ialah di antara kontraktor dengan kerajaan untuk membina persimpangan itu dan apa-apa yang di luar dari skop itu kita perlu menjalankan dengan cara yang tertentu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sudah cukup, saya hentikan soal jawab lisan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2008

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2008

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2008 dan Anggaran Pembangunan 2008 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." ***[Hari Kesembilan]***

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Pengerusi: Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Kepala Bekalan B.26 dan Kepala Pembangunan P.26 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Saya jemput Yang Berhormat Tangga Batu untuk menyambung ucapan.

**Maksud B.26 [Jadual] –
Maksud P.26 [Anggaran Pembangunan 2008] –**

11.33 pg.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyambung perbahasan. Tuan Pengerusi, baru-baru ini Tuan Yang Terutama Gabenor Bank

Negara telah mengumumkan tentang kemudahan mikro kredit iaitu sebanyak RM50,000 hingga RM100,000 Tuan Pengerusi. Kemudian seminggu selepas itu beliau mengumumkan juga yang ianya bukan merupakan satu arahan kepada bank-bank termasuklah Bank SME - Butiran 00300. Jadi beliau menyebut tentang budi bicara bank-bank.

Masalahnya hari ini Tuan Pengerusi ialah pihak bank ini meminta satu bentuk kolateral dalam bentuk *fixed deposit* kepada peminjam-peminjam ataupun pemohon-pemohon. Jadi ini telah pun memberikan banyak masalah kepada peminjam-peminjam dan sesetengah daripada bank yang terlibat dengan industri kecil dan sederhana ini telah diminta hingga ke tahap 60% pinjaman.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Jadi cuba kita bayangkan kalau peminjam terpaksa menyediakan 60% *fixed deposit* baik tak payah pinjam kerana mereka telah mempunyai modal atau *capital* untuk memulakan perniagaan ataupun kegiatan perdagangan mereka.

Tuan Pengerusi, dalam butiran 03005. Jadi yang pertama tadi saya minta pihak kementerian untuk memastikan bahawa kemudahan yang disediakan itu tidak menjadi beban kepada peminjam-peminjam. Bila ia menjadi beban hasrat kementerian untuk melihat pembangunan usahawan berlaku di peringkat bawahan sana tidak akan berlaku. Ia akan menyusahkan lagi.

03005-Usahawan Siswazah. Ini Tuan Pengerusi berkaitan dengan francaisor program, di mana kita dapati bahawa majoriti 95% francaisor-francaisor ini adalah terdiri daripada sektor-sektor multinasional ataupun bukan bumiputera yang mendatangkan masalah kepada francais-francaisi bumiputera yang berminat untuk melaksanakan kegiatan francais ini. Satu lagi kalau kita tengok banyak syarikat francaisor ini meletakkan syarat yang begitu ketat. Umpamanya mereka mensyaratkan bakal francais-francaisi ini untuk menyewa tapak-tapak sewaan di premis-premis besar seperti KLCC, Alamanda dan sebagainya yang mana sewanya amat tinggi. Sesetengah daripada tapak ini mengenakan deposit sewaan untuk setahun Tuan Pengerusi. Jadi bayangkan macam mana francais ini hendak memulakan perniagaan jika sewaan sahaja telah dikenakan syarat untuk bayaran selama setahun.

Saya boleh bagi cadangan juga supaya pihak kementerian kalau boleh beli lot-lot premis ini kemudian disewakan kepada francais-francaisi ini supaya mereka boleh meneruskan perniagaan mereka. Untuk maklumat kementerian, Alamanda *shopping complex* di Putrajaya telah meletakkan syarat dia kata pembukaan restoran berkonsepkan Melayu tidak dibenarkan. Mereka hanya membenarkan produk-produk makanan Melayu ini diniagakan di *food court* sahaja. Untuk restoran tak dibenarkan. Ini Alamanda ini. Kementerian kena tengok.

Seterusnya Butiran 03006 – Program Usahawan Muda. Saya hendak tanya pihak Kementerian Belia dan Sukan dalam tajuk yang sama ada satu majlis penggalakan ekonomi belia dan mereka mempunyai puluhan ribu pengikut-pengikut. Jadi apakah jaringan pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dengan Kementerian Belia dan Sukan di bawah skim usahawan muda, 03006 ini.

Saya juga mohon supaya pihak kementerian menyediakan satu jaringan dengan program belia dan pemuda tani oleh kerana penekanan diberikan oleh pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke arah pertanian dan juga industri berasaskan tani.

Tuan Pengerusi, TEKUN - Tabung Ekonomi Usaha Niaga Butiran 01502. Tuan Pengerusi pandang saya macam ada apa-apa, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya suka dengar ucapan Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Jadi saya hendak tanya kepada pihak kementerian apakah perkembangan TEKUN setakat ini. Bolehkah pihak kementerian beritahu saya berapakah jumlah pinjaman TEKUN yang telah dikeluarkan dari tahun 2004 hingga 2007. Saya hendak beritahu pihak kementerian, saya ada isu tentang TEKUN.

Isunya ialah dalam erti kata yang baik mungkin TEKUN ini kekurangan pegawai telah menyebabkan bertambahnya kerenah birokrasi. Sesetengah pegawai TEKUN Tuan Pengerusi bila kita telefon dia kata, "Minta maaf saya tak boleh turun kerana saya banyak kerja di tempat lain dan sebagainya". Jadi bagaimana niat baik TEKUN itu dapat dilaksanakan di peringkat akar umbi jika kita mempunyai pegawai-pegawai yang bersikap acuh tak acuh kepada pembangunan usaha niaga di peringkat bawahan ini.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *[Bangun]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: TEKUN membenarkan pinjaman sebanyak RM5,000. Jadi saya minta pihak kementerian supaya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Santubong.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Boleh, boleh. Silakan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ini soal TEKUN Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Tangga Batu. Sekarang TEKUN juga telah bersifat canggih Tuan Pengerusi dia guna komputer dan sebagainya. Komputer mereka di *link up* dengan agensi yang memberi maklumat-maklumat kepada bank-bank iaitu CCRIS dan CTOS. Kedua-dua sekali.

■1140

Maklumat-maklumat ini diguna pakai oleh TEKUN walaupun dasar asas kerajaan bukan begini caranya, tetapi macam mana oleh kerana kemasukan dua badan pemberi maklumat ini telah diguna pakai oleh pihak TEKUN, akhirnya banyak peminjam-peminjam walaupun hendak pinjam RM2000 sampai ke RM10,000 sahaja telah tidak mendapat pinjaman oleh kerana

maklumat ini menghalang pihak pentadbir TEKUN ini untuk mengeluarkan dana kepada peminjam-peminjam dan usahawan-usahawan yang kecil. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Santubong, saya nampak sebenarnya sistem yang ada sepatutnya memudahkan kita lagi untuk melaksanakan hasrat polisi. Jadi kalau ada sistem menyusahkan kita, ia umpama *the third leg of human being* Yang Berhormat bagi Santubong. Orang ada dua kaki senang berjalan, tambah lagi satu kaki dia jadi jalan perlahan pula.

Jadi sistem ini sepatutnya memudahkan lagi sistem penyampaian di bawah sana bukan menyusahkan lagi. Jadi kalau katakan Yang Berhormat menyebut tentang kejayaan TEKUN ini sebenarnya bergantung kepada sistem *collection*. Kita kena ubah diri kita dulu Tuan Pengerusi. Kalau boleh pegawai-pegawai TEKUN dalam usaha untuk mengutip semula hutang daripada peminjam-peminjam ini, kena lebih serius dan lebih tekun. Kalau tiada sistem itu akan berhenti di situ dan skim ini pun akan berhenti di situ.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ya, saya gulung. Ruang niaga pemasaran kraf tangan di bawah 09002 saya minta pihak kementerian supaya mengkaji 30 tahun dulu saya ingat Yang Berhormat bagi Jasin pun ingat. Di Alor Gajah kita ada tapak-tapak yang disediakan oleh MARA dulu REDA, disediakan dan pemilik-pemilik ataupun peniaga-peniaga telah diminta untuk membayar satu jumlah bayaran. Salah anggap peniaga ini mereka telah menganggap mereka bayar RM2,000 tidak silap saya sebagai bayaran memiliki bangunan tersebut, bangunan kecil-kecil menjual kraf tangan. Hari ini pihak Kerajaan Tempatan hendak membuat pembangunan, mereka tidak bagi dan kata "*Kami dah bayar*". Bila ditanya mana gerannya, mereka kata tiada geran. Jadi kami sudah bayar RM2,000 ini bangunan kami tidak boleh buat apa. Jadi mengganggu pembangunan Kerajaan Tempatan dan saya minta pihak kementerian siasat. Tanah itu masih lagi tanah kerajaan, bangunan sahaja yang dibayar pada satu ketika dulu - 09002.

09508 – Satu Daerah Satu Industri. Akhir Tuan Pengerusi. Saya minta pihak kementerian mengucapkan ribuan terima kasih kerana telah memilih negeri Melaka sebagai dua kali tuan rumah untuk ekspo SDSI ini. Walau bagaimanapun ada beberapa ruang untuk kita memperbaiki.

Pertama sekali boleh tidak pihak kementerian tentukan bahawa setiap daerah ini biarlah satu produk yang unik. Seperti di Thailand, OTOP, *One Territory, One Product* betul-betul berjaya kerana satu daerah satu produk yang unik dan berbeza dan inilah caranya untuk kita mempromosikan daerah tersebut. Ini bertanding, yang ini keluar madu, yang sana keluar madu. Lama-lama sampai madu tiga, madu empat Tuan Pengerusi.

Jadi saya juga menggalakkan supaya ia dimasukkan ke dalam kalendar *tourism* supaya pelancong datang daripada luar negara akan terus pergi ke mana daerah-daerah yang menyediakan produk-produk ini. Saya juga menggalakkan supaya pihak kementerian menyediakan satu ruang supaya produk-produk ini dimasukkan ke dalam kompleks-kompleks membeli-belah.

Jadi Tuan Pengerusi, akhir sekali saya minta pihak kementerian supaya melihat dalam buku laporan peringkat jawatankuasa tiada peruntukkan untuk UDA. Tiada, saya cari-cari tidak jumpa, tidak tahu lah. Tiada dalam ini, oh ia sudah disenaraikan, tetapi baru-baru ini kita dengar ia ditarik semula. Jadi kalau ditarik semula, siapa yang membiayai untuk pembayaran pampasan kepada pihak-pihak yang terbabit? Jadi itu soalan saya Tuan Pengerusi. Terima kasih saya ucapkan kepada 13 minit yang diberi.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Larut. 5 minit.

11.44 pg.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak pergi satu perkara sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, satu perkara dua minit boleh?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kalau tiada siapa ganggulah. B.26 Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Butiran 00604 – IKM. Walaupun saya hendak pergi bukan pada IKM iaitu Institut Pengajian Tinggi Kemahiran MARA.

Saya hendak tanya yang di kawasan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri ada. Apa status kualiti Kemahiran MARA di Parlimen Larut yang hendak dicadangkan di Selama kerana masa pilihan raya umum yang lalu telah pun dilakukan upacara pecah tanah tetapi terpaksa dipindahkan ke tapak baru oleh kerana gangguan daripada projek ternakan ayam oleh salah seorang pengusaha di situ. Saya difahamkan telah pun dikenal pasti tapak yang baru dan kontraktornya telah pun dipilih. Jadi saya hendak tahu statusnya ditapak yang baru iaitu di Selama, apakah kedudukan projek ini kerana ini merupakan janji pilihan raya, janji Barisan Nasional dan sudah tentulah ia ditunggu-tunggu oleh masyarakat di sana sebab tidak silap saya Yang Berhormat Timbalan Menteri dulu pun pernah mengatakan bahawa projek ini telah pun diluluskan cuma hendak menunggu bila hendak di *take off* dengan izin.

Saya pun sudah merujuk kepada Yang Berhormat Menteri dan dia mengatakan tiada masalah. Setiausaha Politik Yang Berhormat Menteri pun mengatakan tiada masalah dan juga Ketua Pengarah MARA sendiri pun mengatakan tiada masalah kerana beliau sendiri yang menaikkan taraf projek ini. Cuma hendak tahu bila sebab sudah empat tahun, hampir empat tahun dan saya terpaksa menghadapi masyarakat di sana untuk menentukan status projek ini.

Jadi saya haraplah supaya kalau status tanah pun dah selesai, kontraktor pun telah dipilih saya difahamkan, jangan tunggu lagilah. Saya sudi untuk menjemput Yang Berhormat Menteri untuk melakukan majlis upacara bagi permulaan projek Institut Tinggi Kemahiran MARA ini. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Krau.

11.46 pg.

Tuan Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 00602 – Maktab Rendah Sains MARA.

Di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan telah diumumkan beberapa Maktab Rendah Sains MARA akan dibina dan termasuk di dalam daerah Temerloh di mana sebahagian besar Parlimen Kuala Krau iaitu dua Dewan Undangan Negeri berada di dalam daerah Temerloh.

Di dalam daerah Temerloh ini ada dua Parlimen iaitu Parlimen Temerloh dan juga Parlimen Kuala Krau. Soalan saya, berapakah atau adakah syarat-syarat tertentu bagi membina Maktab Rendah Sains MARA sama ada dari segi jarak di antara satu sama lain kerana saya difahamkan Maktab Rendah Sains MARA di Temerloh ini akan dibina di DUN Lanchang iaitu begitu hampir sekali dengan kawasan Bentong yang sedang dibina MRSM sekarang ini. Lebih kurang tidak sampai 20 kilometer di antara satu sama lain dan hanya memakan masa 10 minit.

Pihak kawasan saya juga Parlimen Kuala Krau juga telah memohon supaya Maktab Rendah Sains MARA ini dibina...

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kuala Krai.

Tuan Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Sekejap saya habiskan. Di bina di Maktab Rendah Sains MARA di Parlimen Kuala Krau yang juga mempunyai tanah yang cukup. Sekiranya MRSM tidak bercadang untuk dibina di Parlimen Kuala Krau, saya berharap satu Politeknik MARA dapat dibina di Parlimen Kuala Krau bagi menjadi pemangkin kepada pembangunan bagi kawasan Parlimen Kuala Krau yang merupakan kawasan luar bandar yang merupakan kawasan baru bagi kawasan Parlimen.

Sila Yang Berhormat bagi Kuala Krai.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krau. Kuala Krau, ini Kuala Krai, dekat-dekat. Saya bersetuju sangat mana-mana yang telah diputuskan untuk membangunkan walaupun pusat MRSM ataupun pusat Giat MARA

Setahu saya di Kuala Krai masa saya jadi Yang Berhormat DUN lagi telah pun dipersetujui untuk buat bangunan Giat MARA yang sudah pun ada tapak-tapaknyanya. Jadi bagaimana pandangan Yang Berhormat bagi Kuala Krau supaya kalau sudah benda ini ada

maka diteruskanlah supaya rakyat tidak tertanya-tanya kerana peruntukan ada, kawasan pun ada. Maka saya kira perkara ini patut disegerakan dengan 50 tahun.

Tuan Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Kuala Krai dan minta Yang Berhormat Menteri menjawab kerana jika telah diberikan peruntukan, telah diumumkan dan ia merupakan satu janji kepada masyarakat dan pengundi-pengundi kita dan mestilah dilaksanakan. Tambahan pula bagi kawasan pembinaan MRSM di Temerloh ini mempunyai juga masalah tapak yang sedia ada dan saya mohon sekali lagi supaya dapat merujuk kepada tanah di dalam kawasan Parlimen Kuala Krau juga merupakan di dalam daerah Temerloh.

Yang keduanya tentang 00611 – Program Giat MARA. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak kementerian kerana bercadang untuk membina satu pusat Giat MARA yang baru diberikan kepada Parlimen Kuala Krau yang bernilai RM3 juta, tetapi sudah tiga tahun perkara ini sudah dibangkitkan di dalam Mesyuarat Tindakan Daerah iaitu status yang sama iaitu dalam proses permohonan tanah. Sudah tiga tahun perkara ini berulang-ulang dan saya mohon supaya pihak kementerian meneliti dengan pihak MARA daerah supaya dapat dipercepatkan.

Yang ketiganya tentang TEKUN iaitu Tabung Ekonomi Usaha Niaga iaitu 01502. Sebagaimana Yang Berhormat bagi Tangga Batu juga menyatakan bahawa terdapat juga karenah-karenah birokrasi di dalam pemberian kepada pinjaman TEKUN ini.

■1150

Saya berbangga kerana di dalam laporan-laporan daripada TEKUN Jengka iaitu di dalam kawasan Parlimen Kuala Krau merupakan satu kawasan TEKUN yang begitu aktif, yang telah mengeluarkan banyak pinjaman dan juga merupakan rekod yang tertinggi di mana peminjam-peminjam telah membuat bayaran secara teratur. Satu yang eloknya TEKUN di mukim ini iaitu di Parlimen Kuala Krau ini, iaitu ada satu jawatankuasa khas bagi menilai dan juga memproses tentang pinjaman-pinjaman dari segi kelayakan syarat-syarat tertentu. Adakah jawatankuasa ini diiktiraf oleh pihak kementerian kerana saya telah menerima surat daripada pihak TEKUN sendiri mengatakan, bahawa tidak ada langsung jawatankuasa yang bertindak selain daripada pegawai-pegawai TEKUN yang ditugaskan untuk menilai dan menentukan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Satu lagi, menentukan tentang kelayakan bagi peminjam. Yang seterusnya yang akhirnya tentang iaitu Program Promosi dan Pemasaran Usahawan Kecil dan Sederhana (SDSI) iaitu Butiran 09508. Saya percaya bahawa skim ini sangat baik cuma saya ingin bertanya, siapakah yang bertanggungjawab untuk memastikan supaya SDSI ini sama ada pegawai MARA sendiri menentukan, apakah produk dan juga usahawan-usahawan yang perlu dipasarkan di dalam daerah untuk kita jayakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup. Tebrau.

11.51 pg.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 00607 - Perkhidmatan Pengangkutan. Tuan Pengerusi, perkhidmatan awam yang mencukupi adalah amat penting untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas khususnya di kawasan bandar raya. Jadi satu *network* pengangkutan awam yang lengkap perlu diadakan khususnya di Bandar Raya Johor Bahru supaya penduduk-penduduk di setiap taman kediaman baik yang kurang berupaya mahupun yang mempunyai kenderaan boleh menggunakannya dan seterusnya mengurangkan kesesakan lalu lintas.

Saya juga menyentuh Butiran 03005 - Program Keusahawanan Siswa dan Siswazah, Butiran 03006 - Program Usahawan Muda dan Butiran 03007 - Program Pembudayaan Keusahawanan Untuk Pelajar Sekolah. Saya ingin tahu apakah program-program keusahawanan keseluruhannya telah disediakan oleh kementerian? Adakah kementerian pasti latihan ini berhasil untuk mencungkil minat peminat-peminat peniaga ini supaya membantu peminat-peminat peniaga ini menjejak langkah ke bidang perniagaan.

Butiran 09504 - Kursus dan Khidmat Nasihat Kontraktor. Tuan Pengerusi, memandangkan begitu ramai kontraktor yang mengambil projek PBT telah gagal menyelesaikan kerja mereka mengikut jadual sehingga sesuatu projek itu boleh ditangguh-tangguhkan sampai lima, enam kali. Adakah kontraktor-kontraktor ini diwajibkan menghadiri dan lulus kursus pengurusan projek sebelum mereka dibenarkan memohon projek-projek baru.

Butiran 09511 - Latihan Kepada Pembimbing Usahawan Negeri dan Daerah. Saya minta penjelasan dari timbalan menteri juga tentang perkara ini oleh kerana kebanyakan bakal penternak dan petani tiada pengalaman dan pengetahuan langsung semasa mereka memohon bantuan kewangan kerajaan untuk mengusahakan perniagaan. Adakah kementerian bercadang mewajibkan pemohon-pemohon yang tiada trek rekod pengalaman menghadiri kursus yang ditetapkan, supaya wang bantuan dan pinjaman yang dibekalkan oleh kerajaan itu tidak sia-sia sahaja dan bakal pengusaha ini tidak akan mengalami kesulitan kemudian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Santubong.

11.54 pg.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Di bawah Butiran 010300 - Pembangunan. Saya hendak tanya satu perkara iaitu bangunan yang dibuat oleh pihak MARA kalau tidak salah saya di Jalan Laksana Kuching hingga sekarang sudah hampir dua tahun tersadai dan belum dipakai. Jadi masyarakat, peniaga kecil-kecilan bertanya kenapa bangunan ini telah siap tetapi tidak dipakai. Jangan tunggu pencuri besi dan *cut* bata daripada bangunan itu dan akhirnya diranapkan. Saya hendak jawapan.

Yang kedua, soalan di bawah butiran yang sama. Saya mencadangkan kepada timbalan menteri semasa menjawab dahulukan soalan *cottage industry* ini.

Di Malaysia masalah yang terbesar kita lihat ialah banyak barang-barang, produk-produk daripada luar bandar dan *cottage industry* khususnya di kampung-kampung luar bandar tidak sampai kepada pasaran, oleh sebab tidak ada tempat yang boleh menerima mereka ini. Ada pula badan-badan yang besar macam pasar raya yang besar, mereka mempunyai satu garis panduan mereka sendiri yang kadang-kadang tidak boleh dipenuhi oleh pihak ini.

Jadi saya bertanya pada ketika itu adakah kementerian bercadang untuk membuat satu kompleks di tiap-tiap pasar bandar-bandar besar, di Johor, di Kuala Lumpur beberapa biji dan di mana-mana bandar besar di Ipoh dan sebagainya termasuk juga di Kuching, Kota Kinabalu, semua sekali supaya di sanalah tempatnya barang-barang keluaran daripada kampung, keluaran daripada *cottage industry* boleh dipasarkan. Bagaimana yang telah dibuat di negara-negara yang lebih kurang daripada kita macam Cambodia, Vietnam, bahkan saya lihat di India begitu *establish* sekali *cottage industry complex* ini, begitu elok sekali penjualannya. Jadi kenapa kita tidak boleh menyentuh benda yang sedemikian untuk memajukan *cottage-cottage industries* ini dan akhirnya akan membangunkan usahawan kita di peringkat kampung dan akar umbi.

Yang ketiga soalan saya juga, pada masa Yang Berhormat bagi Padang Rengas dulu menjadi Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi ini, dicadangkan untuk membina R&R di sepanjang jalan daripada Miri sampai ke Kuching untuk kemudahan 1,000 kilometer jauh perjalanan yang tidak mempunyai satu pun R&R Tuan Pengerusi. Kalau hendak buat apa sahajalah *call of nature* lah, dengan izin. Orang cari longkang, cari hutan, cari belukar dan sebagainya berhenti kat tepi jalan - buatlah. Jadi ini bukan refleksi negara yang mempunyai *first world infrastructure* ini. Macam mana kita hendak cari *first world mentality, first world infrastructure* pun dia belum buat ini.

Jadi apa masalah ini? Kalau masalahnya ialah tanah, saya cukup yakin boleh diatasi. Kalau masalahnya kontraktor saya cukup yakin benda ini boleh diatasi. Masalahnya ialah satu, kita punya fokus dan *driving force*, dengan izin di belakang, sebalik pembangunan infrastruktur yang amat penting kepada masyarakat ini. Janganlah pandang yang ini jauh di negeri Sarawak tidak kisahlah kerana orang ini negeri Sarawak. Biar di Sarawak itu jadi Sarawaklah, semua kurang tidak kisahlah Sabah pun macam itu juga. Jadi berdirilah orang Sarawak Sabah, sokong saya ini. Minta tolonglah jangan pandang Sarawak, Sabah itu jadi macam itu sahaja Tuan Pengerusi.

Yang Berhormat Timbalan Menteri minta tolonglah, tunjukkan bahawa orang Sarawak dan orang Sabah itu relevan dalam pembangunan negara ini kerana kemajuan 2020 jangan pandang di Johor, jangan pandangan Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Melaka dan sebagainya. Pandang sahajalah di...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan? Terima kasih Santubong. Tuan Pengerusi, saya memang amat bersetuju di Sabah bayangkan di antara perjalanan Kota Kinabalu dan Sandakan, 270 kilometer dan ke Tawau 480 kilometer. Satu tempat riadah untuk berhenti orang memandu tidak ada. Di Semenanjung ini saya tengok senang-senang dapat. Jadi apa masalah dia, apakah kementerian tidak ada duit ataupun tidak ada fokus seperti Yang Berhormat maklumkan tadi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya menjemput orang membuat penyelidikan Tuan Pengerusi termasuk konsultan dan pihak yang tertentu dari Semenanjung. Buat secara peribadi, buat secara *gratis, free of charge*, buat penyelidikan.

■1200

Ada di antara sektor-sektor tertentu di Sarawak memang mempunyai *traffic density* yang tidak mencukupi, tetapi ini bukan bermakna kita tidak perlu mengambil tindakan supaya menyediakan prasarana yang boleh menarik orang berhenti di sana dan menggunakan kemudahan-kemudahan tersebut. Jadi saya cukup yakin kalau perkara ini dibuat seperti di Sabah, yang jaraknya antara satu tempat sejauh 200 kilometer, 300 kilometer. Ini mencukupi di antaranya dibuat satu ataupun dua, termasuk semua sekali macam mana kita buat di sini, di mana tempat kita hendak mengisi minyak petrol, diesel dan sebagainya, di mana kita boleh berhenti sembahyang, di mana kita boleh berhenti menjawab panggilan... semula jadi. Natural... *call of nature*, dengan izin... [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat boleh gulung.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya akan gulung. Jangan digulung projek yang saya minta tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Gulung ucapan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Kalau digulung akan hilang begitu sahaja. Saya bermohonlah kepada menteri kalau tidak dapat buat macam itu, panggil orang yang berkemampuan buat. Macam mana cara mekanisme membuatnya, minta menteri ambil tindakan yang khusus supaya janganlah tinggalkan Sarawak/Sabah itu begitu sahaja. Jangan buat *showcase* Sarawak/Sabah itu menjadi satu tempat yang hijau dipenuhi hutan belukar. Kita tidak lagi mencerminkan bahawa orang Sarawak, orang Sabah itu *living on the trees*, Tuan Pengerusi. Dengan itu saya sokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Rantau Panjang. Ramai lagi Yang Berhormat. Cuba semua ringkaskan, saya hendak selesaikan perbahasan pada jam 1 tengah hari.

12.01 tgh.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Berkenaan dengan Butiran 00602 - Maktab Rendah/Kolej Sains MARA. Saya ingin tahu kenapakah cadangan untuk

membina MRSM di Pasir Mas telah dipinda ke Tanah Merah, sedangkan Jawatankuasa Tanah Jajahan Pasir Mas telah pun meluluskan satu tapak pembinaan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM)? Adakah tapak yang sudah dikenal pasti untuk tahun 2008 ada empat, dan 2007 baru ini ada enam tapak termasuk tapak yang akan dibina di Tanah Merah ataupun akan kembali semula ke Pasir Mas? Saya dimaklumkan oleh kerana Ahli Parlimen Tanah Merah ini merupakan Ahli Parlimen dari Barisan Nasional, dia lebih gagah daripada Ahli Parlimen Pasir Mas kerana Pasir Mas Ahli Parlimen PAS. Barangkali ini antara sebab-sebab dan puncanya.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Kalau dapat pihak menteri jawab adakah benar tuduhan saya ini? Yang keduanya ialah berkenaan Tabung Ekonomi Usahawan ataupun TEKUN. Saya ingin tahu setakat hari ini, berapa orangkah yang dapat pinjaman ataupun kemudahan urus niaga melalui TEKUN ini? Adakah benar ramai di kalangan masyarakat mengatakan sebahagian besar peminjam-peminjam ini terdiri daripada kroni-kroni daripada UMNO? *[Disorak]* Adakah benar sebahagian besar pula mereka ini tidak membayar balik hutang-hutang TEKUN ini? Itu dua, menteri mesti jawab apa yang saya persoalkan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Yang *last*, yang ketiga ialah masalah MARA mempunyai banyak kolej. Apakah MARA tidak berhasrat untuk mengadakan Maktab ataupun Kolej Sains Islam kerana kemampuan MARA, mempunyai kewangan yang banyak, mempunyai pensyarah-pensyarah yang baik dan saya kira sampai masanya MARA juga mengadakan satu Maktab Sains Islam yang di dalamnya boleh diajarkan tentang ilmu-ilmu... dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Rembau.

12.04 tgh.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus pergi kepada Program Pembangunan Usahawan ICT, Pembangunan Koperasi dan Maktab Kerjasama Malaysia.

Jadi kita sedia maklum bahawa di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan hasrat kementerian mewujudkan 150 guru usahawan dalam pelbagai bidang. Jadi saya berharap usaha ini akan bermula di peringkat sekolah rendah lagi, di peringkat Tadika lagi. Kalau boleh diterapkan unsur-unsur keusahawanan dalam pengamatan pelajaran Matematik dan sebagainya. Dalam masa yang sama juga kita berharap supaya program-program keusahawanan yang ada di sekolah akan dapat dipertingkatkan lagi dan kalau boleh setiap sekolah menengah diwujudkan koperasi sekolah semua bekalan alat-alat sekolah termasuk buku dibekalkan melalui koperasi.

Yang keduanya, saya hendak sebut tentang bangunan koperasi dan dari segi usaha kita sekarang untuk menjadikan koperasi sebagai enjin ketiga pembangunan negara. Sudah

sampailah masanya supaya setiap daerah diadakan pegawai koperasi. Sekarang ini misalnya di kawasan saya berkongsi dengan daerah Tampin, Pegawai Koperasi Rembau/Tampin. Sudah sampai masanya supaya dengan adanya pegawai koperasi di setiap daerah berserta pejabatnya, dapatlah usaha-usaha menggembleng koperasi ini dipertingkatkan lagi. Dalam masa yang sama Maktab Kerjasama Malaysia saya harap juga akan dapat dipertingkatkan. Sudah sampai masanya Maktab Kerjasama Malaysia yang sudah wujud lama, supaya kursus-kursus yang dikendalikan dinaikkan taraf sekarang ini daripada diploma kepada ijazah dan pasca-ijazah dan mungkin ini boleh dibuat dengan kerjasama UITM yang ada di setiap negeri.

Dalam yang masa yang sama juga kalau boleh, latihan-latihan yang lebih khusus yang lebih spesifik dibuat untuk pemimpin-pemimpin koperasi, lembaga pengarah pengurusan koperasi dan sebagainya. Sehubungan dengan itu usaha kita untuk menggembleng koperasi sebagai agen pembangunan negara akan dapat dijalankan dengan lebih berkesan lagi. Dari segi usahawan tadi juga saya hendak sebut, supaya kalau boleh program-program usahawan ini juga dibuat secara berterusan melalui khutbah-khutbah Jumaat bersama JAKIM supaya diterapkan bahawasanya dalam Islam pun 98% rezeki datangnya daripada perniagaan. Pada masa yang sama diterbitkan video klip-video klip berkaitan dengan usahawan-usahawan yang berjaya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Setiap keluarga kita minta *ditarget* satu keluarga satu usahawan. Saya yakin kalau usaha-usaha yang menyeluruh dan bersungguh-sungguh dijalankan, dan dibuat *road show* dan sebagainya usaha untuk mewujudkan 150 ribu usahawan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan termasuk dalam pelbagai bidang termasuk bidang usaha tani akan dapat dicapai. Dengan ini saya menyokong, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tenom.

12.07 tgh.

Tuan Raimi Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sedikit sahaja. Saya ingin membahaskan Butiran 00611 - Program Giat MARA. Seperti mana kita tidak nafikan langkah agresif Majlis MARA untuk meluluskan penubuhan Giat MARA pada tahun 1986 banyak menghasilkan *k-entrepreneur* dan *k-worker* dalam pelbagai bidang pekerjaan sejajar dengan permintaan masyarakat setempat. Malah sejak pusat Giat MARA yang pertama dibuka di Jitra, Kedah dan telah menyaksikan pusat tersebut berkembang pesat dengan penubuhannya pada hampir semua di kawasan Parlimen.

Kalau kita lihat sekarang Tuan Pengerusi, Giat MARA menawarkan program komuniti yang menawarkan kursus sepenuh masa dan juga kursus jangka pendek. Biasanya kursus sepenuh masa di antara enam bulan hinggalah 12 bulan di mana di antaranya Kursus Juruteknik Sistem Komputer, Pendawaian Elektrik dan juga kursus-kursus yang lain. Cuma apa yang ingin saya bangkitkan di sini ialah mengenai Pusat Giat MARA di Tenom. Saya telah difahamkan pada

tahun-tahun lepas Pusat Giat MARA Tenom telah mempunyai peruntukan untuk membina bangunannya sendiri. Buat sementara ini, Pusat Giat MARA Tenom telah menyewa sebuah bangunan di Pusat Kebudayaan Murut.

Apa yang agak malang ialah projek pembinaan Pusat Giat MARA di Tenom sudah lama terbengkalai, dan baru-baru ini beberapa pihak telah menyuarakannya di surat khabar-surat khabar. Jadi saya berharap pada pihak MARA supaya melihat perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik cukup Yang Berhormat.

Tuan Raimi Unggi [Tenom]: Satu lagi Tuan Pengerusi. Dalam perancangan untuk membina Pusat Giat MARA ini, saya memohon kepada pihak MARA supaya juga membina asrama supaya ini akan memberi kemudahan kepada para pelajar di luar bandar yang jauh datang ketika berkursus. Maka dengan itu saya mohon menyokong dan terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ampang.

12.09 tgh.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. saya ingin menyentuh Butiran 03005 - Program Keusahawanan Siswa dan Siswazah. Saya ingin mendapat penerangan lanjut tentang Projek *Edu-Biz Park* yang ada dinyatakan dalam akhbar bahawa ia merupakan sebagai langkah pendedahan kepada bakal graduan menceburi bidang perniagaan. Saya ingin tahu adakah semua siswazah didedahkan ataupun siswa-siswa di dalam jurusan tertentu sahaja.

■1210

Saya ingin pihak kementerian membuat suatu ketetapan dari segi keberkesanan, adakah tumpuan patut diberi kepada siswa semua jurusan ataupun kita patut memfokuskan kepada siswazah menganggur.

Keduanya ialah Butiran 03003 bersama 03004 iaitu Pembangunan Vendor dan Pembangunan Francais. Saya ingin tahu tentang dua program. Pertamanya ialah program Rantain Nilai Penyelenggaraan Motosikal dan Alat Ganti (MoSVAC). Semenjak tahun 2000 lagi kementerian telah bekerjasama dengan satu syarikat pengeluar dan pengimport alat ganti motosikal iaitu Samata Industries Sdn. Bhd. Soalan saya ialah mengapakah hanya syarikat ini sahaja yang memonopoli sejak tahun 2000 dan apakah perancangan kementerian supaya diperluaskan dan memberi peluang kepada lebih lagi syarikat-syarikat bumiputera. Menerusi MoSVAC ini kementerian menyasarkan untuk mengadakan 3,000 buah bengkel dan 450 pengedar menjelang berakhirnya Rancangan Malaysia Kesembilan untuk membekalkan alat-alat ganti motosikal. Soalan saya ialah apakah strategi kementerian untuk mencapai sasaran ini.

Akhirnya ialah program Rantain Nilai Telefon Bimbit. Dalam laporan akhbar ada menyebut bahawa di bawah TEKUN, kementerian bercadang untuk mengeluarkan jenama CSL.

Bukanlah kita ini bersikap pesimistik, cuma persoalan saya ialah apakah perancangannya supaya kita mampu bersaing dengan jenama-jenama yang telah mencapai sesuatu dan boleh dikatakan *giant* di dalam pasaran telefon bimbit ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jasin. Tiga minit sahaja, Yang Berhormat, supaya tidak terkeluar daripada tajuk.

12.12 tgh.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Butiran 00101 sehingga butiran 00113 - Perbadanan Kemajuan Negeri. Saya teringat banyak peruntukan telah kita sediakan untuk Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri. Saya lihat pada hari ini masih lagi, walaupun beberapa teguran dibuat oleh kementerian didapati bahawa banyak di antara perbadanan kemajuan negeri menjalankan perniagaan seolah-olah bersaing dengan usahawan bumiputera yang lain. Kalau dahulu mungkin perkara ini boleh kerana ramai bumiputera tidak menyertai perniagaan itu tetapi pada hari ini kita lihat bahawa di antara *competitor* yang ada di kalangan usahawan bumiputera adalah GLC yang dilahirkan oleh kerajaan negeri di bawah perbadanan-perbadanan kemajuan negeri ini. Oleh yang demikian kita minta supaya masalah ini diperbaiki.

Satu lagi Butiran 00607 berkenaan dengan Perkhidmatan Pengangkutan MARA. Saya di Jasin, masih lagi mengharapkan bas-bas MARA untuk berhubung dengan pekan-pekan kecil. Tiap-tiap kali apabila kita bermesyuarat dengan pihak MARA meminta supaya perkhidmatan bas di antara pekan Jasin ke pekan Merlimau, kita dapati jawapan dari pegawai-pegawai MARA mengatakan tidak mempunyai bas. Oleh yang demikian saya berharap supaya dengan peruntukan yang ada, yang kita luluskan pada hari ini, perkhidmatan di antara pekan Merlimau dan pekan Jasin dipulihkan balik dan juga kepada pekan-pekan FELDA Ayer Kangkung, FELDA Kemandor yang pada hari ini sudah jadi FELDA Tun Ghafar ke bandar Jasin ini dipulihkan balik.

Akhir sekali ialah berkenaan dengan Pusat Giat MARA Butiran 00611. Saya mengucapkan terima kasih kepada kementerian kerana di Parlimen Jasin kita ada dua Pusat Giat MARA iaitu satu di Sungai Rambai dan satu lagi di pekan Merlimau. Hanya yang saya kesalkan kerana pekan Merlimau ini di tengah-tengah pekan, di tengah bandar. Mengapa buat Pusat Giat MARA di situ? Dalam pusat bandar ini kalau dibuatkan gerai dan juga arked MARA saya rasa lebih ramai usahawan kita dapat berniaga dalam bandar, tetapi kalau dibuat Pusat Giat MARA di situ manfaatnya kepada keadaan tempat dalam pekan itu tidak berapa sesuai. Oleh yang demikian saya berharap supaya Pusat Giat MARA yang ada di pekan Merlimau ini ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah cukup masa.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Dijadikan untuk ruang-ruang niaga bagi orang di kawasan itu. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat bagi Kelana Jaya.

12.14 tgh.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Butiran 020000 berkenaan dengan Pembangunan dan Koperasi yang saya hendak kaitkan dengan Butiran 13000 - Maktab Kerjasama Malaysia.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini saya terbaca satu laporan yang dikeluarkan oleh Perikatan Koperasi Antarabangsa (ICA) yang menunjukkan bahawa koperasi terbesar di dunia ini ada 300 buah di mana telah menyumbang kira-kira USD 1 trilion kepada ekonomi global setiap tahun. Apa yang hendak saya pertikaian ialah di dalam senarai 300 buah koperasi ini tidak ada sebuah pun dari Malaysia. Walaupun di antara 300 buah koperasi terbesar dunia ini ada yang agak baru sahaja ditubuhkan lebih kurang 10 tahun hingga 15 tahun, tetapi koperasi-koperasi di Malaysia yang kebanyakannya telah wujud berpuluh-puluh tahun tetapi tidak dapat dimasukkan dalam senarai 300 buah koperasi yang terbesar di dunia. Yang dapat dimasukkan hanyalah di antara 150 buah koperasi di kalangan negara-negara sedang membangun.

Maka saya hendak bertanya kepada pihak kementerian dan juga Maktab Kerjasama Malaysia, bagaimanakah kita dapat membantu untuk menghubungkan koperasi-koperasi yang telah wujud lama di Malaysia ini dengan syarikat-syarikat GLC dan juga *multinational company* supaya kita dapat membangunkan koperasi Malaysia ini ke satu tahap yang lebih membanggakan.

Kedua, Butiran 09600 berkaitan dengan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan. Tuan Pengerusi, di kawasan bandar jumlah kependudukannya amatlah tinggi. Saya hendak bertanya tentang pelesenan bas sekolah. Bagaimanakah pelesenan bas sekolah diagihkan untuk kawasan luar bandar dan kawasan bandar. Di kawasan bandar setiap pengusaha hanya dapat menghantar murid-murid bagi satu trip sahaja kerana kesesakan lalu lintas dan juga keadaan perumahan yang begitu banyak dan kebanyakan daripada mereka adalah daripada pengusaha kecil ataupun hanya mula menjalankan perniagaan sebagai pemilik tunggal untuk membawa bas sekolah.

Di sini kita nampak ada satu masalah di kawasan bandar apabila pihak Lembaga mengenakan syarat bahawa pengusaha-pengusaha kecil ini hendaklah mendapatkan kelulusan daripada PBT untuk mengadakan tempat letak kereta ataupun tempat letak bas. Tetapi di kawasan bandar, di kawasan PBT, tidak ada tempat untuk meletak bas kerana mereka hanyalah pengusaha kecil. Di mana mereka dapat mengadakan jumlah yang besar untuk meletakkan bas mereka? Ini adalah satu masalah timbul. Oleh yang demikian saya minta agar pihak Lembaga di bawah bimbingan kementerian dapat mengadakan rundingan dengan pihak PBT supaya janganlah kita menindas pengusaha-pengusaha kecil ini yang cuba menyediakan perkhidmatan bas sekolah di kawasan bandar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Dengan itu saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pendang.

12.17 tgh.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Pertamanya, Butiran 00614 berkenaan dengan Bangunan Perniagaan. Saya jangka Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah pun melawat Pejabat MARA Alor Star ini. Saya beberapa kali sudah pergi ke pejabat itu. Saya merasa kasihan tengok *showcase* untuk ahli-ahli perniagaan bumiputera kerana tidak ada pengunjung yang datang ke situ. Saya rasa bangunan itu lebih sesuai dijadikan pejabat ataupun tempat untuk pelajar belajar ataupun kita buat kolej di situ. Ia terletak di hujung. Kalau dahulu memang tempat itu dikunjungi orang ramai kerana ada stesen bas MARA di situ, tetapi sekarang ini memang tidak ada. Saya bertanya kepada peniaga di situ katanya, dalam sehari mungkin 10 orang pun tidak berkunjung ke kedai mereka.

Keduanya tentang bangunan MARA di Pendang. Saya tidak tahu apakah tujuan bangunan MARA di Pendang itu dibuat sama ada untuk pejabat ataupun untuk ruang perniagaan. Kalau hendak dikatakan dewan, nampaknya rupa macam dewan tetapi dijadikan tempat perniagaan. Ia disekat-sekat untuk dijadikan tempat perniagaan dan dibuat pula lantai kayu untuk tingkat kedua yang dijadikan pejabat. Maknanya pejabat pun bukan kedai pun bukan. Saya berharap kementerian berhati-hatilah pada masa yang akan datang apabila membuat bangunan ruang perniagaan.

Kemudian mengenai Pusat Giat MARA. Di Pendang ada dua Pusat Giat MARA iaitu sebuah di Jenun dan satu lagi di Sungai Tiang. Saya harap ilmu yang diajarkan di Pusat Giat MARA ini, terutamanya dari segi automobil mereka belajar perkara-perkara yang *up-to-date*. Kita tidak mahu perkara-perkara yang diajar misalnya membaiki kenderaan yang lama ataupun model-model jenis lama. Berikanlah mereka kenderaan-kenderaan yang *bergear* automatik ataupun ajarkan mereka perkara-perkara yang lebih disukai oleh pemilik-pemilik kereta misalnya cara-cara hendak melakukan *conversion* kepada kereta-kereta tersebut. Ini lebih *up-to-date* dan disukai oleh peminat-peminat kenderaan.

Akhir sekali Butiran 01502, seperti perkara-perkara yang dibangkitkan oleh rakan-rakan yang lain iaitu tentang TEKUN. Saya ingin tahu berapakah jumlah peminjam-peminjam TEKUN di kawasan Parlimen Pendang, Saya sering mendapat keluhan daripada peminjam-peminjam mereka mengatakan apabila hendak mengisi borang TEKUN ini mereka perlu mengisi borang untuk menjadi ahli UMNO, apakah ini benar ataupun tidak.

Kemudian, pejabat TEKUN tidak ada di pejabat MARA tetapi ada di dalam pejabat UMNO. Saya harap perkara ini boleh diberi perhatian oleh kementerian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat bagi Pensiangan.

■ 1220

12.20 tgh.

Datuk Bernard S. Maraat [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana saya diberikan kesempatan. Ada dua perkara, pertama 00611 – Program Giat MARA. Sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Tenom tadi, tempat dia ada, di Keningau ada, di Tambunan ada tetapi di Pensiangan tidak ada. Saya minta supaya kementerian ini meletakkan satu pusat Giat MARA di kawasan saya iaitu kawasan Pensiangan yang sedang membangun sekarang ini. Ini sudah pasti akan memberi impak baik kepada anak-anak muda kita yang akan terus menjurus kepada insan-insan yang berguna ini.

Saya ingin tahu juga pusat Giat MARA di Keningau sampai sekarang pembinaan pusat Giat MARA ini tidak siap-siap. Baru-baru ini saya pun telah merasmikan satu expo kerja belia-belia kita yang telah dikunjungi oleh lebih kurang enam ribu belia-belia kita. Kebanyakan daripada belia-belia ini tidak mempunyai kemahiran, saya pasti dengan adanya pusat Giat MARA ini akan memberi kesan baik kepada anak-anak kita yang ingin bekerja di kilang ataupun di ladang-ladang atau dalam sektor-sektor pembinaan. Saya ingat supaya dapat dipercepatkan lagi dari segi pembinaan pusat Giat MARA di Keningau ini.

Yang akhir sekali saya ingin tahu program pembangunan usahawan ICT ini iaitu 09801 – Technopreneur Bumiputera dan 09802 – Bumiputera ICT Entrepreneur. Saya ingin tahu berapa sudah banyak technopreneur dan juga Bumiputera ICT Entrepreneur. Saya ingin melihat daripada segi peruntukan yang diberi kepada technopreneur, hanya RM3 juta. Kita mempunyai belia yang banyak sekali yang mungkin sudah lulus ataupun sudah mempunyai kemahiran daripada pusat-pusat Giat MARA mungkin mempunyai kecenderungan mereka untuk mengusahakan ICT atau dalam pengkomputeran dan sebagainya.

Saya ingin tahu berapa yang sudah kita bantu dan berapa banyak di Sabah dan berapa banyak di Bahagian Pensiangan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Lipis.

12.22 tgh.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi Maksud P.26 ini saya hendak bercakap tiga perkara sahaja.

Pertama Butiran 00616 – UniKL. Kita mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah mewujudkan UniKL ini dan setahu saya terdapat lebih kurang 10 institut termasuk yang baru yang berada dalam UniKL ini. Ini termasuk juga institut-institut yang ada membuat kerjasama seperti British Malaysian Institute, Malaysian French Institute dan sebagainya. Bagaimana pun terdapat juga institut-institut kerjasama ini yang tidak termasuk dalam UniKL ini seperti German Malaysian Institute rasa saya dan lain-lain seperti Japan Malaysian Institute. Mengapa institut-institut yang ini tidak dimasukkan bersama ke dalam UniKL ini?

Keduanya saya hendak bertanya daripada manakah sumber *student* atau pelajar-pelajar yang dibawa ke dalam UniKL ini, adakah daripada Kolej MARA ataupun institut-institut MARA sendiri ataupun diambil daripada luar dan ke mana arah tuju mereka kerana saya melihat institut-institut yang ada dalam UniKL ini kebanyakan yang berbentuk *specialize* ataupun mengkhusus. Keduanya, dalam ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ketiga. Tadi sudah kedua, sekarang ketiga.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Ketiga. Butiran 03008 yang saya sekalian dengan 090400 – Institut Keusahawanan Lain dan Kursus Khidmat Nasihat Bagi Kontraktor.

Saya mohon penjelasan sama ada pendaftaran bagi kontraktor Kelas F dibuka semula atau tidak kerana seingat saya pada tahun 2004, pendaftaran bagi kontraktor Kelas F ini telah dibekukan kerana hendak dibuat kajian semula dan hendak menyusun balik. Rasa saya masa untuk tiga tahun itu sudah cukuplah bagi menyusun semula dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, masa cukup Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Saya mencadangkan supaya dibuka semula pendaftaran ini supaya pendatang-pendatang baru, rasa saya ramai lagi yang berminat untuk menjadi kontraktor boleh menjadi kontraktor Kelas F. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Ketereh.

12.25 tgh.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ada tiga perkara.

Yang pertama 03006 – Program Usahawan Muda. Saya agak hairan kenapa program ini menjadi seolah-olah program yang mati. Kalau kita tengok peruntukan perbelanjaan untuk 2001 hingga 2005 sebanyak RM23 juta tetapi dibelanjakan kosong, tidak dibelanjakan langsung.

Kemudian untuk tahun 2006 hingga 2010 peruntukan yang diluluskan adalah RM20 juta tetapi perbelanjaan sebenar untuk tahun 2006 adalah kosong, tidak ada langsung, tidak belanja. Kemudian dipinda untuk tahun 2007 ini sebanyak RM3 juta kemudian anggaran langsung untuk tahun 2008 menjadi RM4 juta seratus ribu.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini program Kelab Usahawan Muda ini saya adalah di antara orang yang mula-mula menubuhkan Kelab Usahawan Muda pada awal tahun 90an dan Pengerusi Kelab Usahawan Muda yang pertama di Malaysia ini adalah Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu sekarang, semasa itu beliau menjadi Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan. Kemudian saya ikut, Ketereh ikut. Ketereh ikut Besut, Besut buka Ketereh ikut. Pada masa itu menteri menggalakkan supaya menubuhkan Kelab Usahawan Muda ditubuhkan dan saya tahu banyak Kelab Usahawan Muda ditubuhkan.

Sekarang ini, program ini nampaknya macam mati tetapi peruntukan ada. Saya minta kementerian menjelaskan apa sudah jadi dengan program ini sebab kelab-kelab ini ditubuhkan dahulu pun atas permintaan kementerian. Saya rasa tidak konsisten apabila menteri bertukar, program berubah, bajet ada, kemudian benda itu tidak berjalan. Walaupun dasarnya sama, parti pun parti sama, pemerintah pun pemerintah sama tetapi sepatutnya benda itu berjalan. Saya ingin menegur perkara ini dan kalau ada jawapan tolonglah beri dengan segera.

Yang kedua mengenai 00611 – Program Giat MARA. Saya diberitahu dalam kawasan Parlimen saya Ketereh ada program Giat MARA. Yang ada sekarang ini ialah untuk kawasan Nilam Puri. Kawasan Nilam Puri ini sebenarnya sudah tidak ada, tidak wujud lagi kawasan Parlimen Nilam Puri. Saya diberitahu oleh kementerian bahawa ada bajet untuk Giat MARA Ketereh. Saya ingin tahu bilakah hendak dilaksanakan dan berapa bajetnya sebab saya tengok dalam butiran pun tidak ada tetapi saya dijanjikan ada. Mudah-mudahan ia betul-betul ada.

Yang ketiga, 00602 mengenai Maktab Rendah dan Kolej Sains MARA. Saya berpendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Tuan Pengerusi bahawa Kolej Sains MARA ini adalah suatu kejayaan negara yang merupakan harapan kepada orang kampung. Di mana-mana kalau kita pergi mereka ini hendak masuk MRSM. Tahun ini di Kelantan sahaja pelajar-pelajar yang berjaya mendapat 5A untuk UPSR melebihi 5,000 orang tetapi pembinaan Kolej Sains MARA atau MRSM ini adalah berdasarkan kepada unjuran dahulu iaitu orang yang mendapat 5A ini tidak melebihi dalam 20,000 setahun.

Saya yakin oleh kerana tekanan kita dan program kita yang bagus, usaha daripada Kementerian Pelajaran, usaha daripada MARA supaya pelajar-pelajar kita berjaya, saya yakin mereka yang mendapat 5A ini telah bertambah tetapi unjuran penubuhan Kolej Sains MARA ini juga mesti bertambah kerana permintaannya bertambah dan mereka ini mahu tempat-tempat seperti ini. Inilah satu-satunya tempat rakyat bumiputera atau orang kampung hendak masuk ke sekolah asrama penuh. Itulah sahaja.

Akhir sekali butiran ini saya tercari-cari. Bukan tidak ada butiran iaitu di bawah program kementerian. Kita bercakap, Perdana Menteri dalam bajetnya tahun lepas mengumumkan penubuhan UDA iaitu suatu institusi yang amat penting dalam pembangunan bandar untuk bumiputera tetapi saya cari dalam bajet ini, pembangunan untuk UDA tidak ada, pembiayaan juga tidak ada. Bagaimana boleh kita mengumumkan penubuhan sebuah institusi yang begitu besar tetapi tidak ada bajet. Saya minta penjelasan, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Batu Gajah.

12.24 tgh.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk satu perkara 00108 – Perbadanan Kemajuan Negeri Perak. Dalam laporan ini menyatakan

peruntukan RM19 juta. Saya ingin tahu apakah tujuan peruntukan ini dan apakah rancangan yang akan dilaksanakan dengan peruntukan ini.

Saya sebenarnya sangat risau setiap kali apabila membaca laporan Ketua Audit Negara, sebagai contoh Laporan Ketua Audit Negara bagi Kerajaan Negeri Perak. Nampaknya laporan penyata kewangan bagi Perbadanan Kemajuan Negeri Perak semenjak tahun 1997 sehingga 2004 masih belum dibentangkan di dalam Dewan Undangan Negeri Perak dan juga penyata akaun selalunya lambat diserahkan kepada jabatan yang berkenaan.

■1230

Jadi kalau dalam kes yang sedemikian, pengurusan kewangan yang lemah oleh Perbadanan Kemajuan Negeri sebagai contoh negeri Perak ini, apakah pihak kementerian ada memastikan segala prosedur telah diikuti dalam pengurusan kewangan, baru diluluskan peruntukan untuk mereka. Kalau tidak saya rasa, saya takut ia seolah-olah macam peribahasa bahasa Cina, '*membuang wang ke dalam lautan*', apabila tiada sikap bertanggungjawab ke atas peruntukan yang diberi. Ini saya nyatakan penyata kewangan yang harus dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri dan diserahkan kepada Jabatan Audit. Jadi dalam aspek ini, apakah akan dipertimbangkan untuk menarik balik atau menahan kelulusan peruntukan jika ada perbadanan yang gagal mematuhi prosedur Akta Kewangan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Kuala Pilah.

12.31 tgh.

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan berkenaan dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi ini. Saya pertamanya ingin menyokong penuh pandangan daripada Ketereh berkenaan dengan keperluan dan justifikasinya kolej-kolej Mara ini didirikan di Parlimen-Parlimen dan juga di daerah-daerah. Di Kuala Pilah telah didirikan UiTM setelah diperjuangkan dengan begitu lama. Dengan wujudnya UiTM ini, memberikan semangat dan rangsangan kepada rakyat di Kuala Pilah khususnya dan di negara amnya untuk menghantar lebih ramai anaknya ke pengajian-pengajian tinggi ini. Oleh sebab itu, ada keperluan ada desakan daripada Kuala Pilah untuk melihat kolej Mara ataupun Maktab Rendah Sains Mara ini juga dapat didirikan sama.

Jadi pertanyaan saya yang pertama ialah ada tidak rancangan daripada pihak kementerian ini untuk menubuhkan Maktab Rendah Sains Mara seperti mana yang pernah didirikan di Jempol dan sebagainya. Kalau tidak ada, saya minta ada perancangan, kalau pun tidak boleh rancangan untuk 2008 tapi dapat didirikan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan ini iaitu keperluan untuk Maktab Rendah Sains Mara di Parlimen Kuala Pilah.

Satu lagi Tuan Pengerusi, Butiran 00614 iaitu berkenaan dengan Bangunan Perniagaan. Saya mengucapkan banyak terima kasih kepada usaha yang dibuat oleh kementerian khususnya

pihak Mara untuk mendirikan banyak-banyak gerai, arked-arked perniagaan untuk diberikan kepada usahawan-usahawan. Ada satu arked di Kuala Pilah dan yang telah didirikan beberapa tahun lama dahulu, saya ingat 10 tahun dulu, masih lagi kuat, masih lagi dihuni oleh usahawan-usahawan. Cuma apa yang saya dukacita sedikit, akhir-akhir ini, baru-baru ini satu taklimat telah diberikan oleh pihak Mara untuk hendak mengubahsuai balik arked Mara ini. Diubahsuai supaya dirombak balik strukturnya supaya dapat diberikan ada buat satu lorong nak membanyakkan lagi usahawan masuk ke dalam arked Mara ini sehinggakan ada satu perancangan untuk hendak membuat dalam arked Mara supaya dapat dibuat satu pengubahsuaian. Sehinggakan akhirnya nanti peniaga yang meniaga di situ, gerainya akan bertambah kecil kerana hendak memberikan satu ruang di sini. Jadi perancangan ini melibatkan belanja yang agak besar juga, saya ingat lebih kurang hampir RM2 juta.

Jadi baru-baru ini jawatankuasa telah menemui saya dan telah mengemukakan rintihan hati mereka yang menolak perancangan ini untuk nak mengubahsuai arked mereka. Sebab yang pertamanya, perancangan ini dibuat tanpa merujuk dan berunding dengan pihak pimpinan tempatan ataupun dengan pihak majlis pembangunan usahawan daerah sendiri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sabak Bernam bangun.

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Jadi oleh sebab itu saya melihat ini ada satu tekanan ada satu desakan daripada mereka supaya perancangan ini dapat ditangguhkan ataupun di *scrap, just scrap this project* oleh sebab bila dibuat ubahsuai esok, mereka ini tidak akan diberi tempat, tempat ini akan dikosongkan, ke mana mereka hendak berniaga sementara hendak menunggu projek ini siap. Itu satu.

Yang ketiganya, bila dah siap pengubahsuaian ini sudah tentu ruang atau premis mereka akan lebih kecil. Jadi ini suara hati daripada peniaga-peniaga ini dan minta supaya ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat boleh gulunglah.

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Ha ini gulunglah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sabak Bernam boleh duduk.

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Duduk sekejap. Jadi oleh sebab itu, rintihan hati mereka ini saya lihat ada justifikasinya dan saya minta pihak kementerian dapat melihat balik tentang perancangan hendak mengubahsuai arked Mara di Kuala Pilah ini supaya dapat *just scrap* ini, di sebaliknya pula duit yang ada itu dipergunakan untuk mendirikan premis yang lain. Tanah, ada beberapa tanah dalam kawasan bandar yang boleh digunakan untuk RM2 juta. Daripada RM2 juta untuk mengubahsuai, lebih baik didirikan premis yang baru. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik Yang Berhormat Sabak Bernam terus berucap, tak payah celah.

12.35 tgh.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih atas kefahaman Tuan Pengerusi, saya faham benar. Sabak Bernam ingin bercakap mengenai dua perkara, yang pertama ialah butiran 01504 – TEKUN. Sabak Bernam ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih, sudah ada 348 orang yang mememanfaatkannya, kalau nak dikira keluarga itu maknanya undinya pun banyaklah dengan syarat projek-projek itu berjaya. Jadi dalam konteks ini, saya sangat berharap supaya pegawai-pegawai TEKUN dan pegawai Mara di daerah yang sudah aktif supaya mereka ini proaktif supaya mereka turun padang.

Jadi dalam konteks TEKUN ini, Sabak Bernam ingin mencadangkan supaya diwujudkan suatu skim pinjaman membangunkan semula projek yang gagal. Kita dapati pinjaman bawah RM10,000 ataupun sekarang sudah sampai RM15,000 ada di antara projek ini yang sebenarnya cukup bagus tetapi atas sebab-sebab tertentu, bencana alam maka projek itu gagal. Ini telah menyebabkan, kalau dibiarkan usahawan itu sayang sekali dengan pengalaman yang dia ada, yang dia boleh berjaya maknanya kalau diberi bantuan tambahan mungkin dengan RM5,000 lagi secara diteliti. Maka saya yakin akan lebih ramai lagi usahawan TEKUN ini yang kurang berjaya ini boleh lebih berjaya.

Yang keduanya tadi saya hendak bertanya dengan Kuala Pilah, Plaza MARA, Wisma MARA dan Bazar MARA ini, saya lihat ia dikhususkan kepada pengusaha bumiputera. Saya memberi pandangan bahawa ada keperluan untuk dibuka ruang kepada bukan bumiputera sebagai satu pengisian tambahan supaya tempat-tempat itu akan lebih imarah lagi. Saya minta pandangan kementerian sama ada perkara ini boleh diberikan pertimbangan di mana pengusaha bukan bumiputera memberikan pengisian dan mengimarahkan lagi plaza itu khususnya seperti di Sabak Bernam. Terima kasih Tuan Pengerusi.

12.38 tgh.

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Siapa lagi ingin berucap? Selepas Sepanggar ada Yang Berhormat Pengkalan Chepa dan Ipoh Barat. Selepas mereka, Timbalan Menteri boleh jawab.

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya terus kepada butiran 00608 – Penilaian dan Kaunseling/Bimbingan Usahawan. Di mana kita tahu pada ketika ini memang agak khasnya bagi bumiputera, perusahaan usahawan bumiputera agak lembap dan tidak dapat menjalankan perniagaan dan perusahaan mereka. Saya rasa memang kurang bimbingan mereka khasnya di Sabah, saya ingin tahu berapa ramai telah dapat *benefit* dengan izin, atas kaunseling dan bimbingan ini. Sebab kita dapati bahawa perusahaan-perusahaan dan peniaga-peniaga khasnya bumiputera ini agak sukar untuk meningkatkan

perniagaan dan perusahaan mereka. Ini kita tidak pasti sama ada mereka dapat bimbingan ataupun disebabkan kewangan mereka merosot.

Kedua ialah, butiran 00611 – Program Giat MARA. Di mana saya difahamkan dan saya telah pun diberitahu pada tahun ini, satu bangunan giat Mara ini dapat kita wujudkan di kawasan Sepanggar tetapi sehingga kini tidak ada kesan-kesan sama ada ini dapat dijalankan. Pada ketika ini Program Giat Mara ini sedang menyewa satu kedai yang saya difahamkan penyewaannya lebih kurang RM2,000 sebulan sedangkan kita ada peruntukan untuk membina.

■1240

Maka itu sebab saya minta supaya dapat dipercepatkan pembinaan itu untuk remaja-remaja yang ada minat untuk mendapat kegiatan MARA ini.

Ketiga ialah mengenai Butiran 01502 - TEKUN. Di kawasan saya sendiri saya ucapkan terima kasih, oleh kerana ramai telah mendapat pinjaman seperti ini tetapi ramai juga yang gagal. Disebabkan saya rasa tidak ada *feedback*, tidak ada untuk merapatkan peniaga-peniaga kecil-kecilan ini. Bagaimana mereka dapat meneruskan perniagaan mereka, bagaimana dapat menjalankan? Itu saya rasa lebih kurang dari segi kefahaman kepada peniaga-peniaga kecil ini.

Maka itu sebab saya rasa ada baik sekiranya semua yang telah mendapat pinjaman TEKUN ini dapat di kumpul semula dan diberi motivasi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukup.

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Pengkalan Chepa.

12.42 tgh.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terutama sekali saya nak pergi kepada Butiran 12001 - Bangunan Perniagaan.

Di Kelantan ini kira-kira 20 tahun dahulu 1988 lagi, kerajaan di bawah UDA dulu telah mengambil balik sebidang tanah yang sangat potensi sekarang ini dekat Seksyen 9 di tengah Bandar Kota Bharu dan dibangunkan dengan satu rangkaian kedai yang selapis. Sekarang ini berumur 20 tahun lebih yang merupakan bangsal-bangsal tidak sesuai lagi dan di situ bangunan-bangunan telah naik. Jadi saya ingin mencadangkan kepada MARA supaya tengok tanah ini dan mungkin boleh bina satu Arked MARA di situ untuk peniaga-peniaga bumiputera.

Kedua Tuan Pengerusi, saya ingin tahu berapa banyak syarikat-syarikat koperasi yang berdaya maju, yang kurang maju, yang telah pun boleh di katakan tutup atau yang sangat tidak maju di Kelantan. Apakah langkah-langkah untuk yang kurang maju ini supaya mereka maju dan yang tidak maju ini supaya berdaya maju.

Begitu juga saya hendak tahu berapa ramai usahawan-usahawan di Kelantan ini yang telah berjaya usahawan kecil dan sederhana, begitu juga yang kurang berjaya dan yang langsung tidak berjaya.

Sekian, terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa sebab? Sakit ke?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi dibenarkan berucap?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau tak sakit hendak berucap bolehlah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya tak pernah sakit *[Ketawa]* cedera sikit di tangan.

12.43 tgh.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, Butiran 00108 iaitu mengenai wang yang akan diagihkan untuk PKNP Negeri Perak.

Tuan Pengerusi, kita semua tahu bahawa di negeri Perak baru-baru ini *bus station* dari Medan Kidd telah diubah ke Medan Gopeng. Semasa diubah itu Timbalan Menteri pun ada beri jawapan di Dewan ini bahawa itu adalah kerana faktor-faktor yang membawa kebaikan kepada rakyat seluruh negeri Perak terutamanya orang-orang di Perak. Namun selepas mereka telah pindah ke sana, sekarang wang ini diagih untuk membina sebuah *heritage*, ini ada cerita banyak mengenai *heritage*.

Mula-mula ia dibina pada pengetahuan sayalah lebih daripada RM60 juta itu adalah satu, di mana wang itu diagihkan untuk satu pameran *Art and Culture*. Hingga hari ini 'Art' pun tidak ada 'Culture' pun tidak ada! Adakah orang Perak ini tidak ada *culture*? Kenapa bila wang yang diagihkan ini bukan diguna pakai untuk yang ditentukan tetapi Tuan Pengerusi, 'white elephant'!

Seorang Ahli: Setiausaha Parlimen pun jadi berang.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bila jadi 'white elephant', tidak ada pejabat dan ruangan tempat tersebut maka mereka cari jalan paksa *bus station* diubah ke Medan Gopeng, Silver Heritage, sekarang bukan Silver Heritage sekarang 'Silver Nonsense' yang jadi di sana. Di antaranya bila diubah sekarang semua bas yang masuk ke sana bila mereka dipelawa untuk dari Medan Kidd ke Medan Gopeng lebih kurang tujuh kilometer atau lima kilometer mereka dipelawa dengan bermacam-macam *promises*, di antaranya ini tempat ada *air-cond*, tetapi bukan sebaik *bus station* di Melaka. Dia cakap yang ini unik betul-betul dekat dengan *tol station* dan sebagainya.

Selepas mereka pindah ke sini guna pakai Silver Heritage atau 'Silver Nonsense' tadi, sekarang apa sudah jadi? Semua bas yang masuk ke sini terpaksa bayar RM6 setiap bas yang masuk sekali, ada *passenger* atau tak ada *passenger* tidak kisah. Ini menyusahkan pemilik-pemilik bas dan juga ruangan pejabat di sana.

Sekarang juga sudah dinaikkan *rental* dia dan juga sekarang bila pemindahan dari Medan Kidd ke Medan Gopeng. Permulaannya kerajaan negeri termasuk Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa ini senang orang-orang Ipoh boleh *park* kereta dia di sana

ambil bas pergi ke Ipoh, *no problem!* Ambil bas hanya RM11. Sekarang lepas satu setengah tahun bila orang pergi *park* di sana dia kena bayar *parking charges*. Sekarang *parking charges* RM15 satu hari dan hanya tambang RM11, mana masuk akal? Kenapa tipu mereka? Kenapa cakap satu, buat lain? Apa sudah jadi!

Akhir sekali mengenai wang-wang yang diagihkan, kita tahu lebih dari setengah bilion telah diagihkan. Bukankah betul bahawa semua projek PKNP yang mereka jalankan tidak membawa keuntungan, antaranya adalah pembinaan pejabat dekat Tol Jelapang. Lagi satu '*white elephant*' sukses oleh kementerian di mana wang berjuta-juta ringgit diagihkan untuk pembinaan projek itu, tetapi tidak diguna pakai langsung tiga tahun. Saya di fahamkan kontraktor-kontraktor juga tidak dibayar, apa sudah jadi kepada pejabat tersebut?

Banyak lagi pejabat-pejabat yang di, wang yang diagihkan oleh kementerian, pejabat-pejabat di Ipoh tidak diguna pakai. Dia buat pejabat macam sudah tahu tidak akan digunakan.

Kenapa seperti yang kita semua tahu di *audit report* juga tidak ada apa-apa pembentangan akaun-akaun mereka. Penyelewengan sudah jadi tidak ada akauntabiliti, kenapa pula lagi diberi kewangan oleh kementerian? Kenapa kita perlu memberi menolong sesuatu syarikat yang sudah ada kelemahan-kelemahan tertentu? Kita sudah kenal pasti kita tahu kerana tiap-tiap tahun dalam 10 tahun ini tidak ada akaun-akaun langsung dibentangkan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kenapa ini? Adakah kementerian bukan sahaja tahu ini semua mesti diketahui. Kenapa satu keputusan dibuat untuk mengagihkan wang kepada mereka? Kenapa pegawai-pegawai itu memberi sokongan untuk mengagihkan wang ini? Adakah kerajaan akan mengambil tindakan terhadap pegawai-pegawai yang memberi syor bahawa wang perlu diagihkan?

Akhir sekali ini MRSM saya nak tanya sedikit sahaja. Saya dah dapat aduan di mana sekolah-sekolah MRSM yang terdekat kepada rumah mereka, kenapa murid-murid tidak dihantar ke tempat tersebut. Macam saya ada satu aduan sekarang dia duduk di Selangor yang terdekat adalah di Kuala Kubu Baru, tetapi dia telah dihantar ke Sabah, Sarawak. Walhal ada kekosongan di sekolah ini, kenapa keutamaan tidak diberi? Kenapa menyusahkan ibu bapa bila sekolah bercuti mereka perlu pergi ambil anak-anak mereka. Sila ada sedikit *human understanding*. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab.

12.48 tgh.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang

telah mengambil bahagian. Saya kira 22 orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2008 di peringkat Jawatankuasa.

Setelah mendengar, meneliti pandangan dan pendapat Yang Berhormat banyak isu-isu yang dikemukakan. Saya kira hampir 10 isu-isu besar terutama isu-isu yang berkaitan dengan TEKUN, Giat MARA, pembinaan bangunan, perniagaan, kompleks perniagaan, pengangkutan dan lain-lain.

■1250

Bagi menjawab atau respons kepada permasalahan atau yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, kenapa pelajar-pelajar bukan bumiputera ditempatkan di MRSM seluruh negara dan bukan di lima buah MRSM seperti yang dijanjikan. Kepada Yang Berhormat, ingin saya tegaskan bahawa kanak-kanak yang masuk MRSM berumur 12 tahun. Ini adalah permintaan ibu bapa itu sendiri supaya anaknya ditempatkan berdekatan dengan rumahnya atau negerinya supaya dia dapat berulang alik dan mengelak daripada *homesick*. Itu jawapan atau permintaan daripada ibu bapa sendiri.

Kedua, persoalan yang dikemukakan, kenapa ramai pelajar bukan bumiputera yang berhenti atau *drop-out*. Pertama, Yang Berhormat, bila dia masuk dalam, dia mungkin ada *culture shock*, mungkin dia terlibat dengan kumpulan-kumpulan yang tidak sesuai dengan dirinya sendiri dan keadaan hidup secara berkelompok dan berkongsi bilik, berkongsi tandas, mungkin orang Tionghoa biasa hidup lebih selesa, dia pergi asrama berkongsi dia tidak sesuai. Maka itulah di antara sebab dan dia mahu *privacy* dan sebagainya. Itulah di antaranya terdapat *drop-out* dan dia juga memerlukan tuisyen, kemudahan, belaian dan lain-lain.

Kita sememangnya mengadakan program-program untuk membantu pelajar bukan bumiputera ini untuk menyesuaikan diri. Maksudnya kita adakan program suai kenal, kaunselor, aktiviti penyesuaian yang berterusan dan kita lihat hasil...

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ayer Hitam bangun.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Ya.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rasa apa yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin mewakili sebahagian kecil pandangan pelajar-pelajar. Saya tidak yakin yang memohon ini adalah orang yang memerlukan belaian semasa bersekolah, yang pertama.

Kedua, saya rasa sayalah orang yang pertama mulakan inisiatif dengan MARA, tetapi kenapa berlakunya tahun pertama, kedua begitu baik sekali. Sambutan baik, para menteri turun ke padang galakkan, ramai yang pergi – tahun pertama 320 kerana dalam lima tempat itu. Saya hendak tanya Yang Berhormat, yang dikatakan ada ibu bapa yang meminta supaya anak dia ditempatkan dekat dengan rumah kediaman itu, saya rasa itu mungkin satu, dua kes yang

berlaku. Kalau kes itu kita bagi pertimbangan khas. Itu pilihan mereka. Kenapa tidak keputusan awal dahulu pada lima MRSM dikekalkan?

Saya memang sampai sekarang tidak dapat jawapan. Orang tanya saya, betul ke MRSM tidak boleh tukar polisinya? Saya tidak tahu. Kalau masih lagi menurut apa yang telah dijawab, saya yakin ini akan gagal dan tidak akan ada orang hendak masuk.

Keduanya apa yang dikatakan orientasi itu, saya rasa kalau seorang dua, dia nampak kesunyian dan kita kalau hendak tengok mereka bergaul dengan baik, kalau ada 20 orang, mereka tidak rasa kesunyian, senang untuk menyesuaikan diri dan bergaul dengan kaum-kaum yang lain. Saya rasa ini adalah satu keuntungan, kelebihan kepada negara. Kenapa pula MRSM tidak melihat perkara ini? Terima kasih.

12.54 tgh.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Yang Berhormat. Mungkin Yang Berhormat mengatakan bahawa itu segelintir dan saya juga merasakan itu segelintir yang memberi maklumat kepada Yang Berhormat dan tidak keseluruhan kerana ini saya bercakap kerana berasaskan sambutan yang diberi dari tahun ke tahun, dia memberi sambutan.

Saya bagi jaminan di sini bahawa dari tahun 2003, penempatan pelajar bukan bumiputera ialah 149, tahun 2004 meningkat 173, itu Tingkatan 1. Tahun 2005 meningkat 213, 2006 meningkat 210 di mana mengatakan bahawa pelajar semakin hari semakin berkurang dan 2007 ia berkurang. Kita tidak tahu mengapa berkurang setelah grafnya naik dengan begitu tinggi. Bagi Tingkatan 4, tahun 2003 penempatan pelajar kita ialah 370, bagi tahun 2004 – 273, 2005 meningkat semula – 412 dan 2006 ia turun 311.

Jadi walau bagaimanapun, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, saya percaya isu-isu yang dibangkit kadang-kadang *dipoliticizekan*. Sebenarnya kita memang apabila diminta 10%, kita kira 10%lah dan penempatan seperti mana Yang Berhormat ingin suarakan, kita akan kaji balik mengapa berlaku ataupun benarkah apa yang saya katakan tadi.

Yang Berhormat bagi Ayer Hitam juga ingin membangkitkan kepada program promosi dan pemasaran. Masalah promosi dan pemasaran, tujuan kita ialah untuk memasarkan produk dan perkhidmatan usahawan bumiputera sama ada dalam dan luar negara. Peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan sejumlah RM50 juta telah kita peruntukkan atau sebanyak RM10 juta bagi setiap tahun. Peruntukan bagi tahun 2006 dan 2007 telah habis kita belanjakan.

Di peringkat antarabangsa, promosi dan pemasaran yang telah kita laksanakan adalah seperti berikut:

- (i) Pameran Perdagangan Antarabangsa, itu peringkat antarabangsa;
- (ii) Pameran Perdagangan Peringkat Domestik; *showcase* satu daerah satu industri;

- (iii) Gerakan Usahawan Nasional;
- (iv) promosi pengiklanan bersama media’;
- (v) Program Pembangunan Usahawan, Pemasaran dan Ejen Pemasaran Luar Negara (HALMAT);
- (vi) pasaran pengumpulan dan pemasaran produk usahawan; dan
- (vii) Program *product champion* atau..

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Minta penjelasan, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tidak tahu pegawai yang mencatat ucapan saya itu tepat atau tidak. Apa yang saya minta, saya sedar bahawa laporan itu sudah jelas apakah program untuk bumiputera. Apa yang saya tanya ialah setelah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengesyorkan agar *Genuine Partnership Initiative* (GPI) antara kaum ini atas nama pembangunan usahawan, apakah rancangan atau program yang ada yang boleh diceburi oleh semua kaum dan sejauh manakah kejayaan sampai sekarang?

Itu saya rasa secara jitu saya sudah sampaikan tetapi mungkin apa yang dapat ditangkap itu berlainan daripada apa yang saya minta. Terima kasih.

Dato’ Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kalau Yang Berhormat mengatakan *Genuine Partnership Initiative* itu, sememangnya kementerian menjalankan. Umpamanya, kita buat program peruncitan. Bila kita hendak buat peruncitan, melahirkan usahawan-usahawan kecilan, kita pergi kepada *core business* bukan Melayu, umpamanya dia buat *De Wella*, saya pernah cakapkan. *Wella* membuat gunting rambut dan sebagainya. Ini bukan usahawan Melayu atau bumiputera. Itu bukan bumiputera dan kita bekerjasama dengan dia. Dia memberi latihan, dia memberi kursus dan dia lahirkan peruncitan kita.

Begitu juga kita cakap bidang automobil, telekom dan lain-lain dan kita gunakan *core business*. Biasanya *business* besar hendak melahirkan peruncitan, dia ialah orang bukan bumiputera. Setakat ini kita dapat kerjasama yang baik dengan bumiputera bagi melahirkan *smart partnership* bersama-sama dengan bumiputera. Saya sudah lari, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lari ke mana? *[Ketawa]*

12.57 tgh.

Dato’ Khamsiyah binti Yeop: Jadi balik kepada produk-produk promosi yang kita jalankan setelah saya sebutkan beberapa program, kita melihat juga di sini setelah kita adakan Gerak Usahawan, SJSI, *showcase* dan beberapa program dan macam-macam lagi kita buat dari semasa ke semasa dan impak sepanjang kita adakan penganjuran dari tahun 2000 sehingga 2007, kita dapati 16,911 usahawan baru dan 5,847,785 jualan secara kontrak dan bilangan pemamernya ialah 1,378. Itu adalah yang kita buat Gerak Usahawan dari setahun ke setahun di peringkat nasional dan di peringkat negeri.

Begitu juga melalui promosi pengiklanan bersama media, kita dapat membantu usahawan bumiputera mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka menerusi media cetak seperti akhbar, direktori dan majalah yang diterbitkan oleh tujuh agensi media yang terlibat seperti berikut:

- (i) Utusan Media Sales;
- (ii) Karang kraf;
- (iii) Berita Publishing;
- (iv) NSTP;
- (v) Alaf Semenanjung;
- (vi) Pustaka Wira; dan
- (vii) *Yellow Pages*.

Sebanyak 120 usahawan yang telah mengiklankan produk dan perkhidmatan mereka di majalah, akhbar dan juga direktori. Selain itu ia juga bertujuan mewujudkan kesedaran pengguna terhadap kewujudan produk tempatan yang dihasilkan oleh usahawan bumiputera.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup. Jawapan Yang Berhormat boleh disambung semula selepas rehat tengah hari.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan Mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yaacob] ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yaacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sila menyambung penggulungan.

2.30 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya menyambung semula penggulangan Rang Undang-undang Perbekalan di peringkat Jawatankuasa.

Yang Berhormat Tebrau, dan Yang Berhormat Lipis telah membangkitkan berkaitan dengan pengurusan projek dan pembekuan pendaftaran lesen kontraktor Kelas 'F'. Bagi isu berkaitan projek terbengkalai, agensi pelaksanaan dikehendaki menyemak dengan PKK bagi memastikan status pendaftaran dan profil kontraktor sebelum memberi projek, manakala kontraktor Kelas 'F' adalah diwajibkan mengikuti kursus sebelum membaharui pendaftaran. PKK sedang bekerja sama dengan pelbagai pihak seperti JKR, IKRAM, dan CIDB bagi menganjurkan kursus pengurusan projek.

Jemaah Menteri dalam mesyuarat pada 8 April 2005 telah membekukan pendaftaran Kelas 'F' disebabkan bilangan terlalu ramai iaitu sebanyak 35,500 pada April 2005. Kerajaan masih belum bercadang untuk membuka pendaftaran Kelas 'F' dan program sedang giat dilaksanakan bagi memantapkan Kelas-kelas 'F' yang ada.

Pengangkutan, berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jasin bagi perkhidmatan bas di laluan Merlimau, Jasin dan FELDA Tun Ghafar tindakan akan diambil segera sama ada melalui Bas Mara Liner atau syarikat-syarikat lain.

Bagi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tebrau mengenai perkhidmatan pengangkutan awam yang lengkap di Johor Bahru, MACD sentiasa bekerjasama dan mendapat pandangan dari Majlis Bandaran Johor Bahru dalam menentukan laluan dan bilangan bas yang dibenarkan masuk ke bandar bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas, dan memastikan perkhidmatan bas ada di laluan-laluan sosial supaya golongan miskin turut mendapat kemudahan.

Isu Yang Berhormat Kelana Jaya juga berhubung masalah meletakkan bas sekolah di kawasan bandar, LPKP telah mensyaratkan kelulusan PBT sebelum lesen diluluskan.

IKM, berhubung dengan IKM yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam dan Larut, untuk maklumat Yang Berhormat Ayer Hitam kursus yang kita laksanakan di IKM dan KKTM adalah mengikut keperluan negara dan industri semasa. Kementerian ini sentiasa merujuk kepada tenaga-tenaga pakar, MITI KSN, EPU sebelum satu kursus diperkenalkan. Tentang isu peralatan IKM, pihak MARA sentiasa memastikan peralatan yang dibeli adalah kesesuaian dengan modul kursus yang dilaksanakan. Proses pelupusan dan penggantian barang sentiasa dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Tentang isu IKM Selama, pihak kementerian telah pun melantik semua perunding-perunding dan kontraktor bagi projek tersebut. Reka bentuk bangunan dijangka diserahkan kepada kementerian pada Disember 2007 dan penyerahan tapak projek pada kontraktor dijangka pada Januari 2008.

Bagi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Krau, Rantau Panjang, Ketereh, Kuala Pilah dan Ipoh Barat, berkaitan dengan MRSM. Kriteria pembinaan MRSM adalah seperti berikut, agihan bilangan bagi setiap negeri, pelan induk pembangunan daerah dan negeri yang disediakan oleh pihak berkuasa berkenaan, kesesuaian tapak berasaskan infrastruktur dan lain-lain kemudahan asas.

Bagi pembinaan MRSM di Kuala Pilah kementerian mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Pilah atas cadangan ini. Kami membuat kajian kemungkinan serta menimbang dalam permohonan Kajian Semula Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: *[Bangun]*

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Permintaan pembinaan, Yang Berhormat Rantau Panjang MRSM Pasir Mas ke Tanah Merah kerana telah wujud Kolej Kemahiran MARA. Rantau Panjang ada?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Krai bangun.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Tuan Pengerusi, timbalan menteri, saya minta penjelasan mengenai dengan tadi MRSM, tapi bagaimana mengenai dengan Giat Mara yang telah pun tapak, persediaan pun ada bertahun dah di Kuala Krai ini masih belum dilaksanakan. Apakah benda ini dimansuhkan ataupun bagaimana? Setahu saya sudah dua tahun tapak ada, peruntukan pun ada di Kuala Krai. Terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Giat Mara, sekarang saya sedang berbincang masalah MRSM. Pemindahan juga bertujuan untuk mengimbangi pembangunan di kedua-dua kawasan berkenaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Rantau Panjang, hendak bagi jalan?

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Rantau Panjang ini buat tuduh ini, buat tuduhan melulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan kah tidak?

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Bagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Rantau Panjang sila.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih. Jawapan Timbalan Menteri mengatakan Rantau Panjang telah ada IKM sebab itu di antara salah satu punca yang menyebabkan perancangan MRSM di Pasir Mas itu dipindah ke Tanah Merah. Adakah Yang Berhormat tahu sebelum daripada pengecaman tanah, sebelum pihak jawatankuasa tanah Jajahan Pasir Mas meluluskan permohonan tanah itu, pihak MARA telah pun mengetahui IKM telah ada di Rantau Panjang. Tapi waktu itu MARA minta tanah di Jajahan Pasir Mas, jadi kalau alasan itulah dikatakan menunjukkan MARA ini tidak berhati-hati sewaktu merancang, memilih tempat itu Yang Berhormat. Apakah pandangan Yang Berhormat sebenarnya?

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat, kerana MARA berhati-hatilah maka kita tidak buat dua kolej di satu tempat. Kerana di Pasir Mas kita sudah ada Kolej Kemahiran MARA. Kenapa kita perlu wujud lagi MRSM di tempat yang sama?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Sekejap-sekejap, saya hendak memperbetulkan. Maksud saya sewaktu permulaan memohon tanah di Jajahan Pasir Mas itu sewaktu ini IKM telah ada. Kenapa dia buat permohonan waktu itu? Kalau sudah cermat sepatutnya tidak minta pun, menyusahkan jawatankuasa tanah Jajahan Pasir Mas meluluskan tempat demikian. Sepatutnya MARA tidak minta pada awal lagi kalau perancangan yang baik, tapi menunjukkan bahawasanya pada waktu itu walaupun IKM telah ada tetapi pihak MARA mahu juga wujudkan MRSM di Pasir Mas. Oleh kerana tekanan daripada orang lain menyebabkan perkara itu dipindah dari Pasir Mas ke Tanah Merah, itu yang sebenarnya.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat yang penting bangunan ada di kawasan Yang Berhormat.

Pembinaan MRSM Temerloh di Kuala Krau, kementerian akan menimbangkan pembinaan MRSM Temerloh di Kuala Krau, jika diberi tawaran tapak yang sesuai di kawasan tersebut.

Berkaitan dengan penempatan pelajar, MARA berusaha untuk menempatkan pelajar di MRSM yang berhampiran dengan tempat tinggal pelajar.

■1440

Walau bagaimanapun, tempat sesebuah MRSM adalah terhad dan jumlah permohonan untuk sebuah MRSM kadangkala terlalu ramai menyebabkan sebahagian pelajar ditempatkan di MRSM yang jauh. Contoh bagi negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan, hanya ada sebuah MRSM sahaja iaitu MRSM Kuala Kubu Bharu. Pelajar yang ditempatkan jauh biasanya ialah di kalangan mereka yang mendapat tawaran kedua di mana MRSM berdekatan telah pun penuh diisi.

Seramai lapan Ahli Yang Berhormat telah menyentuh berkaitan dengan TEKUN, iaitu Ahli Yang Berhormat dari Tangga Batu, Santubong, Rantau Panjang, Kuala Krau, Pendang, Ampang, Sabak Bernam dan Sepanggar. Yang Berhormat telah membangkitkan isu mengenai program TEKUN.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Tangga Batu, sejak TEKUN beroperasi pada tahun 1999 sehingga September 2007, sejumlah 136,800 pinjaman telah dikeluarkan dengan nilai RM750 juta. TEKUN dalam proses untuk meningkatkan sistem penyampaian dengan membangunkan Sistem Teknologi Maklumat yang baru, yang dijangkakan akan beroperasi pada awal tahun 2008. Sistem ini dijangka dapat mengatasi isu-isu birokrasi dan masalah staf. Pemohon boleh membuat permohonan bayaran dan semakan secara *on-line*. Langkah ini juga dapat memendekkan tempoh pemprosesan permohonan daripada 40 hari kepada 7 hingga 14 hari.

Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Santubong, TEKUN tidak pernah membuat semakan dengan C-CRIS atau CTOS dalam proses penilaian pinjaman. Sebaliknya TEKUN membuat semakan kredit dengan pihak MARA dan CGC sebagai rujukan, sama ada pemohon mempunyai pinjaman perniagaan dengan agensi-agensinya berkenaan.

Manakala isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, TEKUN memberi pinjaman kepada usahawan bumiputera yang layak, tanpa mengira fahaman politik. Untuk makluman, TEKUN tidak mempunyai rekod pinjaman mengikut fahaman politik. Kita tidak tulis Yang Berhormat, dalam borang itu PASKah, UMNOkah. Siapa layak mai minta, kita bagi Yang Berhormat. Sehingga September 2007, sejumlah 1,541 pinjaman bernilai RM8.84 juta telah kita keluarkan di Parlimen Rantau Panjang.

Sepatutnya Yang Berhormat, sudah kaya orang Rantau Panjang, dengan nilai yang begitu besar kita keluarkan. TEKUN mempunyai Jawatankuasa Penilai Pinjaman di peringkat negeri dan ibu pejabat sahaja. Jawatankuasa yang bertanggung jawab untuk menyemak permohonan pinjaman khususnya syarat pinjaman dan daya maju perniagaan. Buat masa ini keputusan kelulusan pinjaman hanya dibuat di ibu pejabat. Diharapkan maklumat ini dapat memberi penjelasan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Krau.

Untuk maklumat Yang Berhormat bagi Pendang, sehingga September 2007, TEKUN telah menyalurkan sejumlah 535 pinjaman bernilai RM2.6 juta di kawasan Parlimen Pendang. TEKUN beroperasi melalui pendapatan yang dijana sendiri oleh TEKUN. Oleh yang demikian, TEKUN berusaha untuk mengurangkan kos operasi dengan menumpang di pejabat-pejabat UMNO dan menyewa di bangunan MARA atau bangunan Majlis Daerah dan lain-lain, yang melibatkan kos sewaan yang rendah ataupun tidak perlu membayar sewa. Untuk maklumat Yang Berhormat bagi Ampang, artikel...

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Yang Berhormat...

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Ya.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tertarik TEKUN. Inilah kerja Barisan Nasional. Kerja yang cukup berjaya, usaha niaga, tetapi saya minta kalau boleh sebahagian amaun beri kuasa kepada negeri. Senang untuk memproses, kerana di Kelantan, didapati proses pungutan memakan masa berbulan-bulan, bukan satu bulan, berbulan-bulan.

Jadi untuk mempercepatkan ini, berilah sebahagiannya kelulusan itu, *power* duduk di negeri. Seberapa tidak, kalau boleh Ahli Parlimen jadi Pengerusi. Saya amanah, Insya-Allah boleh menyelesaikan perkara ini. Bagaimana? Yang kedua, minta sedikit Yang Berhormat, kementerian sediakan peruntukan kebajikan kerana hendak buat hari raya, terpaksa saya tanggung. Banyak ribu juga. Kalau dapat sediakan tabung kebajikan untuk TEKUN, negeri-negeri supaya boleh berkembang dengan maju. Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Pengerusi, saya pun membangkitkan kerenah birokrasi TEKUN sebentar tadi. Yang Berhormat Timbalan Menteri Tuan Pengerusi, telah menyebutkan beberapa pencapaian TEKUN. Cuma persoalannya, mungkin Yang Berhormat boleh cerita dekat kami. RM136,000,800 sejak TEKUN ditubuhkan, *how, enough, is that enough?* Maknanya angka itu, di mana kita hendak jadikan adanya *benchmark* RM136,000,800 sejak ia ditubuhkan? Adakah ia mencukupi ataupun masih lagi hendak diperbesarkan lagi angka itu? Tuan Pengerusi, terima kasih.

Dato' Khamisyah binti Yeop: Bagi menjawab pandangan daripada Pasir Puteh kita tidaklah berhasrat hendak menyerahkan kepada negeri dan kita pun telah dan sedang seperti saya maklumkan tadi, kita pun dalam proses untuk meningkatkan sistem penyampaian melalui IT. Jadi dalam IT tadi Yang Berhormat, tidak akan masa berbulan-bulan lagi. Memang kita tahu 40 hari memakan masa, tetapi setelah adanya sistem, kita akan kurangkan kepada 7 hari ataupun 14 hari.

Tadi Yang Berhormat bagi Tangga Batu juga mempersoalkan begitu banyak dibelanjakan dan apa *benchmark*. Sebenarnya Yang Berhormat, kita kalau hendak ikut, oleh sebab kementerian membuat banyak program keusahawanan, di akhir-akhir ini memang permintaannya begitu banyak. Permintaan yang banyak itulah, maka kita rasa kita pun tidak cukup. Kita mengharapkan supaya kita akan dapat tambahan peruntukan TEKUN dan kita juga minta supaya kalau boleh difikirkan untuk *service charge* dan sebagainya diberi pertimbangan atas permintaan kita. Terima kasih Yang Berhormat.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Ampang, artikel yang disiarkan di akhbar baru-baru ini, adalah merupakan Majlis Pelancaran Produk Baru Telefon Bimbit. TEKUN bekerjasama dengan CSL bagi mewujudkan peluang perniagaan berkonsepkan kios telefon bimbit kepada usahawan bumiputera. Selain menjual jenama CSL, kios ini turut menjual telefon bimbit jenama lain seperti yang ada di pasaran, *accessories* dan perkhidmatan lain yang berkaitan dengan telefon bimbit.

Selain daripada staf Cawangan Sabak Bernam, staf ibu pejabat akan membuat lawatan ke projek yang dijalankan dalam masa yang terdekat. Melalui cadangan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, TEKUN akan mengkaji bantuan yang boleh diberikan. Sebagai contoh, TEKUN akan menyediakan kemudahan pinjaman bertindih bagi memulihkan kembali projek-projek yang telah dijalankan. Staf TEKUN akan membuat lawatan ke premis...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang...

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Tadi saya membangkitkan, selain daripada beberapa jumlah pinjaman yang dikeluarkan, saya tanya berapa banyak

peminjam-peminjam yang tidak bayar hutang TEKUN di seluruh Malaysia ini khususnya di negeri Kelantan? Belum dijawab lagi tadi.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat, bagi saya tempoh. Selain itu, TEKUN akan mengenal pasti usahawan-usahawan terlibat untuk mengikuti kursus-kursus yang dianjurkan bersama dengan INSKEN iaitu Institut Latihan Keusahawanan. Antara kursus-kursus yang kita jalankan, adalah kursus motivasi, pengurusan perniagaan, kewangan, pemasaran, peruncitan, pembungkusan, pelabelan, penjenamaan dan lain-lain.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Timbalan Menteri. Saya hendak khusus kepada TEKUN ini, yang saya sangat jelas dapat membantu membangunkan usahawan bumiputera khususnya di luar bandar. Bagi saya kalau hendak tambah peruntukan ini, saya ingat kepada kementerian ini, TEKUN salah satu daripadanya yang harus dilipatgandakan. Walau bagaimanapun saya setuju ada soalan kegagalan, tetapi kalau di Sabak Bernam pun tidak banyak. Hanya saya hendak penegasan tadi, tentang pinjaman bertindih itu. Sebab di Sabak Bernam kita dapati, atas sebab-sebab di luar keupayaan usahawan itu, maka dia gagal.

Jadi saya minta kalau boleh, maknanya pegawai TEKUN ini diberi, maknanya budi bicara atau kuasa untuk membenarkan pinjaman yang bertindih tadi atau pinjaman tambahan itu disegerakan. Kerana sering kali satu bulan itu lama Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi yang bertindih ini yang perlu ditambah ini, kalau boleh dalam tempoh satu minggu atau dua minggu diluluskan kerana kepentingannya. Apa pandangan daripada Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Yang Berhormat. Sememangnya itu satu cadangan yang baik. Sememangnya kita tidak mahu usahawan yang bangun, kita hendak kalau boleh dia bangun dan terus bangun dan dengan pandangan Yang Berhormat, Insya-Allah kita akan hantar pegawai melihat. Kalaupun ia bertindih, dan memerlukan lagi pinjaman tambahan akan kita cuba usahakan untuk mempercepatkan apa kehendak Yang Berhormat tadi, tetapi syaratnya usahawan itu mestilah dilihat berdaya maju. Giat MARA. Yang Berhormat Larut, kita dah jawab dah. Kontraktor dah ada dah.

■1450

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Giat MARA mana? Institut?

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Institut Kemahiran MARA.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ha, Institut Tinggi Kemahiran MARA inilah? Dua-dua ada ini Yang Berhormat? Okey, terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Ya. Seramai lima Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu berhubung dengan Giat MARA. Yang Berhormat bagi Sepanggar, Tenom, Jasin, Kuala Krau, Kuala Krai.

Pusat Giat MARA Kuala Krau, Pahang - urusan pembelian tanah masih dalam tindakan MARA dan juru ukur telah dilantik bagi kerja-kerja pengukuran tanah. Jadi, bila kita cakap macam ini dah tentulah Kuala Krau, ia akan kita dapat. Pusat Giat MARA Kuala Krai Kelantan. Tapak yang dicadangkan tidak sesuai kerana keluasan kurang dari lima ekar. Tapak baru sedang kita cari dan Pusat Giat MARA Merlimau Melaka pula, Pusat Giat MARA Merlimau menggunakan tapak bekas Balai Polis Merlimau. Tapak berkenaan masih milik PDRM dan Pusat Giat MARA Merlimau menggunakan secara ihsan dari PDRM melalui MoU. Pusat Giat MARA Pendang, Kedah - pusat ini sentiasa berusaha memantapkan kursus-kursus yang sedia ada di samping memperkenalkan beberapa kursus baru. Kursus baru yang kita kenalkan ialah *Multimedia Design and Production, Pastry and Bakery*, Membaiki Motosikal Berkuasa Tinggi, *Graphic Design and Advertising Animasi*. Ha, itu yang kita jalankan. Tiap-tiap..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, boleh saya tanya sikit Yang Berhormat pasal Pusat Giat MARA? Terima kasihlah. Tadi Yang Berhormat jawab yang saya punya itu nampak akan berlakulah, Kolej Tinggi Kemahiran MARA ini di Selama. Insya-Allah. Boleh tak Yang Berhormat, kita selalu terlalu merendahkan diri sangat seolah-olah Pusat Giat MARA ini untuk mereka yang tercicir, yang tak boleh pergi jauh dan ke mana-mana dah. Boleh tidak kita naikkan imej Pusat Giat MARA ini? Bangunan sendiri, kemudahan sendiri, cari tapak sendiri. Barulah menarik, memberi suatu motivasi yang baik kepada pelajar-pelajar. Kadang-kadang pelajar tengok tempat ini pun 'laih' dah. Puchong tahu tak 'laih', Puchong? 'Laih' ini maknanya ibarat kata 'hidup segan, mati tak mahu, kubur kata mari, rumah kata pergi'. Imej, kita mahu imej. Kalau imej ini tidak menampakkan kesungguhan MARA untuk membantu peserta-peserta, sampai bila pun dok macam itulah Yang Berhormat. Boleh tak Yang Berhormat, mintak dengan MARA ini, Majlis Amanah Rakyat. Bukan baru wujud Yang Berhormat, saya ingat sewaktu saya tatih lagi, dok meniarap dah tahu dah MARA ini Tuan Pengerusi. Tolonglah, naikkan imej. Jadikan Pusat Giat MARA ini satu simbolik, satu simbol kemegahan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukuplah tu Yang Berhormat. Dia faham dah.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya tak mahu nanti terlebih pula, payah. Minta tolong Yang Berhormat. Kita lakukan sesuatu yang benar-benar boleh membantu anak bangsa rakyat Malaysia. Pedulilah orang lain nak kata, katalah. Kita buat Yang Berhormat. Mintalah MARA lakukan sesuatu. Terima kasih.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya nak sambung apa Yang Berhormat Larut sebut. Memang projek Pusat Giat MARA ini cukup baik. Apa kata kalau kita perluas di seluruh negara. Adakah rancangan MARA atau

kementerian untuk setiap kawasan Parlimen dibina Pusat Giat MARA termasuk di Kuala Selangor. Apa rancangan di Parlimen Kuala Selangor? Terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat, sebenarnya itulah hasrat kita dan ia masuk dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Satu Parlimen satu Giat MARA. Jadi, saya jawab ini dulu kerana yang dibangkitkan oleh Larut ini saya rasa agak ketinggalan... *[Ketawa]* Kalau Larut mengikuti perkembangan, apa yang kita buat, maaflah Yang Berhormat. Sekarang ini Giat MARA bila kita buat satu-satu di tempat itu, kita mengikut keperluan semasa dan selain daripada itu kalau kita buat, kita ada program *conversion*. Katalah program *conversion on mechanic*. Mekanik kita ajar macam mana nak buat...

Dato' Raja Yang Berhormat Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat tak faham. Maksud saya bukan masalah kursus. Saya tak nafikan kursus, Bangunan Yang Berhormat.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Ya, saya faham. Sebab itu kita dalam proses..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kalau kita boleh ada satu banglo, orang tengok segan. Ya, imej. Kita kalau naik *Ferrari*, kalau kita memandu *Ferrari*, kita bawa, oh cukup hebat tapi kalau kita dengan skuter, ada duit pun, tak ke mana. Imej.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, faham dah tu Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Itu yang saya maksud tadi. Pasal Yang Berhormat kata tadi saya tak faham. Saya memang faham, kalau saya tak faham saya tak bertanya Yang Berhormat. Minta maaflah Yang Berhormat. Saya minta supaya, seolah-olah MARA. Bukan-bukan, ini kita nak membantu. Seolah-olah setiap bangunan yang MARA buat, minta maaf. Buka hari ini, esok? Maaf cakaplah, tak ke mana-mana. Saya tak nak beri contoh di mana-mana. Jadi saya nak supaya gambaran bahawa imej MARA itu adalah mempunyai imej rakyat kita. Tentang kursus Yang Berhormat sebut tadi, saya tak nafikan. Itu mengikut kesesuaian tempat, Alhamdulillah, kita ucap terima kasih. Saya tak nak katakan Pusat Giat MARA ini di Lenggong, tumpang sebuah di sebuah bangunan tang mana-mana kita tak tahu, tumpang. Yang orang nak cari, orang Lenggong nak cari pun payah. Kadang-kadanglah. Itu maksud saya Yang Berhormat, jangan salah anggap. Maksud saya tadi macam mana nak naikkan imej MARA itu menggambarkan inilah bagaimana nak membantu. Tak lah orang kata kita tak ada *world class*, itu *world class* lah. Yang hak depa dok kata bukan *world class* itu depa punya hal lah. Kita buat macam mana pun depa tak akan terima. Itu maksud saya Yang Berhormat, terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat, sebenarnya Lenggong akan menaik taraf. Kita dah dapat peruntukan dan melantik kontraktor. Sebab itulah kita tidak boleh membuat sekali harung macam itu untuk meningkatkan taraf Pusat Giat MARA dan terima kasih pandangan Yang Berhormat, kita akan ambil perhatian dan kita akan memangnya akan menaik taraf dari semasa ke semasa dan mencari peruntukan untuk tujuan tersebut. Pusat Giat MARA

Keningau- Pusat Giat MARA Keningau telah pun beroperasi di tapak baru milik MARA seluas lima ekar di mana dua unit bengkel telah pun siap dan blok pentadbiran dijangka siap di akhir tahun ini.

Yang Berhormat bagi Lipis membangkitkan pasal UniKL. Kenapa *German Malaysian Institute* tidak terletak di bawah UniKL. Sebab GMI atau *German Malaysian Institute* ditubuhkan di bawah Akta *Company Limited* dengan kerjasama kerajaan Malaysia dan Jerman. Sebab itu ia tidak diletak di bawah UniKL.

Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kuala Langat Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Pusat Giat MARA tadi. Di Kuala Langat, Giat MARA menumpang balai polis lama di tepi sungai. Sekarang sungai itu dah dihakis, saya takut nanti ketua dia terapung-apung dalam sungai pada waktu malam. Jadi, apa yang saya cadangkan ialah kita ada tanah untuk buat Institut Kemahiran MARA yang tinggi itu dan boleh tak kalau misalnya Institut Kemahiran MARA itu dibuat, kita tumpangkan Giat MARA itu sekali supaya apabila ada *bridging program* daripada *certificate* kepada diploma, mereka akan terus dalam kampus yang sama. Terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Yang Berhormat, satu pandangan yang baik. Kalau boleh Yang Berhormat majukanlah cadangan itu kepada pihak MARA. Terima kasih.

Peningkatan imej Arked Kuala Pilah dengan anggaran kos RM2 juta. Kenapa buat ubah suai tidak bina bangunan MARA yang baru di tapak lain. Ini pandangan daripada Yang Berhormat bagi Kuala Pilah. Projek ini telah dibina pada tahun 1972. Pembaikan besar perlu dilakukan kerana tidak ekonomik untuk diselenggarakan, keperluan mendesak dan mengikut spesifikasi PBT. Kerja-kerja yang terlibat ialah sistem pembedungan..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, boleh saya sentuh sikit Yang Berhormat? Ini penting. Arked MARA atau bangunan MARA ini Yang Berhormat, yang disewakan saya nak cadang sini mereka yang dah mampu Yang Berhormat, sewa itu bagi terus Yang Berhormat. Sebagai satu insentif. Hak yang penyewa-penyewa ini yang dah berjaya ini Yang Berhormat, ke atas bangunan MARA ini dibagi terus kepada mereka sebagai satu hadiah ataupun satu insentif menggalakkan mereka untuk terus berjaya. Boleh tak Yang Berhormat saya nak cadangkan di sini selepas mereka berjaya, sewa-sewa itu dihapuskan, diberikan sebagai satu insentif kepada mereka, bangunan-bangunan milik MARA ini. Boleh atau tidak?

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat, saya rasa tak boleh. Pertama, kita ada *exit policy*, kepada

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Makna ini Yang Berhormat tak nak membantu wanitalah? Terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Nantilah. *[Ketawa]* Nantilah saya nak terang. Kita nak membantu kerana ramai lagi usahawan di luar sana memerlukan bangunan. Jadi ada baiknya yang dah berjaya, dia tak boleh lah duduk situ. Dia cari tempat lain sebab dia dah berjaya. Jadi kita boleh membantu kerajaan dan membantu usahawan lain.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tak Yang Berhormat, saya sambung permintaan wanita UMNO di Perhimpunan Agung hari itu, itu saja. Dia orang wanita yang minta, itu saja Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat kata tak boleh, tak apalah.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Ini bukan soal wanita Yang Berhormat, ini dari segi masalah dasar.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Pengerusi, saya tak mendengar permohonan Wanita UMNO masa *convention* tapi saya melihat secara logiknya. Agensi kerajaan sepatutnya mengubah perundangan dan dasar.

■ 1500

Saya mengetahui bahawa ada dasar dalam MARA mengatakan harta benda ini tidak boleh dijual, tak boleh dipindah dan sebagainya. Sepatutnya ini perubahan kita kena buat. Kalau kita hendak mempertingkatkan *holding* bumiputera dengan izin, dalam dasar ekonomi baru, tiap-tiap agensi kerajaan berkemampuan mesti *contribute*, mesti memberi bantuan sedikit sebanyak kerana Tuan Pengerusi, kalau kita lihat daripada segi kajian yang dibuat oleh pakar dalam soalan *holding* ini, di Amerika dan sebagainya, kita dapati orang yang memegang *holding* boleh memberi kepada peninggian harta kekayaan satu-satu kelompok.

Jadi kalau kelompok ini hanya sentiasa menyewa sahaja, tiada diberi peluang mempunyai harta itu, dan agensi kerajaan pula mempunyai satu dasar yang *conservative* tidak berubah dalam keadaan semasa, jadi dengan sendirinya kita tidak membantu Yang Berhormat. Jadi saya menyarankan menerusi Yang Berhormat membawa perkara ini kepada kerajaan, membawa kepada Kabinet membuat keputusan, ubahkan undang-undang, ini kita yang buat. Dalam keadaan sedemikian, jangan serah sahaja kepada satu badan yang dibuat oleh kerajaan untuk memberi harta benda kepada bumiputera untuk membantu supaya *holding*, *additional holding* untuk membantu yang 14.7% sahaja bumiputera *holding* individu ini. Jadi kalau kita boleh membuat sedemikian, tak kiralah bangunan MARA ini diserahkan kepada siapa sahaja. Peniaga yang berjaya. Lepas itu MARA buat lagi, buat lagi, jual lagi, buat lagi, jual lagi, buat lagi, jual lagi. Akhirnya kita akan menambahkan *holding* bumiputera dalam harta benda yang tetap ini. Terima kasih

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat ini dua pandangan lain. Saya agak setuju dengan pandangan Yang Berhormat Santubong. Kerana kalau dia mempunyai bangunan MARA ataupun premis MARA yang ada, dia dah berjaya, tapi kalau dia hendak beli, ini boleh dirundingkan untuk dia milik harta itu. Tapi bukan dia duduk situ daripada dia mula meniaga sampai dia dah kaya dia hendak duduk situ sebab kita hendak beri peluang kepada peniaga-

peniaga lain untuk mendapat premis dan kerana buat masa ini oleh sebab usahawan kita tumbuh bagai cendawan dan premis kita tak cukup, jadi kita terpaksa buat *exit policy*, tapi kalau untuk membeli mungkin kita boleh beri pertimbangan. Terima kasih Yang Berhormat atas pandangan dan kita akan cuba bincang untuk tujuan tersebut. Saya hendak balik kepada...

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Yang Berhormat, sikit sahaja Yang Berhormat. Untuk melandaskan cadangan ini Tuan Pengerusi, saya cadangkan juga kepada kementerian dan pelaksana di peringkat negeri-negeri dan daerah masing-masing, apabila merancang satu-satu arked, bangunan dan sebagainya, kita kena melihat dasar *strata title* iaitu *title* berasingan tiap-tiap lorong dan ruang yang kita akan beri. Supaya benda ini boleh dijual nanti. Terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Yang Berhormat atas pandangan. Bangunan MARA di Pendang, MARA tidak mempunyai bangunan premis perniagaan di Pekan Pendang. Pejabat MARA di daerah Pendang yang terletak di Arked Teratai adalah di sewa daripada Majlis Daerah. Projek MARA yang terletak di Daerah Pendang ialah bazar empat unit. Bazar ini akan dibangunkan semula dengan konsep baru. Mengandungi 10 unit ruang niaga dengan...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat boleh minta penjelasan lagi?

Dato' Khamsiyah binti Yeop:sebanyak...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya sebelum itu hendak mengalu-alukan Tuan Pengerusi dengan izin, pelajar-pelajar daripada Kolej Taylor yang ada *twinning* dengan University of Reading, dekat United Kingdom. [Tepuk]. Yang Berhormat saya hendak cadang ini, tak apa Yang Berhormat tak setuju di sini tak apalah. Saya tengok, bangunan-bangunan yang didirikan oleh MARA ini, yang dulu okeylah, kita kata dah lepas. Ini kita global. Tapak ini tidak strategik. Sebab itu tak begitu boleh dikembangkan perniagaannya. Saya ambil contoh ya. Di Ipoh, Medan Jaya. Kalau tidak ada buat persembahan hiburan, memang orang tak pergi. Sama ada gerai-gerai perniagaan ataupun restoran ataupun pejabat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, minta penjelasan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya minta penjelasan, boleh ke tidak MARA beri pengakuan hari ini pastikan tapak-tapak bangunan baru mestilah di tempat yang strategik yang benar-benar boleh melihat hendak menolong rakyat kita. Sama ada orang Melayu ataupun dari kalangan kaum yang mana sekali pun. Bolehkah Yang Berhormat beri satu jaminan?

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Ya, itu memanglah keputusan kita Yang Berhormat. Yang terkini. Kerana kalau Yang Berhormat, yang tidak maju dan sebagainya. Itu dibina 20 tahun dahulu selepas merdeka. Kalau kita tengok sekarang bila bangunan dah naik di tempat yang tertentu, jadi bangunan yang lama itu yang tinggal ke belakang tapi dalam strategik kita

baru ini, kita akan memilih tempat-tempat yang strategik sebagai mana Yang Berhormat sebutkan tadi. Memang itu adalah dalam perbincangan kita buat masa ini untuk MARA.

Bangunan MARA di Pendang, saya sudah sebut tadi, bazar ini akan dibangunkan semula dengan konsep baru mengandungi 10 unit ruang niaga dengan kos sebanyak 860,000. Status kini masih dalam menunggu kelulusan pelan daripada PBT. Perancangan MARA ke atas Plaza Alor Star Kedah, mulai tahun hadapan MARA akan melantik...

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Tuan Pengerusi...

Dato' Khamsiyah binti Yeop: ...pengurus bangunan, ya?

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Kuala Pilah tadi tak selesai lagi Tuan Pengerusi. Yang Berhormat.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Tak selesai?

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Timbalan Menteri tak habis lagi cerita dia.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Ya ke?

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Ya, Kuala Pilah.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Kuala Pilah peningkatan imej arked MARA.

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Ya, ya.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Projek ini telah dibina pada tahun 1972. pembaikan besar dilakukan kerana tidak ekonomik untuk diselenggarakan. Keperluan mendesak dan mengikut spesifikasi PBT, mengikut spesifikasi PBT bukan MARA ya, kerja-kerja yang terlibat ialah sistem pembedungan, *manhole*, pendawaian elektrik, ubah suai dalaman dan luaran termasuk penyusunan semula lot-lot perniagaan supaya lebih teratur dan kondusif dan menarik untuk ceriakan perniagaan di situ. Ubahsuai ini juga menambahkan bilangan lot perniagaan daripada 34 unit ke-44 unit. Jadi ada pembesaran di situ Yang Berhormat.

Alor Star. Mulai tahun hadapan MARA akan melantik pengurus bangunan swasta yang mengendalikan kompleks berkenaan, skop kerja yang akan diuruskan adalah pengurusan penyewaan termasuk penentuan tragedi pemilih penyewaan, kutipan sewa dan penguat kuasa. Promosi kawalan keselamatan dan khidmat. Jadi insya-Allah ia akan berjalan dengan baik dengan adanya pelantikan tersebut.

Projek Bizpark. Adakah tumpuan diberi kepada siswazah institusi pengajian tinggi sahaja? Projek Idubiz Park ataupun sekarang ini dikenali sebagai projek Persada Siswa adalah kompleks *incubator* yang menggabungkan ruang niaga di pelbagai IPT berkonsepkan *conversion academic to entrepreneur*. Ia menyediakan ruang latihan serta praktikal pada pelajar IPT yang berminat untuk menjadikan usahawan sebagai kerjaya pilihan. Ini Ampang bangkitkan.

Komponen projek Persada Siswa adalah meliputi ruang niaga, pusat komuniti ICT dan hab pengangkutan. Ruang niaga yang dibangunkan akan menjadi pusat penetasan dan latihan perniagaan. Penetasan ataupun *incubator*, latihan perniagaan kepada graduan melalui seliaan syarikat *anchor* ataupun mentor. Pusat komunikasi ICT, pusat ini ditubuhkan sebagai pusat

sumber maklumat perniagaan dan pengajaran aktiviti penganjuran, aktiviti keusahawanan setempat bagi menggalakkan penjana ekonomi setempat. Hab pengangkutan, Persada Siswa juga pusat hab pengangkutan dibangunkan bagi mewujudkan jaringan pengangkutan serta pusat pertemuan orang ramai. Dengan adanya hab pengangkutan ini, bukan sahaja pelajar IPT yang akan mengunjungi Persada Siswa, malah orang awam boleh juga mengunjungi Persada Siswa sebagai pusat kunjungan bagi pembelian barang-barang runcit di pelbagai ruang niaga yang disediakan. MARA pada waktu ini sedang menumpukan pelaksanaan dan pembangunan Persada Siswa di dua IPT dalam negara iaitu di UKM dan MMU. Projek pembinaan seterusnya dirancang untuk dilaksanakan pula di UTM dan UUM.

Kompleks perniagaan Astana Sarawak. Ini dibangkitkan oleh Santubong. Projek lambat siap kerana masalah kontraktor. MARA akan melantik pihak ketiga untuk menyiapkan membaiki kerosakan seperti kebocoran. Status semasa penyediaan dokumen, tender untuk melantik kontraktor, menyiapkan, membaiki dan sebagainya. Pejabat MARA negeri akan masuk untuk menentukan kejayaan ini.

■1510

Program Promosi Usahawan Kecil Sederhana ini dibangkitkan oleh Kuala Krau. MARA melantik melalui Bahagian Pembangunan Usahawan telah menyediakan program promosi dan pemasaran bagi usahawan kecil dan sederhana. Skop program adalah meliputi promosi pemasaran dalam negara dan luar negara. Promosi dalam negara adalah merangkumi aktiviti-aktiviti yang kita sebut selalu iaitu pelabelan, pembungkusan, penyelidikan dan pemasaran, promosi produk, ekspo perdagangan, pengiklanan dan lawatan perniagaan.

Kuala Krau juga membangkitkan masalah program promosi luar negara. Bagi program promosi luar negara pula aktiviti-aktivitinya merangkumi *market research*, ekspo, misi perdagangan, pengiklanan, *trading house*, program *in store promotion*, program lawatan *importer*. Program pembangunan produk MARA membantu dengan memberi geran promosi bagi usahawan yang terpilih dengan maksimum RM50,000 seorang usahawan.

Terdapat tiga Yang Berhormat yang menyentuh mengenai koperasi. Yang Berhormat Kelana Jaya, Yang Berhormat Rembau dan Pengkalan Chepa. Perkara yang disentuh adalah seperti berikut. Dalam senarai *International Cooperative Alliance* tidak ada koperasi Malaysia. Jawapan kepadanya ICA sebenarnya ada menyediakan dua senarai koperasi iaitu koperasi untuk negara maju dan koperasi negara membangun. Koperasi Malaysia adalah koperasi terbesar dan ia membangun sebanyak 15 buah koperasi daripada 150 buah koperasi yang tersenarai. Penglibatan koperasi dengan GLC untuk meningkatkan penglibatan koperasi dengan GLC kementerian mempunyai program pepadanan perniagaan (*business matching*) yang telah dilaksanakan sejak koperasi diletakkan di bawah MECD. Program usahawan di sekolah ditingkatkan lagi melalui penubuhan koperasi di sekolah menengah malahan kita galakkan di setiap sekolah menubuhkan koperasi.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Kelana Jaya. Hendak bagi jalan?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Yang Berhormat, saya ucap terima kasih di atas jawapan yang diberikan. Walaupun ada senarai untuk negara membangun apa yang saya tekankan ialah sebab di dalam laporan itu mengatakan bahawa koperasi yang terbesar bukan senarai khas untuk negara membangun. Itu yang pertama.

Yang kedua, tadi Yang Berhormat ada menyebut bahawa adanya *business matching* untuk koperasi dengan GLC. Bolehkah Yang Berhormat memberi satu dua contoh yang lebih konkrit menunjukkan mana satu koperasi yang bermanfaat daripada *matching business* yang dilakukan oleh pihak kementerian untuk membantu koperasi tersebut bergabung dengan syarikat-syarikat GLC. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat, pada masa sekarang GLC yang terlibat macam Telekom, Tenaga. Banyak koperasi yang ada di GLC masing-masing memang dengan secara khususnya terlibat dengan GLC-GLC dan ternyata koperasi yang ini lebih cepat berjaya. Untuk jawapan yang pertama tadi saya mohon tangguh untuk memberi jawapan di akhir nanti.

Sudah menjadi dasar kementerian untuk mewujudkan koperasi di semua sekolah menengah. Pada masa ini sebanyak 1,912 koperasi telah didaftar di sekolah menengah dengan anggota sebanyak 2.6 juta. Syer berjumlah RM14.63 juta dan aset sebanyak RM135 juta. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan semua sekolah menengah akan digalakkan mempunyai koperasi dan kita akan melantik pegawai koperasi di semua daerah bagi memudahkan penyeliaan koperasi.

JPK memang berhasrat melantik pegawai di semua daerah tetapi ianya tertakluk kepada kelulusan JPA. Bagi mengatasi masalah ini JPK melantik pengembang koperasi mengikut kawasan Parlimen masing-masing. Koperasi di Kelantan yang maju dan kurang maju serta langkah-langkah yang telah dibangkitkan oleh Pengkalan Chepa. Pada 30 Jun 2007 terdapat 333 buah koperasi di Kelantan di mana 93.4% adalah maju, hanya 6.6% sahaja yang tidak maju.

Saya percaya kalau kerajaan ini adalah Kerajaan Barisan Nasional sudah tentu 100% berjaya kerana orang di sebelah Pantai Timur khususnya Kelantan dan Terengganu memang pandai berniaga dan bila kita gerakkan dengan koperasi ternyata ia lebih berjaya. Langkah yang diambil untuk memajukan koperasi ialah kita sentiasa memberi latihan, pendidikan, bantuan kewangan, geran, khidmat bimbingan, nasihat dan mengemaskinikan akaun mereka dari semasa ke semasa.

Seramai empat orang Ahli Yang Berhormat telah membangunkan isu program usahawan muda iaitu Yang Berhormat Tangga Batu, Yang Berhormat Tebrau, Rembau dan Ketereh. Pembangkitan isu kerjasama antara kementerian dengan belia hal ini sememangnya sudah pun kita mulakan kerjasama dengan belia. Baru-baru ini satu latihan butik berjenama telah diadakan selama tiga bulan di mana peserta kursus adalah terdiri daripada beliawanis yang dipilih oleh

Kementerian Belia dan Sukan manakala kementerian INSKEN telah menyediakan kemudahan latihan seperti kepakaran dan kemudahan tempat kursus serta lain-lain. Malahan kita bukan sahaja bekerjasama dengan belia kita juga bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, ibu tunggal dan warga emas yang berminat untuk berniaga dan sebagainya untuk sama-sama kita menjalankan program bersama.

Yang Berhormat Tebrau membangkitkan sama ada kementerian pasti bahawa melalui program usahawan muda dan usahawan siswazah dapat mencungkil bakat. Untuk makluman Yang Berhormat program usahawan muda dan program usahawan siswazah merupakan program pembudayaan. Ia bertujuan untuk menanam minat dan mendedahkan bidang keusahawanan bagi golongan muda. Jadi dengan usaha yang kita laksanakan harapan kita seperti Yang Berhormat hendak satu rumah satu usahawan insya-Allah ia akan terlaksana. Setakat ini 98,683 orang peserta melalui program perintis usahawan, program usahawan muda, program pembangunan usahawan siswa, kursus-kursus keusahawanan siswi, latihan asas keusahawanan telah kita laksanakan.

Yang Berhormat Tebrau membangkitkan agar program usahawan muda di sekolah-sekolah dipertingkatkan. Program usahawan muda yang dilaksanakan di sekolah-sekolah setakat ini adalah melalui aktiviti-aktiviti latihan seperti *Train of Trainers*, Kursus Ahli Lembaga Pengarah, Ekspo dan Konvensyen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan juga pembinaan kios juga pertandingan penulisan esei keusahawanan. Pada tahun 2007 satu program *business game* telah kita perkenalkan, melalui *business game* ini peserta akan dapat meningkatkan pengetahuan dalam bidang pengurusan kewangan asas pelaburan.

Yang Berhormat Ketereh pula meminta kementerian menjelaskan tentang perbelanjaan peruntukan di bawah program usahawan muda. Peruntukan di bawah program bagi tahun 2007 adalah sebanyak RM3 juta. Sebenarnya setakat ini semuanya habis dibelanjakan dan tak benarlah kalau dikatakan program ini telah mati.

Program francais siswazah kebanyakan francaisor di bawah program kebanyakan adalah bukan bumiputera. Pemilihan francaisor di bawah program francais siswazah dibuat berdasarkan kejayaan dan kukuhannya francaisor tersebut ini termasuk jugalah francaisor bumiputera dan francaisor bukan bumiputera. Contohnya francaisor di bawah program francais siswazah adalah 1901, Daily Fresh Food, Marrybrown Fried Chicken, Synergy Farm dan MIB Trading Sendirian Berhad. Francaisor mengenakan syarat ketat kepada francaisi. Berhubung syarat-syarat ketat yang dikenakan oleh francaisor setiap francaisi diberi peluang dan berhak untuk memilih sistem francais yang bersesuaian dan mampu dikendalikan. Francaisi boleh mendapatkan khidmat nasihat dari kementerian, agensi dan institusi kewangan yang berkenaan. Jadi Yang Berhormat kalau ada francaisi-francaisi yang dianiaya dan sebagainya bolehlah membawa laporan ke kementerian. Pemilihan premis di kompleks membeli-belah..

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Tebrau Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Saya berbalik kepada pembangunan keusahawanan bagi pelajar-pelajar sekolah dan belia. Saya hendak tahu apakah bentuk latihan amali misalnya melibatkan sektor swasta dalam memberi pendedahan kepada situasi yang realiti kepada pelajar-pelajar dan juga belia-belia yang menghadiri kursus keusahawanan itu.

■1520

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Waktu cuti sekolah kita menggalakkan pelajar ini pergi bekerjasama menjual, membantu penjual di *supermarket* di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri Johor dan kita ada juga program *incubator* ICT khususnya kita letak di satu tempat. Bank-bank juga menyediakan untuk mereka membuat program *incubator* dan latihan-latihan tertentu. Kita juga sedang berurusan dengan banyak lagi syarikat-syarikat yang terkemuka untuk memberi peluang pelajar-pelajar itu yang berminat untuk mengendali dan menjalankan perniagaan. Dalam industri francais pemilihan premis adalah penting. Ia memerlukan lokasi strategik yang mampu untuk menarik pelanggan.

Premis tersebut tidak semestinya berada dalam kompleks membeli belah. Sistem francais adalah bersesuaian dengan lokasi agar dapat menarik pelanggan. Jadi contohnya kadang-kadang *franchisee* dia hendak wujudkan dia dapat membuat jualan makan, Marry Brown umpamanya atau Delifrance yang jual aiskrim dan sebagainya. Kalau dia pilih tempat di tempat-tempat yang tidak sesuai sudah tentulah ia tidak akan maju. Jadi pihak francaisor PNS khususnya, kita mencadangkan tempat mana yang sesuai. Bukan kita hendak kenakan dia, sama ada kita hendak bayar tinggi atau murah, kerana dia akan pergi secara pakej. Kalau kita beri pinjaman pun kita beri secara pakej dan dia meliputi kos-kos sewaan dan sebagainya. Jadi tidak timbul kalau hendak kata francaisor menekan kerana ini adalah program yang berjadual bersistem dan berdisiplin yang telah ditetapkan oleh francaisor.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Tanjong.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Timbalan Menteri. Bolehkah Yang Berhormat memaklumkan kepada Dewan ini apakah kadar *success rate* di kalangan bumiputera atau bukan bumiputera yang berkecimpung dalam program *franchisee* ini. Pada puratanya adakah mereka berjaya ataupun masih belum dimajukan lagi?

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat saya tidak ada angka yang tepat. Dalam penelitian dan perhatian kita graduan-graduan yang masuk sistem francais ini banyak yang berjaya kerana francais ini merupakan satu peniaga yang dijadualkan dan ditentukan. Sebab itu kita pentingkan lokasi, jenis jualan dan untuk meniaga perniagaan dan kebanyakannya adalah berjaya. Apabila kita beri pinjaman dan sebagainya ia berjalan begitu baik dan lancar dan insya-Allah ia akan boleh dimajukan lagi. Program Pembangunan ICT Techno-entrepreneur dibangkitkan oleh Pensiangan. Program Pembangunan Techno-

entrepreneur Mara melibatkan program pensijilan dan program penjana techno usahawan yang meliputi terlibat dalam bidang perniagaan.

Bagi perniagaan Techno-entrepreneur dalam biang ICT Mara telah bekerjasama dengan pihak UTM UUM dan KUTPM dalam melahirkan usahawan dalam bidang pembekalan perkakasan, kemahiran aplikasi IT *network* dan pembangunan perisian. Program SDSI tumpukan setiap daerah mempunyai produk yang unik dan berbeza. Perkara ini adalah selaras dengan pihak unit pelarasan pelaksanaan ICU JPM serta pejabat Setiausaha Kerajaan negeri. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian telah pun mengambil maklum akan hal ini dan setiap daerah sememangnya telah mengenal pasti produk yang unik. Antaranya saya hendak sebut Lenggong, tetapi tidak apalah saya sebutlah. Saya senang bagi contoh. Umpamanya...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, sedih dengan Lenggong Yang Berhormat.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Tidak sedih, saya bangga. Umpamanya Lenggong. Saya sudah wujudkan satu koperasi membekal ikan pekasam. Tujuan koperasi ini diwujudkan kerana serata-rata masyarakat di kampung itu pandai buat pekasam. Apabila mereka buat pekasam dengan sendiri, setiap isi rumah boleh menambah pendapatan. Kalau 200 orang buat pekasam, disumbangkan kepada koperasi, koperasi akan berusaha untuk memasarkan dengan tidak secara langsung, kita boleh memajukan koperasi, dan kita boleh membasmi kemiskinan.

Di mana kita boleh mendapat bekalan ikan? Ikan adalah sumbangan daripada pihak lelaki yang boleh membela ikan di tasik-tasik yang ada. Jadi dengan itu adalah satu cara bagaimana kita hendak membasmi kemiskinan dan melalui program "Satu Daerah Satu Industri".

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, tanya sedikit Yang Berhormat. Janganlah Yang Berhormat sedih pasal Lenggong itu. Ikan pekasam itu memang bagus kita tahu. Makanan tradisional orang Melayu. Sekarang generasi muda pun sudah tertarik.

Masalahnya Yang Berhormat, Yang Berhormat tadi sebut promosi. Ada yang mengatakan makan ikan pekasam ini garam terlebih, takut kena darah tinggi. Jadi bagaimana kita hendak menutup pandangan-pandangan negatif seperti ini. Kalau ini terjadi barangkali susah kita hendak pasarkan. Puchong tentu tidak akan makan, contoh.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Puchong sihat Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dia sihat ya, okey. Tuan Pengerusi, bayangkan bagaimana. Kita tidak mahu mendengar lagi. Kalau kita hendak memajukan produk tersebut, bagus tetapi penghujungnya, *finishing* nya susah. Apa langkah seterusnya yang akan diambil oleh MARA. Kita tahu MARA ini ada *Malaysian Kitchen*, dapur Malaysia dengan izin yang baru ini dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Negara Jepun, di Tokyo. Saya hadir sama atas jemputan Yang Berhormat. Pembangkang kalau hendak pergi masuk Barisan Nasional. Jadi boleh tidak Yang Berhormat kita lihat...

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baiklah Yang Berhormat, cukup. Pemasaran tadilah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya minta kalau boleh pandangan-pandangan seperti ini dapat kita tangkis supaya semua produk yang cuba kita majukan akan akhirnya mendatangkan keuntungan kepada mereka yang usahakan produk negara kita. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Ikan ini bukan makanan yang mengenyangkan macam nasi, bihin atau mee. Ia adalah penambah selera, sebab semua orang minat hendak menambah selera, makan bagi sedap semua orang minat. Jadi setakat ini produk kiat sudah boleh masuk *supermarket*, *hypermarket*, Giant dan sebagainya. Kita sedang berurusan bagaimana hendak masuk ke Ireland, ke Korea, ke Jepun, China dan sebagainya. Orang China suka produk-produk ini untuk dia makan dengan dia punya ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Rantau Panjang. Hendak bagi jalan?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Saya ikan pekasam itu okeylah, baguslah. Cuma saya bimbang sedikit masalah koperasi Lenggong. Tadi Gombak sebut Koperasi di Kelantan ini 90% maju. Cuma 10% yang itu sedikit. Saya hendak tanya sedikit Yang Berhormat ini, apakah Ahli Lembaga Koperasi di Lenggong ini terdiri daripada pemimpin UMNO? Sebab saya bimbang takut berlaku di negeri-negeri lain. Apabila campur tangan ramai orang UMNO, biasanya koperasi itu akan mati. Di Kelantan itu koperasi kurang campur tangan sebab itu dia maju, itu yang saya hendak tanya sedikit.

Dato' Khamsiyah binti Yeop-: Yang Berhormat ini kepala dia ingat politik sahaja. Kita hendak majukan masyarakat, kita mana kira UMNO atau PAS. Kita penting produk kita hendak berjaya, koperasi kita berjaya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, minta penjelasan sedikit Yang Berhormat. Kalau bukan UMNO, PAS tidak ada hari ini Yang Berhormat. Kalau bukan kerana UMNO yang memerintah pada hari ini dan membenarkan wujudnya PAS, PAS tidak akan ada, bagi tahu sedikit Yang Berhormat.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat, saya tidak boleh ambil orang lain. Di Lenggong semuanya UMNO, tidak ada PAS. Terima kasih, Ketereh turut membangkitkan ketiadaan bajet bagi penubuhan UDA. UDA telah dinyahsenaraikan dari Bursa Malaysia pada 31 Mei 2007 dan dikembalikan kepada kerajaan. Kementerian akan menubuhkan Lembaga Kemajuan Bandar yang menjadi satu bahagian di pihak kementerian. Tugas LKEB Lembaga Kemajuan Bandar ini adalah untuk memantau aktiviti pembangunan bandar termasuklah memantau aktiviti UDA. Dengan itu tidak perlu peruntukan untuk penubuhan UDA kecuali bagi pembayaran emolumen bagi operasi LKEB.

Ketiadaan bajet oleh pihak kementerian untuk pembayaran program untuk UDA Holding, kementerian akan mengarahkan UDA untuk memberi tumpuan bagi pembelian dan pembinaan premis komersial di kawasan yang strategik di bandar-bandar utama bagi bumiputera menjalankan perniagaan premis tersebut. Ini bagi mengatasi masalah peniaga-peniaga bumiputera di lokasi strategik di kawasan bandar. Pada masa ini UDA menggunakan sendiri dari *internal generated funds* UDA untuk pembiayaan program-program ini.

Mengenai isu Tangga Batu bangkitkan, isu produk restoran Melayu tidak boleh dibuka di Alamanda Putrajaya MeCD akan menyemak perkara ini. MeCD akan memberi perhatian serius mengenai masalah yang dihadapi oleh usahawan bumiputera. MeCD telah minta agensi-agensi seperti UDA dan MARA untuk membina dan menyewa premis-premis perniagaan yang strategik untuk disewakan kepada usahawan bumiputera

■1530

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Tangga Batu, MECD mempunyai program untuk pembelian dan penyewaan di premis kompleks membeli belah yang strategik untuk disewakan kepada usahawan bumiputera yang berkeelayakan.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tertarik tadi tentang usaha kerajaan untuk memajukan usahawan ini dengan menyewa ataupun mengambil tempat-tempat yang strategik. Saya ingin mendapatkan penjelasan adakah ada usaha daripada pihak kementerian untuk menyewa tempat-tempat yang strategik seperti KLCC sebagai contoh yang kita tahu lot-lot ini sangat mahal harganya, puluhan ribu ringgit sedangkan bangunan ini adalah bangunan Petronas, GLC kerajaan.

Jadi adakah ada usaha daripada kerajaan sendiri MARA sebagai contoh mengadakan satu perjanjian usaha sama supaya lot-lot ini dapat disewakan dengan kadar yang munasabah untuk menggalakkan usahawan kita mengambil tempat di tempat yang strategik ini. Terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Yang Berhormat. Sememangnya kita sedang merancang dan berbincang untuk tujuan tersebut dan harapan kita walaupun kita sewa mahal untuk disewa kembali kepada usahawan, sampai masanya usahawan kita boleh berdaya maju, kita akan minta usahawan tersebut bayar mengikut pasaran. MARA seperti dibangkitkan untuk meletak barang-barang, siapa bangkit tadi?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengenai Majlis Pembangunan Kemajuan

Bandar yang dicadangkan ditubuhkan di bawah UDA. Selepas UDA *dibring to private* dengan izin. So, saya hendak tanya tadi Yang Berhormat berkata ini adalah satu rancangan untuk membina kedai-kedai ataupun tempat-tempat perniagaan yang strategik untuk bumiputera di kawasan bandar-bandar tertentu. Saya hendak tanya ini adakah kementerian telah memberi sasaran apa jenis pengusaha-pengusaha bumiputera yang ditargetkan ataupun perniagaan-perniagaan mereka di bandar-bandar.

Adakah kementerian telah membuat satu kajian di mana kawasan-kawasan tertentu, jenis-jenis perniagaan yang tertentu sebab saya hendak tanya ini kerana saya tidak hendak lagi kalau kita ada infrastruktur yang baik, lokasi yang baik tetapi menurut pengalaman dan dia gagal pula lagi selepas itu kita menuding jari kepada mana-mana pihak yang tertentu, maka ini satu rancangan bagi saya. Saya berharaplah pengalaman yang baik ini tidak akan diulangi. Saya hendak mendapatkan sedikit komen dan pandangan daripada Yang Berhormat.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: *once bitten twice shy* dengan izin, maknanya kita memangnya lebih berhati-hati dan kita melantik konsultan-konsultan kita untuk menentukan kejayaan-kejayaan apabila kita dirikan. Malahan tadi ada Ahli Yang Berhormat membangkitkan macam mana kita hendak letak produk-produk tempatan. MARA juga dalam pandangan menteri sudah sampai masanya kita akan bangun kompleks-kompleks MARA di setiap bandar-bandar besar di negara kita supaya *mall* kita juga kita jemput, bukan Melayu dan Melayu untuk sama-sama berniaga untuk memberi kejayaan kepada peniaga-peniaga bumiputera khususnya untuk bekerjasama dengan bukan bumiputera.

Jadi itulah harapan MARA. Kita tidak lagi buat macam pandangan Yang Berhormat bagi Larut tadi kita kata kita tidak malu, kita bukan lagi hendak buat yang kecil-kecil. Kita sentiasa berfikir besar kita akan buat untuk majukan peniaga-peniaga bumiputera kita.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Menyambung tentang kompleks MARA ini, sekarang ini Yang Berhormat Timbalan Menteri saya hendak sebut pun segan. Banyak kompleks-kompleks MARA seperti di bandar Maran, seperti di Tangkak tidak berdaya saing dan tidak berdaya maju. Umpamanya di Muar. Dulu adalah tapak kita panggil gerai besi, gerai di mana peniaga-peniaga menjual baju, kain, makanan, warung makanan dan sebagainya. Kemudian tapak tersebut diambil alih, dibangunkan semula oleh pihak MARA, jadilah kompleks MARA.

Sekarang ini suasana amat berbeza berbanding dengan sebelum kompleks tersebut dibangunkan. Peniagaanya sama, lokasinya sama, tepi pantai masih cantik lagi tetapi dari segi sambutan orang ramai sangat-sangat lemah. Maknanya kompleks tersebut seolah-olah tidak lagi bermaya. Pergilah ke Muar, semaklah Kompleks MARA Muar tetapi itulah yang berlaku. Seolah-olah ada yang tidak kena. Begitu juga di bandar Tangkak, bakal ibu daerah Ledang, daerah

baru. Ada kompleks MARA, sama juga, lebih teruk dan tidak keterlaluan kalau saya sebut projek gajah putihlah. Tidak berdaya macam tidak bernyawa.

Persoalan saya Timbalan Menteri ialah apakah suasana ini dapat dikesan oleh pihak MARA? Kalau dapat dikesan apakah tindakan ke atas perkara yang sedang berlaku bukan sahaja di Muar atau Tangkak seperti yang saya sebut tadi juga di beberapa lokasi lain, mesti ada jalan keluar. Perkara ini telah kami bincangkan di pihak MPOD nampaknya belum ada jalan keluar. Cuma saya yakin MARA ada strateginya sendiri dan apabila saya balik nanti kalau ada jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehlah saya sampaikan jawapan tersebut kepada mereka yang selalu mengadu kepada saya. Sekian, terima kasih.

3.35 ptg.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat, Tangkak, Muar kawasan Menteri saya. Saya akan maklumkan perkara ini kepada Menteri sudah tentu dia ada strategi. Malahan Yang Berhormat Menteri memangnya kita dari semasa ke semasa sememangnya membincangkan masalah pembangunan MARA, kompleks MARA, arkib MARA dan Insya-Allah selepas ini ia akan lebih berdaya maju. Yang Berhormat bagi Rembau membangkitkan MKM harus meningkatkan kursus kepada kursus yang lebih khusus mengikut kehendak koperasi.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat, Rantau Panjang hendak bagi jalan?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih. *Last*, kalau kita lihat cara jawapan Timbalan Menteri tadi apabila dibangkit oleh sahabat-sahabat kita Ahli Parlimen yang lain, satu-persatu dipersoalkan, didedah dijawab sahaja. Saya rasa banyak lagi perkara-perkara yang akan didedahkan oleh Ahli Parlimen ini.

Bolehkah Yang Berhormat cuba bincang di kalangan menteri yang berkaitan dan menteri-menteri lain serta pegawai-pegawai yang ada ramai di belakang itu, supaya memikirkan keseluruhan memang MARA dalam keadaan tenat sekarang ini dari segi apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Bukan satu sahaja, kalau satu jawab satu itu tidak mencukupi. Lebih baik Yang Berhormat berkata kita akan kaji, kita akan rombak, kita akan buat sesuatu untuk menaikkan imej MARA sebagaimana yang telah didedahkan oleh Larut tadi. Mesti dimanfaatkan pandangan Yang Berhormat bagi Larut itu tadi. Kadang-kadang Yang Berhormat bagi Larut ini bagus pandangan dia, sekali-skala bagus.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri kali ini tidak payah jawab satu persatu saya tengok ramai lagi yang akan bangun ini. Tempat saya pun ada tempat lain pun banyak lagi nanti, keadaan MARA boleh

kata seluruh bangunan-bangunan MARA ini memang tidak bermaya, tidak diusahakan ataupun tidak diselenggarakan dengan baik sebenarnya.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat, semua tidak betul orang lain buat dia sahaja yang betul. Sebenarnya kita kena jawablah sudah dia soal. Macam mana saya hendak kata tidak hendak jawab bila dia bangun ketika ini bukan di ketika peringkat jawatankuasa tadi, ketika yang diberikan peluang untuk berbahas tadi. Jadi Yang Berhormat saya kira pandangan Yang Berhormat itu baik juga.

Jadi Yang Berhormat bagi Rembau minta mempertingkatkan kursusnya kepada kursus-kursus yang lebih khusus mengikut kehendak koperasi. Maktab Kerjasama memangnya menyediakan program untuk kursus jangka pendek melebihi 300 kursus iaitu 376 buah kursus pada tahun 2007. Terdapat juga kursus-kursus yang menjurus khas kepada kehendak koperasi. Contoh kursus tersebut ialah Kursus Perancangan Strategik, Kursus Undang-undang, Kursus Perakaunan dan Kursus Pentadbiran Pengurusan Koperasi. MKM harus menganugerahkan ijazah. Akta MKM hanya membenarkan MKM menganugerahkan diploma sahaja pada masa kini.

Walaupun demikian pihak MKM dalam proses meminda aktanya supaya MKM boleh dianugerahkan ijazah dan pasca ijazah kerana kita di koperasi pun akan jadi Suruhanjaya Koperasi tidak lama lagi.

■1540

Ampang, Syarikat SAMATA. Ada tak Ampang? Okey kalau Ampang tidak ada saya hendak bercakap di luar sahaja. Syarikat SAMATA Tradings sebagai syarikat untuk monopoli dalam Program MoSVAC yang bertujuan melahirkan 300 rangkaian bengkel motosikal dan 400 pengedar motosikal.

Kementerian sedang memberikan penekanan kepada program-program seperti peruncitan. Dalam program ini kementerian amat menggalakkan syarikat-syarikat yang berkemampuan untuk menjadi *anchor* kepada semua dan ini terbuka pada semua. Pada masa ini beberapa syarikat telah respons kepada program ini, iaitu program peruncitan. Seterusnya melahirkan usahawan bumiputera bagi keseluruhan rangkaian nilai perniagaan ini. Oleh itu soal syarikat monopoli tidak timbul dan sentiasa menggalakkan dan mengalu-alukan syarikat lain untuk turut sama menyertai program peruncitan ini.

Isu PKEN Perak yang dibawa oleh Batu Gajah dan Ipoh Barat. Kementerian telah pun meminta semua PKEN mengemukakan laporan prestasi kewangan masing-masing pada kadar segera. Laporan prestasi kewangan PKEN Perak telah dibentangkan dalam Majlis Kewangan Negara pada 21 November sebagai usaha untuk memantau prestasi kewangan PKEN. Jadi ada dua perkara yang dibangkitkan oleh Ipoh Barat kerana *Silver Ritech* tidak berdaya maju, stesen bas dan sebagainya.

Stesen bas dulu saya memang jawab. Yang pindah daripada Medan Kit ke Medan Gopeng kerana kita hendak mengelakkan kesesakan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sebelum Yang Berhormat beralih ke bahagian lain saya hendak bercakap mengenai PKNP dulu. Sedikit penjelasan. Yang Berhormat, bila Yang Berhormat kata 21 November, adakah 21 November ini baru?

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Hari ini? Hari ini baru dibentangkan? Kerana mengikut Laporan *Auditor General* sejak tahun 1997 hingga 2004 akaun berkaitan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak langsung tidak ada dibentangkan, ini menunjukkan bahawa ada sesuatu yang tidak kena. Kalau tidak kena ada kelemahan yang tertentu. Soalan yang kita bangkitkan adalah kenapa tidak ada apa-apa amaran walhal bila seseorang membelanjakan dan membazirkan wang, kita macam hendak tolong mereka lagi hendak membazir wang, beri wang *throw good money into waste*. Kenapa itu terjadi? Itu soalan yang saya bangkitkan.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: 21 September ya bukan November.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: 21 September, di Dewan Undangan Negeri Perak.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: No, ia dibentangkan dalam Majlis Kewangan Negara yang dipengerusikan oleh ... belum bawa ke sana lagi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Belum lagi? Tuan Pengerusi dengan izin, adakah tempoh masa dari 1997 hingga sekarang atau separuh atau untuk memastikan itu tepat? Boleh Yang Berhormat beritahu?

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Saya ingat saya kena beri jawapan secara bertulis. Ini terlalu spesifik.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Pegawai mesti ada di sini. Dia *very...*

Dato' Khamsiyah binti Yeop: *On the spot* naik Ipoh la *you*.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Boleh, Malaysia Boleh!

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan Yang Berhormat. Kalau saya tidak silap laporan tahunan yang dibentangkan oleh audit ini, telah menyatakan bahawa Laporan Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak sejak 1997 tidak dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Jadi sejak dilaporkan dalam laporan audit, apakah tindakan yang ada diambil oleh pihak kementerian ini? Itu menjadi persoalan.

Kalau kita hendak beri peruntukan, hendak luluskan peruntukan biar ada ketelusan dan *accountability*. Jadi kita tahu ke mana pergi wang itu, apakah ada salah guna atau tidak? Jadi saya hendak tahu takkan pihak kementerian langsung tidak ada rujuk laporan ini? Ini bukan kali pertama saya bangkitkan bahawa penyata kewangan perbadanan ini tidak dibentangkan dan tidak diserahkan kepada Jabatan Audit pada masa yang tepat. Jadi saya pohon penjelasan.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat saya perlu masa untuk beri jawapan yang spesifik, kerana kalau saya beri jawapan hari ini Yang Berhormat tidak puas hati juga.

Sebab itu saya memohon tempoh bagi menjawab perkara tersebut dan sudah tentulah saya akan beri jawapan kepada Yang Berhormat. Saya pun berminat juga Yang Berhormat kerana saya orang Perak. *So don't worry.*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *Don't worry?* Minta penjelasan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kita khawatir kerana masa ini kerusi Lenggong pun mungkin tidak akan dengan UMNO. Kita tidak mahu menyusahkan Yang Berhormat Sungai Siput.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Janganlah cakap.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Masalah ini semua adalah masalah....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat cukuplah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan, teguran. Kita hendak Yang Berhormat Timbalan Menteri yang baik macam Yang Berhormat Lenggong ini. Kita tidak mahu menyusahkan beliau, tetapi yang menjadi mustahak adalah perkara ini bahawa saya rasa perkara ini diketahui oleh kementerian. Lagi pun ada pegawai-pegawai yang mesti berkelayakan tinggi yang semestinya tahu. Bukankah sebelum wang diagihkan oleh kerajaan, kita pastikan bahawa pihak-pihak yang menerima wang itu adalah satu pihak yang mempunyai *accountability*, *transparency* dan ada juga standard dia serta tidak ada kekhuatiran langsung? Macam mana penyelewengan ini boleh terjadi?

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat, Yang Berhormat kena faham. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Perak atau mana-mana perbadanan kemajuan, ia menjalankan perniagaan atau ia menjalankan di peringkat negeri. Pihak kementerian di letak di bawah kementerian, kita bagi peruntukan tertentu, setahun umpama kita beri RM200 juta dan apabila ia dibelanjakan sebanyak RM200 juta mengikut kehendak kita dengan membuat premis, mengadakan kursus latihan dan membangun usahawan, bila didapati perkara-perkara ini berlaku, maka kita berilah tahun depan, tapi kalau tidak dibagi, tidak buat sudah tentu kita tidak bagi. Bidang itu sahaja yang berkaitan dengan kementerian kerana PKEN ini di bawah pentadbiran negeri. Macam Johor jalankan urusan perniagaannya sendiri. Jadi kita, sebab kalau hendak kaitkan kementerian...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya, ya. Yang Berhormat Timbalan Menteri saya hendak tanya, yang RM19 juta tadi saya tanya untuk tujuan apa dan perkara yang kedua ialah PKNP adalah dipengerusikan oleh menteri besar dan kita tahu. Apabila peruntukan yang perlu diluluskan di peringkat Persekutuan, tidakkah pihak kementerian memantau bagaimana perkembangan, penggunaan wang itu.

Jangan seperti bangunan di Banting, di Pulau Banting itu sudah RM1.5 juta dilepaskan tangan oleh Kementerian Pelancongan, tiada siapa pun memantau projek. Jadi tidakkah pihak kementerian prihatin bagaimana penggunaan kewangan itu dan mana laporan penyata kewangan PKNP sejak tahun 1997 sehingga kini?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Takkan tidak risau langsung? Lepas tangan macam itu sahaja. Jadi saya hendak tahu juga apa dasar pihak kementerian apabila ada perbadanan yang lemah dalam mengurus kewangan dan apa dasar dan tindakan yang diambil? Pohon penjelasan.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat, saya tak nak berulang-ulang. Tadi saya jelaskan, kita beri peruntukan khusus untuk bidang kita. Keseluruhannya pelaksanaan pentadbiran PKNP itu adalah di bawah pentadbiran negeri. Jadi Yang Berhormat walau bagaimanapun saya sendiri akan pergi melihat apa masalah sebenarnya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan Yang Berhormat, ini...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya hendak tahu RM19 juta itu akan digunakan untuk buat apa? Saya sangat prihatin. Takkan kita hendak lulus sahaja, begitu saja? Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini serius.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak lantik jawatan?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Adakah Yang Berhormat tidak ingin menjawab kerana keputusan kerusi Lenggong di buat oleh Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ala.. apa macam, apa hal kerusi?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ... kerana Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak juga adalah pengerusi? Bukan, ini mustahak dan ia berkaitan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Menyampuk]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kita mengagihkan, kita mendapat kelulusan di sini...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tak moleklah...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ... RM19 juta. Dia juga Pengerusi PKNP maka ini adalah satu perkara yang sensitif mungkin Yang Berhormat untuk melindungi beliau dan supaya Yang Berhormat dapat kerusi balik pada pilihan raya yang akan datang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jangan cakap itu macamlah Ipoh Barat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ... ingin membuat satu penjelasan dan jawapan di sini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri kena gulunglah.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Saya mohon mengakhiri penggulungan saya dan sebagai...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Minta jalan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya saja hendak tanya dengan pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam kes yang telah dibangkitkan oleh Ipoh Barat dan juga Batu Gajah. Kalau sayalah dapat beri sedikit pandangan pada...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tak payah beri pandangan. Ini bukan...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tidak soalan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Bukan... penjelasan. Saya hendak tanya soalan. Oleh kerana ini adalah berkaitan antara *state* dan...

■1550

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, dia belum jawab soalan saya. Jadi, *if we...*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya sudah beri laluan. Timbalan Menteri sudah beri laluan, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sekarang ini *floor* Sungai Petani. Apa pula Ipoh Barat kacau.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk. Sila duduk.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Adakah...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya ingin...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri belum jawab lagi. Tunggulah, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Belum jawab lagi.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tunggulah, ini *floor* saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat ringkaskan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya boleh. Soalnya di sini ialah soalan-soalan yang telah dibangkitkan kepada Yang Berhormat ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan negeri (*state*). Dalam hal ini soal kementerian Yang Berhormat ialah berkenaan dengan soal *Federal* - soal antara *Federal* dengan *state*, dengan izin. Jadi, dengan yang demikian apakah pandangan Yang Berhormat mengenai soalan-soalan ini yang mana Yang Berhormat telah buat penjelasan tadi yang mana dikatakan bahawa...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Don't safe her* lah!

Beberapa Ahli: Apa ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain jangan kacaulah! Yang Berhormat Sungai Petani, teruskan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Eh, buat apa ganggu? Bila dia bercakap saya tidak pernah ganggu pun. Ehhh!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Dia gelabah satu macam saja, Ipoh Barat ini.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Batu Gajah pun jangan campurlah. Bila saya bercakap, saya mahu bertanya kepada menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Jadi, apabila hal-hal macam ini, macam juga di negeri-negeri lain yang mana Yang Berhormat sebut bahawa peruntukan telah pun diberi dan sebagainya iaitu hak pihak kementerian Yang Berhormat. Jadi, apabila di negeri ada masalah-masalah yang timbul itu Dewan Undangan Negeri yang akan membuat penentuan.

Jadi, apakah Yang Berhormat bercadang di sini untuk sesetengah daripada kita yang mahu sangat mengenai negeri, bertanding di peringkat negeri sahajalah untuk jadi Ahli Dewan Undangan Negeri dan bercakaplah dalam negeri.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Itulah yang sebenarnya saya telah terangkan tadi. Kita audit di atas apa yang kita bagi. Kalau kita bagi RM100 juta, RM100 jutalah. Keseluruhan laporan itu adalah kerajaan negeri dan itu sepatutnya Yang Berhormat bangkitkan dalam Dewan Undangan Negerilah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya harap...

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Walau bagaimanapun... Batu Gajah, tadi di luar kita bincang elok-elok sahaja. Ini sudah masuk ke dalam dia hendak jadi *champion*. *You* duduk dulu. *[Dewan riuh] [Ketawa]*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bincang apa! Saya... *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Saya sudah bincang!

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri jangan ingat kita sudah bincang...

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Ada pakatan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya masuk ke sini saya akan diam-diam.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Lain kali tidak payahlah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya mesti jalankan tugas.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Saya tidak bimbang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi, yang paling asas Timbalan Menteri, RM19 juta itu...

Dato' Khamsiyah binti Yeop: *You* bagi / jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cakap lepas seorang, seoranglah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: RM19 juta itu, kita hendak tahu untuk...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Batu Gajah, cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri benarkan. Saya harap Tuan Pengerusi benarkan saya habiskan. Yang saya ingin tahu, RM19 juta ini untuk tujuan projek apa? Yang Berhormat bagi Sungai Petani dia tidak berminat hendak tahu RM48 juta, yang ini paling tinggi untuk Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah. Saya hendak tahu, tetapi dia tidak mahu tahu.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tidak berani hendak tanya.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Dia tidak berani hendak persoalkan. Ini bukan hak kementerian. Ini hak rakyat untuk tahu. Jadi, saya hendak mohon, apakah projek yang akan dijalankan dengan wang RM19 juta dan RM48 juta untuk negeri PKNP Kedah itu?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sudah ulang empat kali perkara yang sama.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Ya, sudah ulang.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak jawab, Tuan Pengerusi.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Saya sudah jawab. Saya kata ...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jawab!!

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Soalan Yang Berhormat itu spesifik. Saya minta tempoh untuk beri jawapan secara bertulis.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Boleh kita tangguhkah? Bahagian ini kita jangan luluskan dulu. Kita tahu dulu apakah nombor butiran, bolehkah?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah jawab akan beri jawapan bertulis.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terpulang kepada Dewanlah. Bukan Yang Berhormat tentukan lulus atau tidak lulus. Kita pulang kepada Dewan untuk menentukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila gulunglah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Akauntabiliti.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Akhirnya Yang Berhormat saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kompleks... Galeria.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Sekejap. Satu lagi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Jangan kita lari.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:itu belum siap.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah jawab tadi. Cukuplah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Sebelum gulung ada satu lagi. Terima kasih. Tadi saya ada bangkitkan berkenaan dengan adakah MARA bercadang untuk menubuhkan Maktab ataupun Kolej Islam Sains sebentar tadi. Saya mohon jawapan sama ada perkara ini ada hasrat ataupun tidak.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Timbalan Menteri.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Dalam perancangan. Kita tunggu apa yang hendak kita buat. Jadi, terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Mana-mana yang tidak puas hati dengan apa yang saya jawab tadi, saya akan cuba jawab, kemukakan apa juga masalah yang sedang dihadapi termasuk juga Ipoh Barat dan Batu Gajah. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik. Itulah, kadang-kadang yang bertanya pun tidak faham jawapan dan yang menjawab pun tidak faham soalan. Ini yang masalahnya. *[Ketawa]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM2,126,521,000 untuk Maksud B.26 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM2,126,521,000 untuk Maksud B.26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,261,156,000 untuk Maksud P.26 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2008 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,261,156,000 untuk Maksud P.26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2008.

**Maksud B.27 [Jadual] -
Maksud P.27 [Anggaran Pembangunan 2008] -**

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.27 dan Kepala Pembangunan P.27 di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk dibahaskan. Ya. Larut.

3.56 ptg.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sikit sahaja yang saya hendak sentuh di sini. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri kerana datang. Selamat Deepavali.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ada perhimpunan UMNO pada hari Deepavali mana boleh. Selamat Deepavali, apa maknanya!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Inilah dia Ahli Parlimen yang kurang ajar.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tidak hormat kepada masyarakat India langsung.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Inilah dia Ahli Parlimen yang kurang ajar. Saya hendak merujuk kepada Butiran 020200, 09290, 89000 di bawah Kementerian Kerja Raya. Ini belum ini, yang pembangkang sibuk-sibuk sangat pasal apa? Bila berlaku sesuatu yang terjadi kepada bangunan hendak salahkan kerajaan - menuding jari. Kerajaan tahulah apa yang berlaku. Janganlah salahkan kepada kerajaan negeri. Yang Berhormat Menteri tahulah. Tunggulah dia beri jawapan, hendak buat usul dan sebagai buat apa?

Saya minta kalau boleh Yang Berhormat, pemaju yang terlibat ini bukan lagi setakat *blacklist*, pastikan mereka ini tidak dapat lagi projek kerana mereka tidak bertanggungjawab. Janganlah hendak menyalahkan seolah-olah tidak ada garis panduan sedangkan garis panduan sudah diberi. Panduan sudah diberi dan nasihat pun sudah diberi tetapi masih tidak bertanggungjawab. Kita tidak mahu segala-galanya apabila berlaku, mereka menuding jari kepada kerajaan. Apatah lagi adanya pihak-pihak yang akan mengambil kesempatan untuk mengeruhkan lagi keadaan.

Jadi, saya berharap Yang Berhormat Menteri supaya dapat bertindak dengan lebih serius dalam hal ini. Pastikan *online*. Kita tahu kalau kita *blacklist* mereka pun mereka akan mencari jalan lain untuk mendapat peluang-peluang seperti ini. Biarkan ini menjadi satu pengajaran. Mujurlah tidak ada orang, tidak ada penghuni, tetapi ini adalah bencana alam. Kadang-kadang bila ia hendak berlaku kita tidak tahu. Jadi, kita berharaplah supaya persoalan ini menjadi satu pengajaran kepada kita.

Saya pernah bercakap dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Kita selalunya "*bila terhantuk, baru tengadah*". Bila berlaku sesuatu barulah kita hendak buat itu dan ini. Selepas itu kita senyap. Jadikan ini sebagai sesuatu pengajaran, iktibar kepada kita untuk langkah-langkah yang seterusnya.

Saya hendak pergi kepada masalah yang timbul. Tahniahlah kepada Kementerian Kerja Raya kerana lebu raya kita cantik dan bagus. Sekarang ini Lebu Raya Utara - Selatan sedang diperbaiki yang mana daripada dua *lane* hendak dijadikan tiga *lane*, walaupun ada gangguan sedikit. Saya selalu balik Kuala Lumpur ke Ipoh menggunakan jalan ini. Ada timbul kesesakan

dan rungutan. Kalau di musim perayaan cukup menyulitkan. Tidak lama lagi akan menjelang sambutan perayaan Tahun Baru China.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Menyampuk]* Krismas.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat Sri Gading ada sebut tadi Krismas dan kemudian perayaan yang lain. Cuti sekolah sudah pun bermula yang mungkin menimbulkan kesulitan. Apatah lagi dengan kenderaan-kenderaan sekarang ini yang begitu banyak. Lebuhraya kita sekarang ini pun sudah menjadikan satu perubahan kepada pembangunan negara kita.

Cuma satu sahaja, Yang Berhormat. Tanah-tanah yang diambil ini dahulu, saya ingat sudah lebih daripada 10 tahun iaitu tanah-tanah dusun, tanah-tanah milik orang ramai. Yang peliknya, Yang Berhormat, barangkali mungkin Yang Berhormat sedar ataupun tidak, tanah-tanah yang diambil ini, cukai tanah tersebut masih lagi dibayar oleh pemilik-pemilik berkenaan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Menyampuk]* Mana boleh!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sepatutnya apabila tanah ini telah diambil oleh pihak lain, orang itulah yang bertanggungjawab tetapi ini timbul di mana yang menyedihkan dan mendukacitakan, pemilik-pemilik yang dusun mereka sudah dikorbankan untuk tujuan pembangunan jalan ini termasuk sahabat kita di sana pun dapat guna daripada utara ke selatan. Dapat guna Yang Berhormat macam-macam pergi ceramah dan sebagainya masuk ke kampung-kampung, mereka ini terkejut kerana mereka masih membayar cukai tanah berkenaan lebih-lebih lagi cukai tersebut telah naik.

■1600

Saya minta kepada Yang Berhormat Menteri dapat melihat barangkali kalau tidak disebabkan oleh pihak Yang Berhormat, mungkin berlaku di pejabat-pejabat tanah yang melambatkan penukaran milik berkenaan kepada kita telah menggunakan jalan ini untuk tujuan pembangunan, lebuhraya kita begitu baik tetapi anehnya cukai-cukai tanah ini masih dibebankan ke pemilik-pemilik asal.

Sepatutnya apabila tanah-tanah tersebut telah dipindah milikan siapa jugalah yang mendapat tanah tersebut atau namanya yang akan menguruskan segala pembayaran cukai yang telah saya sebutkan tadi. Saya berharap kepada Yang Berhormat, tadi pun saya ada hubungi pejabat tanah bertanyakan perkara ini. Itulah yang timbul kerana biasanya walau pun pengambilan tanah ini boleh didahulukan mengikut Akta Kanun Tanah Negara tetapi pada akhirnya kita di hujung-hujung ini lupa agaknya barang kali.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Saya mintalah kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia agaknya dan kepada PLUS supaya dapat melihat perkara ini kerana saya bimbang nanti perkara ini akan dijadikan isu oleh

pihak yang satu lagi Yang Berhormat. Ini kita tidak mahu perkara-perkara macam ini kalau kita biarkan, mereka akan besar-besarkan dan akan mengelirukan lagi orang ramai.

Saya mintalah kepada pihak Yang Berhormat melihat perkara ini bagaimana saya rasa bukan sahaja berlaku kepada kelompok yang kecil barangkali banyak tempat boleh kita tengok balik. Tidak mengapa kalau benda ini sudah berlaku dahulu, kita perbetulkan balik ke atas apa yang telah saya sebutkan tadi. Tuan Pengerusi, saya rasa itu sahaja dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ramai ya. Ayer Hitam.

4.02 ptg.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin terus kepada butiran 70000 – Projek Memperelok Jalan-jalan dan juga Projek Keselamatan Jalan - Butiran 08500.

Tuan Pengerusi, apa yang berlaku di kawasan saya, setelah pelebaran jalan daripada Jalan Kluang ke Ayer Hitam sepanjang 47 kilometer menelan belanja tidak kurang daripada RM350 juta tetapi masalahnya masih lagi timbul di mana jalan-jalan itu masih tidak sempurna. Saya pernah membangkitkan perkara ini kepada Yang Berhormat Menteri.

Terima kasih Yang Berhormat Menteri mengumumkan peruntukan RM32 juta untuk memperelok jalan tetapi apa yang saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat, berita itu cukup baik keluar dalam surat khabar. Pada hakikinya berlaku ia hanya diperbaiki sekerat daripada Batu Pahat sampai ke Parit Raja iaitu tidak satu inci pun diperuntukkan untuk kawasan saya Ayer Hitam.

Walau pun Yang Berhormat mengucapkan tahniah kepada saya akhirnya kepada pengundi saya tidak boleh jawab apa-apa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang dapat Sri Gading lah.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Jiran saya dapat saya pun tidak cemburu sebab keseluruhan jalan itu perlu diperbaiki tetapi apa yang penting sekarang peruntukan kalau hendak buat di kawasan Ayer Hitam sampai ke kawasan Kluang, saya rasa dua pertiga itu terletak dalam kawasan saya dan kita lihat maut semakin bertambah. Kalau tidak memperelok jalan dahulu, masih elok. Setelah pelebaran jalan, tiap-tiap minggu ada *accident*.

Saya tidak boleh tahan dengan aduan sebab kita melihat tiap-tiap minggu apabila mereka memaklumkan kepada saya ada kemalangan. Saya meminta Yang Berhormat Menteri supaya perkara ini dipercepatkan iaitu RM115 juta yang dianggarkan itu kena buat cepat. Itu pelebaran jalan dan selepas pelebaran jalan, saya tidak faham SP Setia ini dia buat jalan yang dahulunya ada parit, sekarang ditutup tiada parit. Apabila tiada parit, air larian di permukaan jalan itu menyebabkan kemalangan berlaku.

Saya tidak tahu dari aspek keselamatan apa yang telah diambil. Saya rasa untuk melindungi keselamatan ataupun menjaga keselamatan pengguna jalan ia patut dilakukan sesuatu sekurang-kurangnya dalam tempoh jangka pendek ini melakukan sesuatu dan membuktikan kepada pengundi saya bahawa kerajaan memang komited. Kalau tidak apa yang diperjuangkan selama dua tiga tahun ini sia-sia sahaja.

Satu perkara lagi Yang Berhormat, Gemas ke Ayer Hitam, jalan dilebarkan dengan perbelanjaan sebanyak RM220 juta. Nama Ayer Hitam digunakan, begitu cantik sekali telah ditunda tiga empat kali. Saya Yang Berhormat Menteri sentiasa prihatin tentang perkara ini tetapi pada hakikatnya apa yang berlaku di kawasan saya sekarang dari segi aspek keselamatan, saya nampak ia masih kurang meyakinkan di mana saya melihat jambatan itu apabila jalan itu dilebarkan, tiba-tiba nampak dia terus buat dua jalan kemudian dicantumkan semula kepada satu jalan, orang yang tidak tahu atau tidak biasa di jalan ini, mereka akan terlanggar tiang yang di tengah-tengah ini. Yang itu yang membuatkan masalah ini.

Saya tidak tahu *road safety* audit ini boleh lulus kerana kita tengok logiknya daripada satu jalan pecah kepada dua, selepas jambatan jadi satu, itu adalah satu petanda yang tidak baik. Saya meminta Yang Berhormat Menteri tengok perkara ini dan jalan-jalan yang saya sifatkannya sebagai jalan tauhu iaitu lembik di mana kita lihat dari segi bitumen, dari segi kualiti permukaan jalan yang diturap itu memang teruk.

Daripada Segamat sampai ke Ayer Hitam, saya rasa perkara ini patut kita beri keutamaan untuk diselesaikan. Kalau tidak, saya rasa ini akan membahayakan pengguna jalan.

Satu perkara yang terakhir Yang Berhormat Menteri, saya melihat peruntukan juga diberi kepada bahagian cerun. Saya rasa saya sokong sekiranya kerajaan memberi kuasa kepada kementerian ini kerana saya rasa kejuruteraan cerun ini merupakan suatu perkara yang amat penting. Kalau kita membuat pembangunan di kawasan tanah tinggi ia sepatutnya melibatkan *engineer* dan jurutera yang mahir dalam perkara ini.

Di Malaysia, masalahnya ialah apabila berlakunya bencana ataupun hakisan tanah, kita merujuk kepada ahli geologi yang tahu menahu tentang sejarah batu batan itu tetapi bagi negara-negara lain, ia akan dirujuk kepada *geotechnical engineers*. Saya rasa kuasa patut diberikan kepada badan ini ataupun bahagian, jabatan ini supaya kita dapat menyelesaikan masalah dengan cara kejuruteraan bukan dari segi fizikalnya kita mempelajari apa latar belakang tentang geologi itu, tidak. Saya rasa tidak kena.

Kerajaan kena buat satu keputusan yang bijak tentang perkara ini. Dengan itu saya minta supaya kementerian ini lihat semula, kuasa yang perlu diambil, kena ambil. Kalau tidak, Menteri atau kementerian akan dibelasah apabila berlakunya hakisan tanah ataupun tanah runtuh. Saya rasa sudah sampai masanya suatu keputusan yang bijak perlu dibuat oleh kerajaan dan saya minta supaya Kementerian Kerja Raya melobi untuk ini dan saya akan memberi sokongan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Beluran.

4.08 ptg.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan Butiran 08270 dan 08260. Kawasan saya sekarang mengalami musim hujan dan tentu akan ada bencana yang berlaku terutama dari segi tanah runtuh di jalan di kawasan saya.

Tuan Pengerusi, perkara ini saya bawa pada beberapa minggu yang lalu tentang Jalan Nango - Kenibongan yang runtuh ketika musim hujan tahun lalu dan sehingga hari ini belum dibaiki oleh kementerian atau jabatan JKR di Sabah. Saya ada mengemukakan soalan bertulis untuk perkara ini dan dijawab kementerian telah ada diberikan peruntukan RM3 juta untuk membaiki jalan-jalan yang runtuh ketika banjir tetapi apabila semakan dibuat peruntukan sebanyak RM3 juta ini tidak mencukupi untuk memperbaiki kerosakan yang berlaku di *this particular road*, Jalan Nango - Kenibongan yang agak teruk yang tidak ada tanda sehingga kini untuk mendapat pembaikan daripada JKR di Sabah.

Saya harap agar bajet yang ada ini dapatlah diberi untuk pembaikan jalan ini. Begitu juga saya ingin tahu perkara 08260 – Naik taraf dan Memulihkan Jalan (Projek Baru). Jalan Beluran - Kulapis dan juga Jalan Beluran – Kuala Sapi yang telah dicadangkan oleh JKR daerah dan disokong oleh JKR negeri untuk dimasukkan dalam RMK9 ini tetapi tidak termasuk di dalam RMK9 dan kita memohon semula untuk dimasukkan di dalam kajian separuh penggal RMK9 tetapi juga nampaknya tercicir daripada kajian separuh penggal RMK9.

■ **1610**

Saya tidak tahu macam mana kementerian boleh melihat kedua-dua jalan ini untuk dinaiktarafkan kepada jalan berturap kerana ini merupakan jalan penting yang menghubungkan pekan Beluran dengan Kampung Gulapis dan juga pekan Beluran dengan Kampung Kuala Sapi. Ini merupakan jalan yang telah diberi keutamaan oleh *divisional engineer* dan juga peringkat JKR negeri. Saya ingin penjelasan daripada kementerian terhadap perkara ini. Terima kasih.

4.11 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pertamanya hendak mengucapkan ribuan terima kasih di atas butiran 31000 tentang Pembinaan Jalan dan Jambatan (Projek Baru) di mana jambatan Kuala Krau telah diluluskan dalam proses untuk pembinaan. Cuma di dalam kajian separuh penggal, saya juga ada menghantar surat kepada Yang Berhormat Menteri mengenai beberapa jalan yang perlu dinaiktarafkan dan juga pembesaran jalan seperti butiran 70000 – Projek Memperelok Jalan-jalan di mana pembesaran jalan daripada Kampung Awah ke Jengka 8 iaitu di laluan FT083 dan juga di jalan ke Jengka 23, 22 dan 21 dan juga jalan-jalan yang menghubungkan simpang Jengka 13 ke kawasan Rumpun Makmur dan menghubungkan jambatan Kuala Krau dan juga pekan Kuala

Krau dan juga tentang pembesaran bagi jambatan-jambatan di mana jalan-jalannya telah dibesarkan dan dielakkan.

Tetapi alangkah anehnya kerana jalan-jalan ini telah dibincangkan di peringkat mesyuarat tindakan daerah sama ada daerah Temerloh dan daerah Maran kerana Parlimen Kuala Krau ada sebahagiannya berada di dalam kawasan daerah Temerloh dan ada sebahagiannya berada dalam kawasan daerah Maran tetapi yang anehnya dijawab oleh Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan, sila berhubung dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Jadi saya ingin tahu kenapakah projek-projek jalan di bawah penyelenggaraan Jabatan Kerja Raya perlu dirujuk kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Saya akan serahkan kepada Yang Berhormat Dato' Seri Menteri di atas jawapan yang telah saya terima.

Dan tentang butiran 60000 – Naik Taraf Jalan Raya dan Laluan di mana saya telah difahamkan oleh kontraktor-kontraktor yang bernaung di bawah kontraktor Roadcare di mana Jabatan Kerja Raya setelah hampir empat hingga enam bulan tidak membuat bayaran kepada kerja-kerja yang telah diberikan kepada Roadcare di kawasan khususnya bagi negeri Pahang. Saya ingin tahu apakah sebabnya dan adakah kontraktor Roadcare ini akan terus diberikan pelantikan untuk membuat *maintenance* bagi jalan dan juga bahu-bahu jalan di dalam kawasan negeri Pahang. Saya harap beberapa surat-surat yang akan serahkan kepada Yang Berhormat Menteri akan diberikan maklum balas kepada saya. Terima kasih.

4.14 ptg.

Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk berbahas sedikit berkenaan dengan maksud Pembangunan 27 – Kementerian Kerja Raya iaitu berkenaan dengan butiran 09260 – Naik Taraf Jalan (II) dan juga 09280 – Membina Jalan-Jalan di Negeri Sarawak.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, semasa membahaskan Bajet 2008 di peringkat dasar minggu yang lepas, saya telah sentuh isu menaik taraf Jalan 'Bilu-Long Teru' di kawasan Baram di mana saya minta supaya kementerian mempertimbangkan peruntukan untuk menaik taraf jalan tersebut yang memerlukan peruntukan RM150 juta untuk 43km panjang jalan itu. Saya ingin bagi pihak penduduk-penduduk di Baram mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Menteri Kerja Raya kerana semasa lawatan beliau ke Miri pada 12 November baru-baru ini telah mengumumkan bahawa peruntukan sebanyak RM50 juta telah dibuat untuk menaik taraf jalan ini. Saya rasa kami di Baram berasa sangat gembira sekali kerana inilah satu peruntukan yang telah kami tunggu-tunggu selama ini. Saya berharap dapat dijalankan dengan segera.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Menteri juga mengumumkan bahawa baki keperluan peruntukan yang berjumlah RM100 juta lagi untuk menaikkan taraf ini sepanjang 43km

itu akan dimasukkan dalam *Mid Term Review* nanti. Dan saya berharap supaya ini dapat dipertimbangkan apabila *Mid Term Review* ini akan dibuat dalam tahun akan datang ini.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, pengumuman Menteri Kerja Raya atas RM50 juta itu memang diterima baik oleh penduduk-penduduk di Baram. Oleh sebab itulah rombongan daripada penduduk-penduduk Baram dapat berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri pada masa itu di lapangan terbang Miri. Ini satu susulan yang baik untuk kita semua dan memandangkan peruntukan itu telah diumumkan, saya hanya ingin bertanya kepada Menteri, bilakah kementerian bercadang untuk melaksanakan projek ini supaya dapat dilaksanakan dengan segera kerana keadaan jalan itu memang amat teruk sekali. Sekian, terima kasih.

4.17 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. 070600 – Bayaran Pampasan Tol RM380 juta. Saya meminta Yang Berhormat Menteri menerangkan tujuan RM380 juta ini yang akan diberi kepada pampasan tol-tol untuk tahun depan. Sila beri butir-butir berkenaan dengan tajuk ini.

Tuan Pengerusi, saya masih mengekalkan pendirian saya bahawa kerajaan perlu menebus balik peringkat jalan BKE yang dijadikan sebagai BORR atau lebih dikenali sebagai Jalan Sungai Nyiur Tol. Yang Berhormat Menteri pasti tahu dari *feedback-feedback* dari parti-parti komponennya bahawa ramai pengguna-pengguna jalan masih tidak puas hati bahawa peringkat ini dikutip tol walaupun RM0.50 sahaja tetapi mereka masih tidak berpuas hati. Saya berharaplah kerajaan boleh timbang balik untuk menebus balik peringkat ini.

Dan berkenaan dengan jawapan Yang Berhormat memberi kepada saya bahawa jalan alternatif untuk menggantikan peringkat ini iaitu menaik taraf Jalan Chain Feri Jambatan Tunku Abdul Rahman kepada empat lorong dengan anggaran kos RM54 juta. Saya ingat peringkat ini memang jalannya sudah ada empat lorong dan tidak perlu lagi dilebarkan dan ini boleh dianggap sebagai kerja telah disempurnakan. Tetapi B, menaik taraf Jalan Siram, Jalan Sungai Nyiur kepada empat lorong dengan anggaran kos RM30 juta, panjangnya 2.5km. Yang ini mustahak sebab ini pada masa sekarang Sungai Nyiur dan Jalan Siram sangat sempit, dua lorong. Satu lorong pergi, satu lorong balik sahaja, ini perlu ditingkatkan.

Mengenai membina jambatan baru melintasi Sungai Prai dari Jalan Jelawat ke Taman Bagan dengan anggaran kos RM25 juta. Saya ingat kalau kerajaan boleh tebus balik peringkat BKE atau Sungai Nyiur Tol ini, jambatan dan jalan ini tidak perlu dibuat sebab bukan kerana kesesakan lalu lintas, kerana kerajaan hendak membina jambatan baru dan jalan baru ini untuk diguna percuma oleh pengguna-pengguna. Dan jalan ini selari, *parallel to* BORR.

■1620

Jadi saya ingat kalau kerajaan boleh tebus balik peringkat BKE RM25 juta tidak payah dibelanjakan.

Tuan Pengerusi, lagi satu iaitu Butiran 02500 – Baikpulih Jalan di Pulau Pinang RM18 juta. Memang banyak jalan di Pulau Pinang ini dalam keadaan yang rosak, saya minta supaya Menteri boleh memberi apa-apa kerja yang akan dibuat dalam butiran ini.

Butiran 02800 – Memperbaiki/Mengganti dan Menaikkan Taraf Jalan dan Jambatan RM120 juta secara langsung dan pinjaman RM97 juta. Saya juga meminta supaya ini diterangkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ketereh.

4.21 ptg.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi saya laluan. Saya ada beberapa tajuk yang telah saya tandakan dan *study*.

Pertamanya yang besar sekali saya ingin tahu Butiran 060200 – Emolumen Pegawai Kontrak JKR di bawah dasar baru berjumlah RM20 juta. Apa maksud sebenarnya pegawai kontrak JKR? Sebab setahu saya pegawai-pegawai JKR ini semuanya adalah pegawai tetap kalau pegawai kontrak ini *is it expatriate* atau pegawai-pegawai tambahan yang diperlukan. Mohon keterangan.

Kedua mengenai Butiran 070600 dan 070700 – Bayaran Pampasan Tol dan Bayaran Balik Pinjaman LLM. Walaupun ini di peringkat Jawatankuasa tetapi ingin sekali lagi saya nyatakan bahawa seluruh rakyat negara ini melihat bahawa bebanan tol ini sudah menjadi bebanan negara. Setiap kali Menteri Kerja Raya terpaksa mengkaji perjanjian dahulu setiap kalilah Menteri Kerja Raya akan mendapat tentangan dan mendapat kritikan yang sangat hebat daripada rakyat.

Persoalan yang ingin saya timbulkan ialah tiap-tiap tahun akan ada peruntukan sedemikian. Kita *spend* saya campur-campur jumlah projek-projek jalan yang ada RM33 bilion tetapi saya campur daripada tajuk 060100, 31000, 60000, 61000, 70000 projek jalan apa semua campur-campur RM15.5 bilion. Apakah tidak mungkin walaupun ini peringkat jawatankuasa kerajaan mengkaji semula beban yang begitu besar kepada negara yang hanya diperoleh daripada sebuah syarikat, apa pun *connection* syarikat ini dengan siapa pun *connection* syarikat ini, apa pun perjanjian terdahulu tetapi rakyat menyatakan sekiranya ia membebaskan rakyat kerajaan patut mengkajinya semula. Inilah harapan dan perasaan rakyat, baik orang Melayu, orang India atau siapa sahaja.

Sungguhpun di Kelantan tidak ada tol tetapi kenaikan tol di Kuala Lumpur, di Perak, di Selangor memberi kesan kepada kita di Kelantan. Sebab anak-anak...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan sikit.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: *Do I have time sir?* Dengan izin. Ada masa?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Terpujang kepada Yang Berhormat.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Okey.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Satu hal, mengenai pampasan dan tol lebih kurang RM15 bilion yang dikatakan oleh Ketereh. Bukankah lebih baik kalau kita *nationalize* sahaja dan bagi bayaran habis dan supaya semua rakyat senang hati dalam hal ini.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Ipoh Barat dengan cadangan. Saya tidak bermaksud demikian tetapi saya cuba bagi perbandingan, kita boleh membelanjakan peruntukan yang berbilion RM15 juta itu saya kira *off the cuff* dengan izin, untuk membelanjakan membaiki jalan dalam waktu yang sama belanja buat PLUS ini saya minta Yang Berhormat Ledang melihat dalam *website* serta merta berapa jumlah belanjanya.

Saya tidak tahulah sama ada cadangan itu bagus atau tidak tetapi pada saya beban ini sudah menjadi beban negara. Saya yakin menteri juga bersetuju dengan saya soalnya apakah kita boleh ubah perjanjian itu? Apakah kita boleh baiki itu? Pada saya sekiranya kita dapat mandat rakyat kita boleh buat apa sahaja demi untuk kepentingan rakyat. Saya ingat cukup untuk tol.

Perkara yang kedua, agak besar pada saya adalah kita banyak membina lebuhraya, Lebuhraya Timur Barat, Lebuhraya Selatan dan Lebuhraya Pantai Timur. Namun satu kawasan yang selalu tertinggal dalam pembinaan perhubungan antara rakyat ini ialah di Banjaran Titiwangsa iaitu tengah-tengah antara Kuala Lipis ke Gua Musang ke Kota Bharu. Kawasan ini merupakan kawasan *accident* yang sangat tinggi tiap-tiap tahun. Saya berulang alik melalui kawasan ini dan ramai wakil-wakil rakyat daripada Pantai Timur daripada Kuala Lipis, Gua Musang, Ketereh, Kota Bharu dan sebagainya melalui jalan raya ini. Saya tidak nampak ada perubahan besar dalam kita memberi alternatif kepada mereka ini kalau mereka pergi ke Jalan Lebuhraya Pantai Timur ianya hanya berhenti di Terengganu tidak sampai ke Kelantan. Sedangkan kita mengatakan bahawa kita perlu memberi kesamarataan kepada semua.

Di Kelantan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional ada sembilan kerusi pembangkang hanya ada lima kerusi, dia menang negeri pun satu kerusi dua undi sahaja. Jika jumlah undi rakyat sudah menyokong kerajaan Barisan Nasional, sembilan kerusi daripada 15 kerusi Parlimen.

Jadi pada saya manifestasi rakyat nak tengok kerajaan membantu orang Kelantan. Alhamdulillah, kerajaan sekarang di bawah pimpinan Pak Lah nampak ke arah itu. Namun saya nampak setiap kali Hari Raya tidak lama lagi Hari Raya Haji pula ia punya *jam* Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi, daripada Bentong sampai Kuala Lipis kadang-kadang sampai Gua Musang. Perjalanan yang sepatutnya mengambil masa hanya enam jam mengambil masa 18 jam.

Ini adalah satu perkara yang saya ingat mungkin kerana orang di pendalaman ini suaranya tidak kuat tetapi biarlah saya mewakili Pahang, Kelantan dan Terengganu hari ini mengatakan bahawa kita memerlukan peruntukan yang besar untuk memperbetulkan

ketidakseimbangan antara Pantai Barat dan Pantai Timur di pertengahan ini. Rakyat di pertengahan ini memerlukan pembelaan yang sesungguhnya besar daripada Menteri Kerja Raya. Saya yakin menteri boleh buat saya yakin kerajaan boleh buat. Sekian, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat serdang.

4.27 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 050600 – Pengurusan Projek Tanah, Butiran 10001 – Projek Penswastaan Jalan Raya (PBT). Tuan Pengerusi, Lebu Raya SILK yang diselenggarakan oleh Sistem Lingkaran Lebu Raya Kajang Sdn. Bhd. dan telah diswastakan dan telah dirasmikan operasinya pada Jun 2004 oleh Yang Amat Berhormat Menteri. Ternyata Lebu Raya SILK semata-mata untuk memberi satu keselesaan kepada penduduk bandar Kajang untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di bandar Kajang. Maka itulah wujudnya Lebu Raya SILK. Namun selepas dua, tiga tahun ini kesesakan di bandar Kajang tidak berubah. Adakah Lebu Raya SILK yang diwujudkan tidak memberi kesan atau memberi satu perkara yang baik untuk mengatasi kesesakan di bandar Kajang? Apa sebabnya tidak berlaku demikian?

Adakan pihak kementerian atau pihak Lembaga Lebu Raya Malaysia mengkaji sama ada Lebu Raya SILK itu tidak ada kaitan langsung dengan penyelesaian kesesakan lalu lintas di bandar Kajang. Jika demikian adakah kajian semula cara mana untuk mengatasi di mana memberi Lebu Raya SILK ini jadikan satu perkara yang lebih berfungsi dengan baik untuk atasi kesesakan lalu lintas.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Penjelasan sikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Yang Berhormat Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Serdang.

Saya dengar daripada ucapan tadi yang mengatakan bahawa Lembaga Lebu Raya Malaysia (LLM) ini walaupun lebu raya ini siap dibina tetapi masalah pokok dia tidak selesai. Ini bukan sahaja berlaku di Kajang Yang Berhormat, di kawasan saya juga Lebu Raya Damansara - Puchong sama juga. Sebelum dibina, sebelum dibangunkan banyak kajian kononnya telah dibuat oleh LLM, konsultan perunding semua sekali tetapi selepas itu tidak sampai tiga tahun sesak juga, masalah *jam* juga petang *jam*, pagi *jam*.

So, saya nak tanya adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya atau apa pandangan Yang Berhormat Lebu Raya LLM ini kita mesti ubah cara dia membuat kajian ataupun kita mencadangkan kepada kementerian bahawa selain daripada LLM ini yang bagi sayalah kadangkadangkang minta maaf Tuan Pengerusi, LLM *stand for 'Lambat-lambat Membuat Keputusan'*. Bagi saya mereka ini sepatutnya di *restructure* ataupun kita memberikan mereka orang yang baru,

orang yang betul-betul profesional untuk menjalankan tugas mereka. Apakah pandangan Yang Berhormat?

■1630

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Saya akan serahkan kepada kementerian untuk memberi ulasan dan penjelasan lanjut berkaitan soalan itu. Tuan Pengerusi, maka itu perancangan untuk mewujudkan Lebuh Raya SILK itu tidak sempurna, bukan sahaja tidak akan memberi kesan untuk mengatasi kesesakan lalu lintas di bandar Kajang tetapi telah memberi satu kepahitan kepada rakyat di sekitar kawasan di sekitar kawasan di Taman Kajang Utama dan Kajang Central termasuklah Bukit Mewah, Fasa 8A, 9A dan di sekitar kawasannya kerana putusny hubungan selepas Lebuh Raya SILK dibina.

Maka yang demikian, sebenarnya tujuan lebuh raya dibuat untuk memberi keselesaan dan keselamatan untuk pengguna dan tidak akan menjejaskan sekitar kawasan yang terlibat dengan lebuh raya itu tetapi perancangan yang dibuat telah menjejaskan kepentingan dan memberi kepahitan kepada rakyat di kawasan tersebut. Itu sebab Yang Berhormat Menteri sedar perkara demikian dan mengumumkan bahawa cadangan terowong akan dibina di Kajang Utama tetapi masih belum dapat peruntukan dari EPU, maka itu sudah tiga tahun ditunggu-tunggu. Ini adalah menyebabkan sosioekonomi dan politik akan terjejas di masa akan datang.

Walau bagaimanapun, saya harap perkara ini akan diambil serius oleh kerana kecacatan dan kelemahan yang telah berlaku semasa perancangan untuk wujudkan Lebuh Raya SILK di kawasan tersebut. Dengan adanya kelemahan itu patutnya kita membetulkan untuk memberi keselesaan kepada rakyat di kawasan tersebut. Dengan yang demikian saya harap perkara ini dapat diambil serius untuk dapat peruntukan bagi mengatasi masalah yang telah dijanjikan dulu.

Tuan Pengerusi, satu perkara penting saya hendak dapat penjelasan; apa yang berlaku dalam Sistem Lingkaran Lebuh Raya Kajang Sdn. Bhd. yang menguruskan Lebuh Raya SILK ini. Ada ura-ura mengatakan syarikat ini telah serahkan kepada badan yang lain untuk menguruskan lebuh raya ini kerana peruntukan kewangan tidak cukup. Saya tidak tahu apa sebabnya. Kalau ada benar, minta penjelasan apa sebabnya berlaku demikian di mana penyelenggaraan atau pengurusan Lebuh Raya SILK ini telah bertukar tangan kepada orang lain. Sama ada benar atau tidak, minta penjelasan.

Tuan Pengerusi, lebuh raya bertol diwujudkan dan diswastakan kepada syarikat konsesi untuk menguruskan satu lebuh raya yang lebih selesa, selamat, cepat tetapi saya nampak dan juga sebelum itu saya ucap terima kasih kepada pihak Yang Berhormat Menteri telah memberi sumbangan untuk atasi kesesakan di sekitar Mines Resort di mana terlibat dengan Lebuh Raya Sungai Besi. Selepas persimpangan bertingkat telah disiapkan untuk atasi kesesakan di persimpangan antara Lebuh Raya Sungai Besi dengan Lebuh Raya Balakong, tetapi ada kesan yang berlaku iaitu selepas Plaza Tol Mines itu, bayaran tol selepas itu hendak belok ke kawasan

Balakong dan Seri Kembangan terjejas dan sesak kerana pembinaan jalan susur ke atas, ke kawasan Balakong dan Seri Kembangan *bottle-neck*.

Saya tidak tahu apa sebab Besraya Berhad buat demikian. Sekarang sangat *jam*, selepas bayar tol, sudah jam satu kilometer, menjejas aliran trafik Lebuhraya Sungai Besi. Itu saya mintalah kemukakan masalah ini kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk kaji semula apa sebab buat demikian. Selepas perancangan dan pembinaan dibuat, hasilnya adalah menjadi sesak di kawasan tersebut.

Lagi satu di Stesen KTM Serdang. Selepas siap itu tetapi aliran itu telah ganggu daripada menggunakan terowong KTM masuk balik ke Seri Kembangan atau Balakong, sesak tidak boleh lalu kerana lorong itu penuh dengan kenderaan kerana bas di situ, teksi di situ, kereta persendirian di situ, maka itu gangguan. Tidak dapat bagi satu laluan yang selesa kepada rakyat. Ini yang minta dikaji apa sebab berlaku demikian dan ambil tindakan seterusnya.

Tuan Pengerusi, akhirnya Butiran 02000 – Skim Mengatasi Kesusakan Lalu lintas. Sudah banyak tajuk telah dikemukakan untuk diluluskan di Dewan yang mulia dalam Jawatankuasa ini. Peruntukan begitu banyak untuk elokkan jalan, untuk membina jalan baru, saya mintalah walaupun saya sudah cakap dalam Dewan ini sudah dua, tiga tahun ini dan pihak Yang Berhormat Menteri telah maklumkan kepada Dewan yang mulia ini seperti sebahagian laluan Jalan Persekutuan 3215 di mana dekat Taman Universiti Indah hanya tiga lorong. Tidak mengikut piawaian jalan persekutuan.

Saya minta apa ertinya Jalan Persekutuan. Apa piawaian Jalan Persekutuan? Itu patutnya empat lorong dua hala tetapi kawasan itu semua bahagian Jalan Persekutuan semua empat lorong dua hala tetapi tengah-tengah dua kilometer ini, hanya tiga lorong bukan empat lorong. Ertinya tidak mengikut piawaian atau peraturan JKR. Ertinya kemalangan boleh berlaku.

Sepanjang tahun lalu, Tuan Pengerusi, sepanjang laluan Jalan Persekutuan 3125 ada 961 kes yang banyak berlaku di dalam bahagian itu yang hanya tiga lorong. Maka itu pihak kementerian katakan, "Okey, lantik juru perunding untuk mengkaji semula." Pelan sudah siap, reka bentuk sudah siap, katakan akan dibuat tetapi tiga tahun tunggu tetapi kemalangan sering berlaku lagi. Mintalah kalau Jalan Persekutuan patutnya selesa dan selamat tetapi ini tidak ikut piawaian itu. Maka, patutnya dibetulkan kecacatan ini. Patut ditambah satu lorong. Ertinya seolah-olah Jalan Persekutuan lebih selesa. Maka itu saya mintalah demikian.

Di sebahagian laluan 3125, jalan besar Sri Kembangan adalah sepanjang lima kilometer ini, tujuh lampu isyarat. Lampu isyarat itu sudah lapuk, selalu rosak, tidak berfungsi, ertinya sesak. Maka itu saya minta tukar balik lampu jalan *intelligent*. Biar sistem baru sedikit supaya rakyat akan menikmati keselesaan, selamat dan tidak ada kesesakan kerana lampu isyarat itu tidak berfungsi. Itulah sebab perkara-perkara yang dibangkitkan, memang saya sering bertanya. Walaupun jawapan Yang Berhormat Menteri katakan peruntukan banyak di Seri Kembangan

tetapi bukan banyak. Sebenarnya hanya satu projek baru selepas itu persimpangan bertingkat di Mines Resort, RM92.3 juta, saya ucap terima kasih.

Baru sahaja ada satu persimpangan bertingkat di Serdang Raya RM14 juta, tetapi Jalan Persekutuan 3215 begitu teruk keadaannya. Bukan sahaja jalan rosak, banyak jalan diturap semula walaupun di bawah kementerian di mana menjaga Jalan Persekutuan lebih selesa dan cepat tetapi patutnya sebahagian besar jalan laluan ini perlu diturap semula dan tanda-tanda lalu lintas pun tidak ada, *yellow* pun sudah hilang.

Oleh sebab itu saya mintalah Yang Berhormat Menteri dan pihak kementerian mengkaji semula terhadap laluan jalan 3125 untuk membaik pulih, menaikkan taraf demi kepentingan orang ramai dan juga untuk kepentingan piawai Jalan Persekutuan yang diluluskan oleh pihak JKR. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tanah Merah.

4.38 ptg.

Dato' Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rujuk kepada Butiran 050000 – Pengurusan JKR. Hari ini kita tahu kementerian dan juga Jabatan Kerja Raya merupakan agensi pelaksana yang terbesar yang berfungsi untuk negara kita. Di sini saya ingin mencadangkan dan juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri di mana kakitangan Jabatan Kerja Raya (JKR) ini telah pun diberi insentif-insentif kenaikan pangkat mulai dua tahun lepas. Ini merupakan satu penghargaan kepada kakitangan yang bekerja kuat untuk menjayakan Misi Nasional, untuk menjayakan rancangan pembangunan di dalam negara kita.

Apa yang saya nampak di sini di mana Jabatan Kerja Raya Malaysia yang mana bangunan pentadbiran dan juga pengurusan kepada JKR ini terletak di merata-rata tempat di Kuala Lumpur termasuklah di Bangunan TIMA dan sebagainya. Apakah kementerian mempunyai perancangan untuk membina bangunan ataupun kompleks yang lengkap, yang besar yang boleh memuatkan seluruh kakitangan kementerian dan juga Jabatan Kerja Raya kerana apabila satu kompleks ataupun satu bangunan yang boleh memuatkan seluruh kakitangan Jabatan Kerja Raya di bawah satu bumbung.

■ 1640

Saya rasa lebih menyenangkan lagi, lebih efisien lagi pengurusan dan kerja-kerja JKR. Apakah kementerian bercadang untuk membina kompleks yang lengkap ini ataupun apakah kementerian telah pun bercadang untuk berpindah Kementerian Kerja Raya dan juga Jabatan Kerja Raya ini ke Pusat Pentadbiran Putrajaya? Butiran 06006 - Jalan-jalan Raya Baru.

Saya bagi pihak rakyat Tanah Merah ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana permintaan kami, permintaan saya selaku Ahli Parlimen bagi Tanah Merah di Dewan ini tidak sia-sia. Kita bercakap di Parlimen diberi perhatian oleh kementerian terutamanya Kementerian Kerja Raya di

mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 16 September telah mengumumkan peruntukan ataupun kelulusan kepada jalan Tanah Merah ataupun jalan pintas Tanah Merah. Ini merupakan satu keperluan yang amat sangat untuk menyelesaikan masalah kesesakan jalan raya di Tanah Merah. Susulan daripada itu Yang Berhormat Menteri pada 4 Oktober lepas telah pun melawat sendiri jalan pintas Tanah Merah. Di sini saya ingin memohon kepada Yang Berhormat Menteri supaya mempercepatkan pembinaan jalan pintas Tanah Merah sebagaimana yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa berkunjung ke Tanah Merah pada September lepas.

Saya terus kepada Butiran Memperelok Jalan-Jalan di mana sebagai contoh, jalan-jalan daripada Gua Musang ke Kuala Lipis sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh tadi. Di mana banyak kawasan yang berbahaya yang perlu dinaiktarafkan kawasan-kawasan *black spot* dengan izin. Mungkin untuk kita tunggu satu projek lebuhraya yang besar ataupun projek yang dalam rancangan yang akan datang untuk menaik taraf Jalan Gua Musang-Kuala Lipis mungkin lambat.

Jadi di sini saya menyarankan kepada Yang Berhormat Menteri supaya mengambil berat kepada jalan-jalan yang berbahaya di kawasan laluan yang saya sebutkan tadi, kerana saya boleh dikatakan setiap minggu menggunakan jalan berkenaan. Tambahan pula kenderaan berat seperti lori balak dan lori-lori, bas banyak menggunakan jalan berkenaan menyebabkan jalan sesak dan juga rosak.

Saya teruskan kepada Butiran Projek-projek Keselamatan Jalan Raya, Butiran 08500, di mana saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah meluluskan jejantas untuk pejalan kaki di kawasan-kawasan sekolah di Tanah Merah yang mana untuk keselamatan anak-anak yang melintasi jalan. Ini adalah penting bukan sahaja di Tanah Merah.

Saya menyarankan supaya kementerian mengkaji kawasan-kawasan yang berisiko untuk dibina jejantas dan juga laluan pejalan kaki kerana hari ini kita lihat, kita dapati statistik kematian di kalangan kemalangan jalan raya adalah yang tertinggi daripada kalangan pejalan kaki. Ini menunjukkan bahawa pejalan kaki berisiko tinggi dan saya mencadangkan kepada kementerian supaya mengambil serius kepada perkara ini. Tuan Pengerusi, dengan itu saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Setiu.

4.45 ptg.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menyebut satu, dua perkara sahaja dalam Dewan ini berkenaan dengan Kementerian Kerja Raya. Sebelum itu, saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya kerana telah meluluskan beberapa projek di kawasan Setiu. Namun ada projek yang dapat berjalan dengan baik terutamanya di laluan pantai. Saya ingin

menyentuh satu projek yang sedang dibuat projek jalan dan juga jambatan yang sedang dibaiki di laluan Kuala Terengganu ke Besut yang mana laluan jalan utama ini, saya melihat perjalanannya terlalu perlahan sekali dan saya telah mengemukakan soalan ini kepada Dewan. Soalan lisan tetapi jawapan yang saya terima mengenai masalah perunding dengan kontraktor.

Walau bagaimanapun saya sekali lagi ingin menekankan perkara ini Tuan Pengerusi kerana saya melihat perjalanan kerja-kerja tersebut begitu perlahan. Saya selalu ditegur oleh rakan-rakan daripada Besut yang menuju ke Kuala Terengganu, rakan-rakan daripada Kuala Terengganu yang menggunakan laluan yang sama menuju ke Besut kerana melihat perjalanan projek tersebut begitu perlahan sekali. Saya mengharap kerana tidak pasti, apakah masalah di antara konsultan ataupun masalah kontraktor itu sendiri? Saya percaya semasa suatu mesyuarat khas yang dikatakan pada 8 Ogos 2007, saya rasa saya tidak terlibat pada masa itu dan saya tidak dapat satu kepastian mengenai masalah hubungan di antara kontraktor dengan unit asal projek tersebut.

Saya berharap pihak kementerian dapat mengambil inisiatif yang lebih baik lagi supaya perjalanan projek ini dapat berjalan dengan baik kerana daripada awal tahun sampai sekarang, saya kalau hendak menceritakan Yang Berhormat Menteri, saya melihat projek ini lebih menumpukan kepada pembinaan jambatan-jambatan. Orang kata ditebuk-tebuk, jalan ditebuk-tebuk, tetapi apabila datang hari hujan, air bertakung dan sebagainya, menyebabkan suasana jalan yang tidak selamat kepada pengguna-pengguna jalan raya.

Perkara yang kedua, Butiran 70000 Yang Berhormat Menteri, ini sedikit masalah kepada jalan-jalan yang perlu diperbaiki. Memperelok jalan-jalan yang biasanya berlaku kerap kali jalan-jalan pecah, tetapi kelambatan daripada pihak *road-care* untuk membaik pulih. Kadang-kadang saya rasa perkara ini juga mengganggu dan membahayakan pengguna jalan raya yang sepatutnya seminggu sekali perlu diperbaiki kerana kalau lambat, lubangnya semakin dalam dan bahayanya semakin besar.

Seperkara lagi, di bawah Butiran 02800, sekali lagi saya ingin menyentuh satu jambatan. Yang menjadi masalah ialah penghujung jalan JKR, tetapi jambatan tersebut menghubungkan jalan kampung. Kalau kita merujuk kepada Pejabat Kerja Raya Daerah, beliau menghadapi masalah kerana di jalan seberang adalah jalan di bawah KPLB. Kalau kita merujuk kepada KPLB, KPLB menyatakan bahawa di sebelah sini jalan KPLB, tetapi di seberang sana adalah jalan JKR. Saya mengharapkan supaya pembinaan jambatan ini yang telah runtuh akibat banjir, sudah hampir 3 tahun Yang Berhormat Menteri iaitu di Pengkalan Merbau di dalam daerah Setiu supaya dapat dipercepatkan kerana kelambatan ini menimbulkan masalah kepada masyarakat di luar bandar.

Sampai di situlah Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini siapa lagi hendak berucap? Ini sahajalah?

Beberapa Ahli: *[Bangun].*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya akan cuba memberi peluang kepada semualah, tetapi tadi saya cuba utamakan peluang kepada mereka yang kurang berucap. Jadi tadi itu sebab saya bagi kepada mereka, yang sentiasa bahas bolehlah diberikan peluang nantilah. Saya fikir Yang Berhormat Menteri pun suka hendak dengar rintihan daripada semua, jadi saya akan cuba beri peluang kepada semua. Kalau tidak dapat selesaikan semua, kita boleh sambung pada hari esok. Tapi janji semua kena berada dalam Dewan ini, jangan keluar. Yang Berhormat Kubang Kerian.

■1650

4.50 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan saya tidak akan mengambil masa yang panjang..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ipoh Barat, nak minta penjelasan ha?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah bingung tadi? Tak tahu duduk ha?

Seorang Ahli: Kecewa tak pilih dia.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Oh, ini tak pilih dia kecewa. Bolehlah, nanti saya akan pilih Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Pengerusi dan terima kasih Menteri Kerja Raya yang datang ke Parlimen untuk menjawab dan mendengar rintihan rakyat dalam peringkat Jawatankuasa ini.

Saya mula dengan Butiran 070600 dan 070700 sebagaimana yang dirintih oleh Ahli-ahli Parlimen dalam Dewan yang mulia ini tentang ingin tahu, sama ada bayaran RM380 juta ini kepada bayaran pampasan tol dan bayaran balik pinjaman LLM ini sudah tentu akan melibatkan isu kenaikan harga tol yang akan datang.

Tuan Pengerusi, tahun depan yang pastinya naik adalah harga petrol, harga bil TNB, barang-barang makanan rakyat sedang naik di pasaran dan sedang menunggu yang hampir pasti ialah kenaikan harga tol. Saya bersetuju dengan pandangan-pandangan yang diberikan oleh rakan-rakan tadi termasuk Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional sendiri dan Menteri Kerja Raya sendiri adalah merupakan menteri daripada Kerajaan Barisan Nasional, tradisi membela rakyat.

Saya rasa telah sampai masanya untuk kerajaan mengkaji semula tentang dasar kita dengan syarikat-syarikat konsesi yang melibatkan kenaikan harga tol ini. Jadi, kita pun tak mahu isu ini menjadi satu isu yang berpanjangan, dan yang penting bagi saya adalah supaya suara ini didengari sama ada daripada pihak kami daripada barisan pembangkang dan juga suara Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional sendiri.

Tuan Pengerusi, mungkin terkenang satu perkataan yang pernah keluar daripada mulut seorang pemimpin China, Deng Xiaoping 'Tidak kiralah sama ada kucing itu kucing merah ataupun kucing putih, yang pentingnya ialah kucing itu pandai menangkap tikus'.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini mana satu butiran?

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: 070600 supaya kucing-kucing ini dapat menangkap tikus dan tikus ini tidak menangkap kucing, Tuan Pengerusi. Jadi adakah menteri akan menjawab soalan yang sama juga dan memberikan jawapan yang sama juga bahawa konsesi ini rahsia *private and confidential*, tidak boleh didedahkan kepada umum dan tetap akan memperjelaskan bahawa tol ini tidak akan boleh diubah sama sekali sehinggalah beliau meninggal dunia. Jadi, adakah ini dasar kerajaan tradisi membela rakyat yang saya bersetuju dengan pandangan-pandangan, bahawa kerajaan perlu mengambil tindakan supaya bila ianya telah menjadi suatu liabiliti, beban kepada kerajaan dan kerajaan melontarkan kembali liabiliti ini kepada rakyat, rakyat jugalah yang terpaksa menanggung beban daripada hasil perjanjian yang berat sebelah ini, yang tidak didedahkan sampai kepada hari ini isi kandungannya kepada rakyat.

Yang kedua, Tuan Pengerusi tentang Butiran 060300 dan Butiran 040500 - Cawangan Pakar dan Kejuruteraan Awam, dan juga Butiran 020200 - Cawangan Kejuruteraan Cerun. Tuan Pengerusi, kita telah ada pengalaman pahit tragedi runtuhnya Highlands Towers, tragedi tanah runtuh di Genting Highlands dan baru-baru ini terjadi lagi di Hulu Kelang berlakunya tanah runtuh di cerun-cerun yang sangat kritikal dan kita memerhatikan sampai pada hari ini di Highlands Towers sebagai contoh, di kawasan bangunan tinggi ini masih lagi terdapat bangunan-bangunan yang ditinggalkan.

Saya mahu penjelasan daripada pihak kementerian, adakah ada tindakan untuk meruntuhkan bangunan tersebut yang telah ada sekarang ini rumah-rumah, misalnya di Genting Highlands sebagai contoh kalau kita lihat, adakah maknanya pakar-pakar cerun ini tengok sahaja, nanti bila runtuh barulah ada pakar cerun pergi tengok dan mengatakan ini tidak sepatutnya didirikan, ini kecuai dan berlakulah tuding menuding di antara kementerian dengan pihak berkuasa tempatan, barulah kita hendak menyelesaikan perkara ini. Jadi saya mengharapkan Cawangan Kejuruteraan Cerun ini dapat melihat perkara-perkara yang saya bangkitkan sebentar tadi.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, tentang Butiran 18401 tentang Jumlah Perumahan Kerajaan ini, saya ingin tahu adakah ini termasuk pembinaan Istana Negara yang baru yang menjadi cukup kontroversi, yang kita melihat harga kontrak ataupun harga untuk membina Istana Negara baru ini bagi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah mencapai pada satu jumlah yang dikatakan RM1 bilion. Adakah ini satu perkara yang betul ataupun kementerian perlu mendedahkan berapakah jumlah sebenarnya harga asal yang diberikan kepada kontraktor tersebut dan ianya menjadi satu isu yang kontroversi, dan saya mengharapkan kementerian

dapat memberikan penjelasan terhadap isu sebenar dan harga sebenarnya pembinaan Istana Negara baru ini. Sekian, Tuan Pengerusi.

4.56 ptg.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: *[Bangun]*

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma ada satu perkara saja.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: *[Menyampuk]* Satu minit saja.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Ha, mengenai Butiran 050..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sungai Petani, apa sebab berdiri? Bangun? Minta penjelasan?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Saya banyak kali bangun.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak kali bangun? Saya nampak tapi peluang akan diberikan nanti. Sila duduk, sila duduk.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Tuan Pengerusi, boleh saya teruskan?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, sila.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Saya cuma ada satu perkara saja mengenai Butiran 050600 – Pengurusan Projek. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kementerian kerana telah memberikan satu peruntukan agak besar untuk membina sebuah *fly over* di Jalan Pontian Lama ke Skudai di kawasan saya. Tujuannya ialah supaya kesesakan di simpang itu dapat diatasi.

Saya juga ingin mengucapkan tahniahlah kepada kementerian kerana projek ini telah disiapkan pada bulan yang lepas dan masalah di simpang itu kesesakan jalan telah atau boleh dikatakan selesai, tetapi untuk makluman Yang Berhormat Menteri, penduduk di kawasan Skudai, tidak menikmati faedah dari persiapan projek itu kerana satu kesesakan jalan telah timbul di simpang masuk ke Taman Engku Tun Aminah dari Senai atau Pontian. Kesesakan berlaku tiap-tiap hari terutamanya pada petang atau pagi selepas projek itu siap.

Saya berharaplah Yang Berhormat Menteri dapatlah cari jalan atau mengkaji semula untuk mengatasi masalah ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Untuk jalan mana Yang Berhormat?

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Jalan itu ialah di simpang nak masuk Taman Engku Tun Aminah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lagi, masuk ke kawasan Senai? Adakah termasuk Senai?

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Bukan, dari...

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: *[Menyampuk]* Ya lah, ya lah. Masuk Senai lah.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Sama jugalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Oh samalah? Jangan lupa..

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [*Menyampuk*] Kawasan Kulai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ha, kawasan Kulai. Jadi, kalau menteri nak buat, pasti masukkan Senai. Kalau tak ada, tak payah buatlah.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Ya, ya. Sila masukkan ucapan Datuk.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Tolong beritahu Yang Berhormat Menteri Kerja Raya ya.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Ya, ya. Ok. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Tuaran.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*] Tadi kata sebelah sini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya cakap nanti, saya tak cakap bila.

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

4.59 ptg.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk terus berbahas peringkat Jawatankuasa bagi Maksud P.27 – Kementerian Kerja Raya.

■1700

Saya ingin berbahas dalam empat Butiran secara pendek sahaja. Pertamanya Butiran 08260 - Naiktaraf dan Memulihkan Jalan (Projek Baru). Butiran ini telah diperuntukkan sebanyak RM17 juta. Jadi saya ingin tahu apakah naik taraf jalan raya dimasukkan sebab seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Setiu awal tadi ataupun Yang Berhormat bagi Kuala Krau, telah menyatakan bahawa ada juga peruntukan yang diberikan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Dalam hal ini Tuan Pengerusi saya ingin membawa perhatian kepada Dewan yang mulia ini bahawa di kawasan saya di Tuaran untuk naik taraf jalan raya JKR yang masih lagi *gravel*, kita mempunyai 199 kilometer.

Apa yang saya ingin tekankan untuk mengambil perhatian Yang Berhormat Menteri ialah bahawa, dalam penaikan taraf ini terdapat banyak kelewatan dalam pelaksanaan khususnya peruntukan yang disalurkan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Ini adalah akibat daripada kelewatan pihak konsultan ataupun yang menjalankan kerja-kerja soal *investigation*, selepas itu membuat yang membuat BQ. Sebagai contoh di kawasan saya di Tuaran ada tiga jalan raya yang akan di naik taraf iaitu Jalan Tomis - Lokos Wasaik, Jalan Pukat Mantud, Jalan Tudan Nakuarin. Saya telah mendapat balasan di Dewan yang mulia ini bahawa kerja-kerja pelaksanaan akan bermula pada bulan September, tetapi sehingga pada hari ini belum lagi bermula dan ini adalah disebabkan oleh kelewatan konsultan tadi.

Jadi saya ingin mencadangkan kalau boleh sebab peruntukan yang diberikan ini dianggarkan lebih kurang RM1 juta untuk satu kilometer. Jadi setelah dibuat soal *investigation*, selepas itu dibuat lagi perunding, kadang-kadang kosnya akan meningkat sampai RM2 juta ada juga sampai RM3 juta satu kilometer. Akhirnya pihak JKR terpaksa lagi memohon balik peruntukan di EPU dan sebagainya. Jadi saya ingin mencadangkan supaya kalau boleh, peruntukan untuk kerja-kerja konsultan ini dipisahkan daripada kerja-kerja pelaksanaan. Maknanya semua kos untuk konsultan ini, soal *investigation* dan sebagainya diberi oleh JKR, peruntukan disalurkan ke JKR dan untuk pelaksanaan pembinaan naik taraf diberi kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Seterusnya Tuan Pengerusi saya beralih ke Butiran 05100 - Jalan-jalan Besar di Sabah dan juga Butiran 41000 - Kajian Kemungkinan Jalan (Projek Baru). Untuk Butiran ini wang sebanyak RM27 juta diperuntukkan. Dalam Butiran ini Tuan Pengerusi, saya ingin membuat perhatian di Dewan yang mulia ini tentang satu jalan ataupun *trunk road* iaitu Jalan Telipot - Kiulu Lokos, Toboh Topokon-Ranau yang sudah sekian lama dicadangkan dan dalam penggal yang lepas dalam Rancangan Malaysia Kelapan sebenarnya kelulusan telah pun dibuat, *letter of intend* telah diberikan kepada sebuah kontraktor dan kerja-kerja *survey alignment* dia sudah pun dijalankan tetapi akhirnya oleh sebab projek ini tidak termasuk dalam Rancangan Malaysia Kelapan ditarik balik.

Akhirnya pada hari ini terbengkalai begitu sahaja dan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan disenaraikan tetapi di mana keutamaan? Saya mencadangkan dan memohon supaya projek ini dimasukkan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan sebab projek ini mempunyai kesan yang amat besar terhadap *viability* Taman Perindustrian Kota Kinabalu. Selain daripada itu ia juga akan menjadi *catalyze* kepada pembangunan di sepanjang jalan daripada Jalan Telipot-Kiulu sampai ke daerah Ranau selain daripada menjadi jalan alternatif apabila ada kejadian tanah runtuh di sepanjang Jalan Tamparuli-Ranau.

Seterusnya Tuan Pengerusi saya beralih ke Butiran 08230 - Pembinaan Jambatan (Projek Baru). Butiran ini telah diberi peruntukan sebanyak RM21 juta dan saya ingin tahu di manakah jambatan-jambatan di negeri Sabah yang akan dibina ini? Dalam Mesyuarat Kabinet yang lepas, dalam Rancangan Malaysia Kelapan telah diluluskan begitu banyak jambatan-jambatan negeri Sabah termasuk lima buah jambatan di kawasan saya di Parlimen Tuaran iaitu Jambatan Sungai Damik, Jambatan Kiuluk, Jambatan Mengladam dan beberapa lagi, dan semuanya kos ada dan telah diluluskan, tetapi sehingga pada hari ini tidak ada bayang-bayang pelaksanaan. Kita tidak tahu sama ada jambatan-jambatan ini akan dilaksanakan atau tidak. Jadi saya ingin tahu daripada pihak Yang Berhormat Menteri, di manakah jambatan-jambatan yang akan dibina di negeri Sabah pada tahun ini dan apakah khabar berita dengan beberapa jambatan di kawasan Parlimen Tuaran yang sudah tidak dilaksanakan.

Seterusnya Tuan Pengerusi ke Butiran 12400 - Meminda dan Membaharui Bangunan Kerajaan Persekutuan. Dalam Butiran ini sebanyak lebih kurang RM2 juta lebih peruntukan telah diberikan. Dalam kesempatan ini saya ingin membuat perhatian kepada bangunan Kompleks Pentadbiran Negeri Sabah yang baru dibina. Begitu indah, tersergam indah dan begitu melambangkan sesuatu yang begitu megahlah bagi kita kerajaan yang ada sekarang iaitu Kerajaan Barisan Nasional. Kedudukannya bersebelahan dengan Universiti Malaysia Sabah, tetapi yang sedihnya setelah dibina kita lihat *tiles* yang telah dilekat berjatuhan dan sebagainya. Hari ini ia kelihatan begitu hodoh.

Saya nampak ada kerja-kerja untuk membaik pulih dan sebagainya kepada bangunan yang baru siap. Jadi saya ingin tahu sama ada pihak kontraktor sudah habis dibayarkah?

Apakah projek ini yang telah dipertanggungjawabkan kepada pihak pelaksana, pihak kontraktor? Dalam hal ini saya nampak keadaan bangunan yang ada sekarang, pembinaan ataupun pembaikpulihan yang dibuat sekarang ini, ia menjatuhkan maruah Kerajaan Barisan Nasional yang telah memberikan sebuah bangunan yang begitu indah.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, berhubung dengan kerja-kerja JKR dalam bangunan juga, iaitu penyelarasan di antara JKR dengan jabatan-jabatan yang berkenaan. Sebagai contoh di antara JKR dengan Jabatan Pelajaran. Saya difahamkan bahawa, yang melihat keadaan bangunan-bangunan kerajaan khususnya rumah-rumah guru sebagai contoh di kawasan saya di Parlimen Tuaran, ialah JKR yang membuat *estimate* dan sebagainya.

Akhirnya bila ada pembaikan dan sebagainya, tidak ada yang tahu menahu. Dibuat terus sebab, kadang-kadang peruntukan dibawa melalui Jabatan Permohonan Persekutuan (JPPS). Jadi saya ingin tahu, bagaimanakah penyelarasan dibuat di antara agensi khususnya di antara JPPS dan juga JKR dalam soal pembaikpulihan rumah-rumah kerajaan? Itu sahaja Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sungai Petani.

5.07 ptg.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tidak panjang, saya pun telah sedia daripada semalam untuk membangkitkan.

Tuan Pengerusi: Semalam sudah sedia?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya, sejak semalam sudah sedia. Kuala Lumpur kata semalam, *yesterday*.

Tuan Pengerusi: Tidak panjang?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Boleh tahan juga. Tuan Pengerusi, saya hendak bangkitkan Butiran 02800 – Memperbaiki/Mengganti dan Menaikkan Taraf Jalan dan Jambatan. Cuma ada di kawasan saya ialah sebuah jambatan lama, warisan negara kita iaitu Jambatan Merdeka yang menghubungkan kawasan Sungai Petani dengan Kepala Batas. Jadi

itu cukup baik dan *architecture* nya cukup cantik. Jadi saya mahu tahu daripada kementerian ini, adakah ia sudah dipantau dan untuk memastikan bahawa tidak apa-apa yang akan berlaku kepada jambatan ini, kerana saya dengar cerita di sesetengah negara jambatan-jambatan lama dia mula runtuh.

Jadi apakah kalau tidak ada pemantauan dan juga pembaik pulih dan sebagainya, tidakkah mungkin jambatan ini juga akan menerima nasib yang sama? Oleh itu harap-harap kita tidaklah ia berlaku kepada jambatan yang begitu indah sekali di kawasan Utara. Keduanya ingin saya ajukan juga mengenai jalan-jalan yang akan dibina nanti. Kami di Kedah terutama sekali di kawasan saya, kita memerlukan kawasan kita panggil dengan izin, *coastal road* yang mana dulu ada perancangan *coastal road* daripada Kuala Kedah termasuk ke kawasan saya, sehinggalah ke Kepala Batas. Jadi apakah telah terjadi kepada projek itu kerana untuk menarik banyak pelancong-pelancong tempatan dan luar.

Sekali lagi saya juga ingin menanya kepada pihak kementerian mengenai apabila jalan-jalan raya ini sudah di baik pulih dan dinaiktarafkan begitu baik, apakah tidak boleh memikirkan semula mengenai dengan had laju di atas jalan. Apakah kita masih kekalkan had laju yang sama ataupun oleh sebab jalan terlalu baik maka berlakulah *accident*. Ini yang kita tidak mahu ia berlaku. Jadi ingin juga saya mahu tanya dengan pihak kementerian, jalan-jalan raya yang kurang baik dan kita anggap satu jalan atau selekoh dan sebagainya yang berbahaya, apakah sekarang penjelasan daripada pihak kementerian untuk menyatakan kepada kita itu adalah *human error* dan sebagainya disebabkan berlakunya *accident*.

■1710

Jadi apakah tindakan-tindakan selanjutnya dalam 02800 ini akan kita memastikan semua jalan raya yang dianggap berbahaya tadi dapat dipantau dan juga tindakan segera dapat diambil. Tadi ramai rakan saya terutama sekali di sebelah Pantai Timur membangkitkan perkara-perkara ini saya berharap ini akan diambil tindakan segera.

Perkara yang bersabit dengan membaiki, mengganti dan menaik taraf jalan raya dan jambatan ingin saya tahu daripada pihak kementerian juga apakah peranan sekarang pihak kementerian ini untuk membuat jalan-jalan baru ke sebelah Pantai Timur dan sebelah utara ataupun Koridor Utara kita perlukan jalan-jalan yang baik kerana jalan raya sekarang sudah sesak dan apakah perancangan kita yang akan datang dalam memastikan Koridor Utara tetap berjaya membangun dari segi jalan dan juga kawasan-kawasan itu akan dibina.

Perkara yang saya hendak bangkitkan ini juga ialah mengenai 18600-Pembangunan Teknologi Maklumat. Jadi saya ingin tahu daripada pihak kementerian, apakah dengan peruntukan yang saya anggap begitu kecil bolehkah ia menampung sistem maklumat ini dengan begitu pantas dan apakah pula pihak kita, orang ramai terutama sekali dapat menghubungi pihak kementerian dan sebagainya melalui www.com.my dan sebagainya. Jadi apakah ini langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian kerana pada saya kalau kita menghadapi

banjir umpamanya di mana jalan-jalan kita terkopak dan sebagainya apakah boleh kita, orang ramai terutama sekali menghubungi pihak kementerian ataupun pihak JKR daerah bagi membaik pulih keadaan yang kita anggap begitu memerlukan pembaik pulih dan sebagainya. Itu sistem maklumat.

Satu lagi ialah mengenai 18610-Komputer Kementerian Kerja Raya. Saya hendak tahu juga apakah persediaan JKR dalam hal mempelbagaikan ataupun menaik taraf komputer-komputer yang ada di HQ, negeri dan daerah. Saya tahu banyak lagi di peringkat daerah terutama sekali sistem komputernya mungkin saya rasa tak begitu lengkap dan amatlah tidak baik dan diharaplah pihak kementerian akan mengenal pasti perkara itu.

Akhir sekali ialah perkara 19000 - Penyelidikan dan Pembangunan Kejuruteraan. Ini juga peruntukan saya lihat adalah terlalu kecil. Kalau saya buat pengunjuran saya anggap ini terlalu kecil kerana bidang penyelidikan dan pembangunan kejuruteraan amatlah besar dan ia memerlukan peruntukan yang besar. Macam semalam saya telah bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini mengenai dengan *global warming* saya minta juga Kementerian Kerja Raya ini mengambil peranan juga dalam soal *global warming* misalnya cuaca yang tidak begitu menentu hujan di sana sini dan sebagainya. Jadi apakah penyelidikan yang dilakukan oleh kejuruteraan pihak JKR. Saya tidak tahulah. Begitu juga bagaimanakah pegawai-pegawai penyelidik tadi hendak kita tingkatkan dia sebagai tingkat *world class*.

Kalau kita lihat di Germany umpamanya kalau kita beritahu mengenai AutoOne dia memanglah satu jalan yang begitu baik sekali di antara negara-negara Eropah. Kalau kita sebut sahaja AutoOne kita naik atas jalan itu cukup baik sekali. Memang kita bangga di Malaysia jalan-jalan raya kita cukup baik tapi kadangkala apabila cuaca kita yang tidak menentu hari ini hujan lebat kadangkala. Ia perlukan penyelidikan yang begitu mendalam dan saya fikir juga pegawai-pegawai yang dikhaskan dalam bidang dan jabatan ini hendaklah mereka sentiasa ditingkatkan ilmu pengetahuan mereka dan cukup kah atau tidak. Ini sekali-kali saya minta Yang Berhormat Menteri ada di sini pegawai-pegawai dia diberi biasiswa untuk melanjutkan ilmu pengetahuan mereka ke seberang laut atau negara-negara yang lebih maju untuk berada dalam dia perlukan penyelidikan yang begitu mendalam. Saya fikir juga pegawai-pegawai yang dikhaskan dalam bidang dan jabatan ini hendaklah mereka sentiasa ditingkatkan ilmu pengetahuan mereka dan cukup kah atau tidak.

. Kalau Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dia ada MARDI, apakah di pihak JKR walaupun saya tahu dia ada unitnya tetapi apakah tahap dan taraf unit penyelidikan ini. Sekali lagi saya ucap terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Barat.

5.16 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi saya mula dengan 050600-Pengurusan Projek. Tuan Pengerusi baru-baru ini satu projek di Tasik Banding yang dibelanjakan sebanyak RM4.5 juta. Satu *administrative complex* yang tiba-tiba telah runtuh. Kompleks Tasik Banding di Gerik. Apa yang merunsingkan masyarakat ialah bagaimana satu projek yang baru dibina di mana ada dikawal selia oleh JKR, wang diagihkan oleh *Tourism Ministry* dan dikehendaki oleh kerajaan negeri dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak mengatakan bahawa dia tidak setuju kepada projek itu langsung dan dia katakan ini dengan izin, *'how can you spend RM4.5 million for a complex that only have 15 rooms. I'm really frustrated with the whole project,'* dia kata. *As an accountant I know that it would be a problem to manage to the limited number of room. You need to have at least 50 rooms for such a place to be economically viable.* Ini yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Besar Perak. Tetapi selepas itu Yang Berhormat Menteri Kerja Raya mengatakan bahawa macam mana ini terjadi dan mungkin satu *panel of expert* perlu di *form*.

Saya difahamkan Pengarah JKR Negeri Perak mengatakan bahawa satu *committee professional body* perlu ditubuhkan supaya menyasat bagaimana kejadian ini berlaku dan kami sendiri telah mengatakan bahawa satu komiti perlu ditubuhkan untuk menyasat dan adakah penyiasatan itu akan di *made public*. Yang mustahak adalah ini sehingga hari ini menteri termasuk Menteri Besar Perak menyatakan amaun yang telah digunakan untuk membina projek itu adalah RM4.5 juta. Tetapi soalan saya yang saya hendak tanya adakah itu benar dan adakah itu betul-betul kerana saya ada dokumen-dokumen, saya ada....

Dato' Seri S. Samy Vellu: Lebih baik saya cakap sekarang. Projek itu bukan projek JKR.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, pembesar suara.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tahu walaupun itu bukan projek JKR tapi kawal selia dari segi pengurusan projek oleh JKR.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau itu sudah terkeluar daripada butiran.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan, kawal selia. Kalau bukan adakah Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa tidak ada kena-mengena, saya tak tahu, saya tak mahu tahu, yang saya kata dalam surat khabar itu adalah tidak benar. Adakah itu kesimpulannya?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Itu tidak ada apa-apa.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tidak ada kawal selia. Jadi apa yang dikatakan dalam surat khabar itu adalah tidak benar.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, pembesar suara.

Dato' Seri S. Samy Vellu:Apa yang dikatakan dalam surat khabar itu projek itu bukan kita punya projek. Pelaksana itu bukan kita laksana. Kita tidak jaga projek. Apabila ada masalah, ada juga satu kejadian seperti itu, tanggungjawab sebagai satu agensi teknikal untuk menyiasat dan melaporkan kepada Menteri Besar.

■ 1720

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih, ini saya lebih tahu. Jadi ada kemungkinan satu laporan akan dibuat. Tetapi yang mustahak adalah ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Menteri sendiri sudah kata, projek ini tidak kena-mengena dengan kementerian. Oleh itu saya....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, saya rasa memandangkan ini adalah satu kawal selia oleh kementerian...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, sekarang kita....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *The ministry cannot run from his responsibility.* Saya ingin kepada Yang Berhormat Menteri....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ipoh Barat, menteri sudah menyatakan JKR tidak bertanggungjawab.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya setuju.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tambahan pula, sekarang kita berada di peringkat jawatankuasa untuk membincangkan bajet bagi Kementerian Kerja Raya. Jadi saya fikir...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan, sebagai kawal selia....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ... bukan tempat, bukan masa untuk bangkitkan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya bukan tempat, bukan masa.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sebagai kawal selia, saya katakan adakah satu *committee* akan sediakan untuk menyiasat dan adakah *report* itu akan dibuka dibuat *public*, setakat itulah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat menteri....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, biar saya selesaikan saya punya hujah. Menteri kata dia tidak akan menjawab.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia tidak kata dia tidak akan jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak kena mengena.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kalau katakan wang diagihkan, saya setuju, Yang Berhormat menteri pun setuju. Tetapi *the technical requirement* itu yang dikatakan oleh menteri bahawa ada kena mengena setakat itu. Saya ingat tidak ada sesiapa pun yang katakan Yang

Berhormat menteri jabatan atau kementerian yang salah. *I think lets be very frank.* Tetapi sebagai kawal selia. Mungkin Yang Berhormat Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Ipoh Barat, apakah Yang Berhormat sedar juga sebelum bangunan ini runtuh, dua tiga minggu sebelum itu, pihak JKR juga ada memberi nasihat bahawa menurut laporan, bangunan itu mungkin ada masalah dalam *structure pillar* dan mencadangkan menurut laporan agar kerja-kerja pembaikan dilakukan. Mengapa sedemikian? Jika memang tidak *viable* dari awalnya apakah patut cadangan pembaikan strukturnya sebaliknya dicadangkan? Itu persoalan pertama. Apakah Yang Berhormat Ipoh Barat juga ingin tahu apakah perkembangan siasatan oleh JKR ini dinyatakan akan dikemukakan kepada Kabinet, apakah ia juga akan dimaklumkan untuk umum. Apakah hasil siasatan seterusnya?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih kepada cadangan itu. Saya rasa itu kena pada topik yang saya bincangkan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Awak kena jawab...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini saya masuk sebahagian daripada ucapan saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak mahu jawab soalan Batu Gajah?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya ingat kena mengena. Mengenai *structural defect* itu saya ada menulis satu mengenai perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah. Soalan, soalan?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sebenarnya sebulan sebelum itu *you can put in a thumb into the building*, ada *crack* sedemikian. Saya hendak katakan bukan sebanyak RM4.5 juta sahaja, sebenarnya Yang Berhormat Menteri Besar kenapa saya tidak tahu sehingga tidak mengakui, bahawa bukan sebanyak RM4.5 juta sebenarnya RM7 juta. *There was renovation orders, renovation* yang dibuat yang tidak kena mengena. Ini yang perlu dikenal pasti oleh *committee* yang akan disediakan. Saya tidak tahu adakah Yang Berhormat menteri telah pun menamakan satu *committee of experts, committee of professionals* untuk menyiasat perkara ini. Kalau...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan...

Beberapa Ahli Barisan Nasional: [Merungut]

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Atau Yang Berhormat Ipoh Barat mahu teruskan? Yang Berhormat, bukankah mesti ada *collective responsibility* dalam aspek ini. Sebab peruntukan ini adalah daripada Persekutuan dan saya mengetahui bahawa pihak Menteri Besar telah menunjukkan kes ini kepada penasihat undang-undang negeri untuk mencari siapakah yang patut memantau peruntukan yang telah....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ... disampaikan ke peringkat negeri untuk projek itu untuk memantau perkembangan projek.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan itu tidak salah. Tetapi sekarang kita membincangkan...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi Yang Berhormat Ipoh Barat bukannya pihak kementerian.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ... berkenaan JKR.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ... kerajaan Barisan selalu melaung-laungkan *collective responsibility*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi Yang Berhormat Ipoh Barat boleh minta menteri beritahu sepatutnya dalam kes sedemikian...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ... peruntukan di sampai...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, siapa berucap sekarang?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya minta penjelasan. Apa masalah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masalah Yang Berhormat...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mungkin boleh minta Yang Berhormat Menteri...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat yang menghadapi masalah, saya tidak ada masalah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi biar saya habiskan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Batu Gajah ada masalah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Biar saya habiskan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Masalah, banyak masalah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Apakah Yang Berhormat Ipoh Barat hendak tanya menteri dalam aspek *collective responsibility* ini dan juga....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat cukup.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ... dan juga dalam kes sedemikian siapakah sepatutnya memantau projek apabila peruntukan daripada Persekutuan di disampaikan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ipoh Barat faham apa yang Yang Berhormat katakan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Biar saya habiskan dahulu. Saya minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sila duduk, sila duduk. Kalau selalu sambung saya tidak boleh habiskan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Batu Gajah sakit jiwa.

Seorang Ahli: Ini petang-petang dengan Tuan Pengerusi pun mahu lawan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya rasa apa yang diluahkan oleh Batu Gajah itu betul. *There must be collective responsibility* itu kita tidak boleh lari dari tanggungjawab. Saya rasa ini adalah satu perkara yang mustahak. Saya harap Yang Berhormat menteri akan ambil serius dan memberikan penjelasan mengenai hal ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Selain daripada itu, saya hendak bahas mengenai 00500 - Jalan Simpang Pulai-Lojing-Gua Musang-Kuala Berang. Sebenarnya Tuan Pengerusi perkara ini telah saya bangkitkan sejak saya jadi Ahli Parlimen Telok Intan pada tahun 1998, 1999. Saya tengok *estimate* yang penuh pada masa itu adalah kurang dari setengah bilion. Sekarang sudah melambung naik dekat satu bilion. Apa sudah jadi? Kalau kita perlu hanya setengah bilion dan sekarang menjadi satu bilion, jadi saya rasa ada sesuatu yang tidak kena. Saya masih ingat apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat menteri pada waktu itu apabila saya bertanya "*Where is the road leading to?*". Yang Berhormat Menteri ada berkata "*It is leading to somewhere, you don't have to worry.*". Kita akan habiskan.

Yang menjadi masalah sekarang adalah, sekarang lebih daripada RM63 juta diperlukan. Jadi tahun lepas saya ada tanya soalan dikatakan mungkin satu terowong dibuat kerana saya pun kerap kali menggunakan jalan itu, selalu hakisan tanah berlaku dan adakah beberapa kompromi telah dibuat? Kenapa kita harus menggunakan wang yang berlebihan dan soalan satu lagi adalah saya difahamkan bawah ada *soft term loan* dari World Bank atau Asian Bank. Adakah bayaran telah dibuat dan berapa yang kita telah dapat pinjaman dari sana?

Selain daripada itu, 60000 - Naiktaraf Jalanraya dan Laluan. Antara Jelapang ke Ipoh di mana Yang Berhormat menteri telah mengatakan bahawa lebih RM200 juta akan diguna pakai untuk mengatasi masalah Jelapang Tol dan soalan saya adalah bilakah projek ini akan siap dan adakah apabila siap, berapa tol akan disediakan di sana kerana sekarang kita hanya ada dua tol. Saya difahamkan mungkin empat tol akan dikenakan dan adakah pihak-pihak yang menggunakan jalan itu juga akan dikenakan bayaran tol? Akhir sekali adalah mengenai bayaran pampasan tol.

laitu kita semua tahu bahawa beberapa ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu ini. Yang saya hendak tahu dari mula tahun pembayaran tol ini berapa jumlah tol yang telah dikutip dan kenapa jalan-jalan *North-South Highway* ini walaupun saya telah bangkitkan mengenai dua perkara. Mengapa lampu-lampu tidak nyalakan pada waktu malam di mana kerap kali berlaku *accident*. Dan kedua adalah pengambilan pekerja-pekerja OKU. Yang Berhormat Menteri pada tahun lepas telah mengatakan bahawa keutamaan akan diberikan kepada OKU. Saya tengok di merata tempat tidak ada satu OKU pun diambil. Kenapa tidak ada keutamaan diberikan kepada mereka dan akhir sekali bukankah masa sudah tiba kita hanya *nationalize*

North-South Highway dan untuk kebaikan semua dan mengenai *agreements* yang dibuat saya tidak tahu kenapa ia dirahsiakan.

Kita semua tahu bahawa tidak ada *arms length deal* berlaku dalam perjanjian. Timbalan Perdana Menteri telah mengatakan bahawa pada tahun 2004 bahawa kita perlu siasat balik, kita perlu baca balik, tengok adakah perjanjian ini *done in arms length* dan perlukah kita kaji balik dan mengambil tindakan untuk mengatasi masalah ini kerana itu adalah satu situasi *lose-lose, it is not a situation of win-win* dalam hal ini , terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Tebrau.

5.29 ptg.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. perkara-perkara yang akan saya bangkitkan ringkas sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh balik, esok sambung.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan Mesyuarat ini sehingga pukul 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.